


Jilid III
Bil. 24



Hari Jumaat
30hb Jun, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Had Tempoh Berucap [Ruangan 4745]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4745]**

ATURAN URUSAN MESYUARAT:

**Rang Undang-undang ditangguhkan Bacaan Kali Kedua ke Mesyuarat Akan
Datang [Ruangan 4841]**

USUL-USUL:

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990
[Ruangan 4842]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4908]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Rapat Umum.—Larangan: Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
[Ruangan 4908]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASIAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.SI.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

HAD TEMPOH BERUCAP

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat hari semalam hanya enam orang Ahli sahaja yang berpeluang berucap di atas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Saya dapati ramai lagi Yang Berhormat yang hendak berucap atas usul yang tersebut. Oleh itu, mulai hari ini saya akan menghadkan tempoh seseorang Ahli berucap selama 20 minit. Dengan demikian, adalah diharapkan ramai lagi Yang Berhormat Ahli-ahli dapat mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas usul ini.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ong Tee Keat tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

(Tiada jawapan dari Menteri)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sama ada ini hendak jawab atau tidak, sebab Menteri tidak ada di sini. Macam mana keadaan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan langkau. Nanti sekejap lagi kita akan balik kepada soalan ini semula. Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir).

KEBOCORAN GAS AMMONIA

4. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan kes kebocoran gas ammonia yang dilaporkan kepada Kementerian sejak tahun-tahun lalu dan apakah kes-kes itu;
- (b) apakah tindakan yang diambil ke atas kes-kes tersebut; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan ke atas semua kilang yang menyimpan atau menguruskan bahan-bahan berbahaya, bahan-bahan kimia toksik dan mudah terbakar untuk mengelakkan tragedi Bhopal atau Chernobyl berlaku di Malaysia.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod sebanyak lima kes kebocoran gas ammonia telah dilaporkan kepada Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh. Kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kebocoran gas ammonia di Kilang Air Batu, Kuala Trengganu yang berlaku pada 11hb Disember, 1984.
- (ii) Kebocoran gas ammonia daripada Ammonia Tanker di Stesyen Keretapi Seremban pada 1hb Jun, 1987.
- (iii) Kebocoran gas ammonia di Kilang Teknogas Sdn. Bhd., Kawasan Perindustrian Tangga Batu, Tanjung Kling, Melaka pada 24hb Februari, 1989.
- (iv) Kebocoran gas ammonia di Kilang air batu, Kuala Perlis pada 26hb Februari 1989.
- (v) Kebocoran gas ammonia di Kilang Barkath Marine Products Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada 18hb Mac, 1989.

Tindakan yang diambil antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan satu pasukan penyiasat khas untuk mengenalpasti kes kebocoran yang berlaku itu.
- (ii) Memberi arahan kepada majikan kilang yang mengeluarkan, memproses atau menyimpan bahan-bahan berbahaya seperti gas ammonia supaya menyelenggara dengan sempurna semua paip dan injap penyaluran ammonia.
- (iii) Mengarahkan kilang-kilang dan majikan-majikan yang berkenaan melaksanakan cara penyelenggaraan yang tepat ke atas semua alat-alat seperti

saluran hos dan alat perlindungan keselamatan diri supaya boleh digunakan serta merta pada bila-bila masa terutamanya dalam keadaan kecemasan.

Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Buruh atas kilang yang menyimpan dan mengurus bahan-bahan berbahaya adalah seperti berikut:

- (i) Usaha mengenalpasti instalasi yang menyimpan dan menguruskan bahan-bahan berbahaya telah dijalankan pada tahun 1986 melalui soal selidik.
- (ii) Satu seminar "major accident hazard control" telah diadakan pada tahun 1987 yang dianjurkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera dan Institusi Jurutera Malaysia.
- (iii) Mengadakan kursus pendek untuk pemeriksa-pemeriksa Jabatan Kilang dan Jentera dan juga Jurutera-jurutera Kilang di seluruh negara untuk membuat penilaian dan pengawalan "major accident hazards".

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, sungguhpun telah berlaku 5 kes kebocoran gas ammonia ini, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ini merupakan satu masalah yang serius yang berlaku di negara kita dan saya ingin juga bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar bahawa pemeriksaan yang dijalankan ke atas kilang-kilang yang menyimpan bahan-bahan berbahaya ini adalah sangat lemah dan tidak cukup kakitangan. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan di ambil untuk memperbaiki keadaan ini agar kita dapat memastikan jenis kebocoran ini dapat dielakkan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan beberapa langkah yang telah pun diambil. Adalah benar bahawa kita memang tidak mempunyai, dan bila-bila masa pun tidak akan mempunyai cukup tenaga manusia pegawai untuk menjaga setiap kilang, setiap masa, bila-bila hari. Jadi, terpaksa kita mengambil tindakan yang menyeluruh dengan latihan untuk meningkatkan penyedaran dan sebagainya. Itulah yang dibuat dengan perusahaan ini.

Kementerian memang mengambil berat tentang kejadian-kejadian itu dan kerana itulah kita telah menjalankan beberapa kursus untuk bukan sahaja pihak kilang-kilang, tetapi juga untuk pegawai-pegawai menjadi lebih bernilai dalam nasihat mereka kepada kilang-kilang. Dan dalam kursus-kursus itu kita sudahpun memperolehi pakar-pakar melalui ILO juga untuk membuat kursus itu lebih berkesan lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambah. Selain daripada beberapa cara untuk menjaga keselamatan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu lima kawasan-kawasan yang terlibat tadi, hanya saya satu untuk bertanya bagaimanakah keadaan di kawasan di kawasan terlibat di Tanjong Keling awal tahun ini, yang berlaku yang setahu kita melalui suratkhbar, perkara ini berlaku di sekeliling kampung. Adakah pihak Kerajaan mengarahkan syarikat tersebut supaya menutup langsung kilang mereka atau kilang mereka pindah ke tempat lain ataupun sebaliknya memindahkan mereka yang di sekeliling kampung yang berdekatan supaya perkara ini kalau berlaku tidak menjadi merbahaya kepada penduduk-penduduk sekalian itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan untuk memindahkan kilang itu ataupun penduduk-penduduk yang di sekeliling. Apa yang dibuat adalah untuk menjalankan penyiasatan yang lebih kerap, yang lebih keras terhadap kilang itu. Beberapa lawatan telah diberi kepada logi itu oleh Pegawai-pegawai Jentera dan Kilang untuk memastikan arahan-arahan yang diberi adalah dipatuhi. Juga, untuk membantu kilang ini, pegawai-pegawai telah buat satu "check list" item-item yang harus mereka menjaga dan juga mewujudkan satu, dengan izin, "emergency response manual" untuk kilang itu menentukan bahawa jika berlaku kemalangan, kita harap tidak berlaku, bahawa kita akan mempunyai perlindungan yang lebih baik di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbalik kepada soalan 2.

BAYARAN PAMPASAN KEPADA TUAN PUNYA TANAH

2. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan hendak membayar wang pampasan ganti rugi kepada tuan-tuan punya tanah yang mana tanah-tanah mereka telah diambil oleh Kerajaan bagi maksud pembinaan sebuah sekolah menengah di Menumbok dalam Daerah Kuala Penyu Sabah. Pihak manakah yang bertanggungjawab membuat pembayaran itu dan sudahkan wang bagi maksud itu disediakan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah memastikan agar bayaran wang pampasan ganti rugi kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat dibuat segera. Bagi maksud pembinaan Sekolah Menengah di Menumbok

dalam Daerah Kuala Penyu, Sabah, tuntutan sebanyak \$175,650 telah diserahkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kepada Pejabat Tanah dan Ukur Sabah dan ini telah disalurkan melalui Perbendaharaan Negeri kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan bilakah sekolah menengah di Menumbok dalam Daerah Kuala Penyu itu akan mula dibina dan tarikhnya akan siap. Dan apakah Menteri Pendidikan tahu atau faham bahawa setakat ini pembayaran pampasan ganti rugi belum diadakan oleh pihak-pihak berkenaan kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita baru menyemak keadaan ini pagi ini dan memang disahkan bahawa Perbendaharaan Negeri Sabah telah pun membayar tuntutan tersebut kepada tuan-tuan punya tanah. Mengenai rancangan mengadakan sekolah oleh kerana masalah tanah sudah selesai, saya akan pastikan perkara ini dapat disegerakan sekiranya keperluan sekolah tersebut di kawasan yang berkenaan amat mendesak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir).

PELANCONG KE SABAH— MENGALAKKAN

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah

yang telah diambil oleh Kementeriannya menggalakkan negeri Sabah khususnya Pantai Timurnya dari segi pelancongan. Sila nyatakan sama ada wujudnya sejumlah besar orang-orang pelarian dan pendatang-pendatang haram serta kes-kes jenayah yang dilakukan oleh mereka akan menjejaskan usaha menarik pelancongan di Sabah, jika ya, sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bertanggungjawab memperkenalkan dan memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan secara keseluruhannya. Dalam hubungan ini, Kementerian mengambil langkah-langkah pemasaran yang bersesuaian apabila satu-satu kawasan itu telah dimajukan dari segi kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh para pelancong. Tanggungjawab membangunkan kemudahan pelancongan adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Bagi kawasan Pantai Timur negeri Sabah, pembangunan kemudahan tertumpu di kawasan Sandakan dan Sempurna.

Pada masa ini, Kementerian sedang memasarkan kawasan-kawasan berikut di Pantai Timur Sabah sebagai destinasi pelancongan iaitu:

- Kota Kinabalu sebagai pintu masuk ke Sabah;
- Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok di kawasan Sandakan;
- Pulau Silingan di kawasan Sandakan;
- Pulau Sipadan di Daerah Sempurna untuk peminat "scuba diving";
- Sungai Kinabatangan di kawasan Sukau untuk melihat berok "Probosis".

Mengenai soalan yang kedua iaitu sama ada wujudnya sejumlah besar orang-orang pelarian dan pendatang haram akan menjejaskan usaha menarik pelancong ke Sabah, sukalah saya nyatakan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan kewujudan orang-orang tersebut menjejaskan usaha-usaha menarik pelancong ke Sabah.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah menubuhkan satu pasukan polis pelancongan bagi menjaga dan mengawal keselamatan pelancong-pelancong datang ke negara kita ini sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak. Saya ingin tahu adakah polis pelancongan ini ditempatkan di negeri Sabah dan Sarawak.

Yang keduanya, apakah selama ini polis pelancongan ini dapat memberi perlindungan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Sabah dan Sarawak. Dan setakat ini, apakah jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pelancong-pelancong yang telah dikesan oleh polis pelancongan. Terima kasih.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, pasukan polis pelancongan telah ditubuhkan tetapi pada peringkat permulaannya masih dalam peringkat permulaan. Jadi, untuk menempatkan pasukan tersebut di tempat lain di seluruh Malaysia itu akan ditimbangkan pada masa akan datang. Dan jenayah-jenayah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, buat masa ini jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pelancong seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, nampaknya masih belum ada rekod mengenainya.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang pernah Yang Berhormat sedia maklum bahawa

negeri Sabah adalah satu negeri yang didapati berpotensi dalam menarik pelancongan.

Soalan saya oleh sebab pada masa ini kita dapati pelancong-pelancong terutama sekali daripada Australia dan lain-lain negara asing mendapati kesulitan untuk melancong ke Sabah kerana tidak terdapat penerbangan-penerbangan secara langsung ke Sabah. Adakah Kementerian ini berikhtiar atau berprogram untuk mengadakan atau berunding dengan MAS untuk mengadakan program penerbangan terus daripada Australia ke negeri Sabah?

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar akan masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan untuk mewujudkan penerbangan terus daripada Australia ke Sabah atau dari mana-mana tempat ke Sabah, masalah ini akan dikaji dari segi permintaan oleh para pelancong dan ini ada kaitan langsung dari segi cost benefit yang akan dikaji oleh pihak Sistem Penerbangan masing-masing. Pihak Kementerian saya memang mengambil perhatian berat tentang pandangan Yang Berhormat itu.

SYARIKAT PERWAJA

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) prospek masa depan Perwaja (Syarikat Besi Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.);
- (b) bagaimana kedudukan sumber dan implikasi kewangan yang telah dan akan terlibat dalam penyusunan semula struktur kilang; dan
- (c) dari segi sumber gunatenaga tempatan sejauhmanakah kesannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut telah pun dijawab pada 21hb Jun 1989, oleh itu saya tidak bercadang menambah kepada jawapan yang telah diberi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Kerajaan Malaysia ada membeli daripada pihak Jepun apabila mereka berundur daripada projek ini, bahagian penyertaan mereka dalam Perwaja dengan harga \$1.00. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menjual bahagian Jepun itu dengan harga \$1.00 pun?

Dato' Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menjual seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

PELABURAN AMANAH HARTA TANAH PNB

8. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan mengenai pelaburan Amanah Harta Tanah PNB yang dilancarkan baru-baru ini, dari segi:

- (a) penyertaan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta modal yang terkumpul;
- (b) kadar dividen dan bonus kepada pemegang unit saham (AHP); dan
- (c) mengapa bumiputera kurang berminat melabur dalam sektor ini, dan apakah usaha untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15hb April 1989, seramai 9,309 orang bumiputera dan 2,920 orang bukan Bumiputera telah melabur di dalam Amanah Harta

Tanah PNB dengan jumlah pelaburan yang terkumpul sebanyak \$39.354 juta. Dari jumlah itu sebanyak \$32.48 juta ataupun 82.53% dipegang oleh Bumiputera dan bakinya berjumlah \$6.874 juta dipegang oleh bukan Bumiputera. PNB belum lagi mengumumkan kadar dividen dan bonus kerana AHP baru sahaja dilancarkan. Walau bagaimanapun, di dalam prospektus AHP yang dikeluarkan pada 23hb Mac 1989, AHP meramalkan pendapatan dividen seunit sebelum cukai sebanyak 5.9 sen. Bonus pula akan dikeluarkan sekiranya terdapat kenaikan nilai hasil dari penilaian semula harta-harta AHP yang dibuat sekurang-kurangnya sekali pada setiap 18 bulan. Penyertaan keseluruhannya terutama dari Bumiputera terhadap saham-saham AHP ini adalah menggalakkan. Walau bagaimanapun, PNB telah dan akan menjalankan beberapa langkah untuk meningkatkan lagi penyertaan mereka di dalam AHP seperti berikut:

- (1) untuk mengenalpasti dan memperhebatkan kempen pemasaran kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang berpotensi untuk melabur di dalam AHP;
- (2) membuka kaunter khas di PNB untuk pelabur dan bakal pelabur membuat urusan;
- (3) PNB akan membuat hebahan mengenai AHP menerusi media cetak dan media elektronik.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, konsep sebenar Amanah Harta Tanah ini supaya rakyat jelata dapat mengetahui apa sebenarnya konsep Amanah Harta Tanah dan bilangan Amanah Harta Tanah yang diluluskan oleh Bank Negara setakat ini, modal bayaran dan juga garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi perjalanan semua Amanah Harta Tanah di negara kita. Rasional mengadakan Amanah Harta

Tanah ini memandangkan dari pengalaman negara asing seperti selain daripada negara Australia, Singapura dan Hong Kong tidak berjaya dalam menganjur konsep Amanah Harta Tanah ini dan saya ingin tahu apakah sebenarnya keuntungan yang didapati oleh rakyat jelata dan negara daripada Amanah Harta Tanah yang kian banyak diluluskan oleh Kerajaan di pasaran dalaman negara kita.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, konsep saham Amanah Harta Tanah adalah pengembelengan sumber-sumber kewangan pelabur ke dalam satu tabung yang akan digunakan untuk memiliki portfolio hartanah yang dipilih. Tabung ini diamanahkan kepada pemegang amanah yang tertakluk di bawah syarat-syarat surat ikatan amanah. Pemegang unit saham amanah hartanah mempunyai hak milik harta-harta dalam tabung tersebut berdasarkan jumlah unit yang dimiliki dan pemegang unit akan memperolehi pulangan pelaburan daripada hasil pendapatan sewa harta-harta dan kenaikan nilai harta tersebut. Tabung ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan AHP adalah merupakan satu pelaburan jangka panjang dan ianya adalah menarik kepada pelabur-pelabur perseorangan. Di peringkat permulaan sejumlah 100 juta unit yang berharga \$100 seunit akan ditawarkan kepada orang ramai dan pengurus-pengurus akan dari semasa ke semasa mewujudkan unit-unit baru. Seperti yang kita sedia maklum, apa-apa juga program yang disediakan oleh pihak Kerajaan adalah untuk memastikan supaya program ini atau projek AHP ini dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Amanah Harta Tanah ini dilancarkan oleh PNB dan Amanah

Saham Nasional juga dilancarkan oleh PNB, apakah hubungkait di antara kedua-dua amanah saham ini.

Dato' Dr Siti Zaharah bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan usaha yang dijalankan oleh PNB memandangkan kepada keperluan dan kaitannya adalah dari segi pengumpulan harta-harta, hubungannya adalah yang satu disertai oleh Bumiputera tetapi Amanah Harta Tanah adalah terbuka kepada semua.

BIL TELEFON—WANG CAGARAN

9. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada STM akan menimbang untuk membayar balik apa jua faedah yang timbul daripada kenaikan wang cagaran yang dibuat oleh para pelanggan, jika tidak, mengapa; dan
- (b) untuk memasang meter berasingan pada setiap rumah pelanggan yang bertujuan untuk merekodkan jumlah panggilan yang dibuat oleh mereka memandangkan kepada komplek yang selalu dibuat mengenai bayaran berlebihan yang dikenakan oleh STM bagi panggilan yang bukan dibuat oleh para pelanggan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) sesuatu wang cagaran adalah bertujuan untuk mengatasi kemungkinan umpamanya pelanggan-pelanggan tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan seperti tidak menjelaskan bil telefon mereka. Dengan itu STM tidak

bercadang membayar balik apa jua faedah kepada pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini pelanggan-pelanggan STM, iaitu Syarikat Telekom Malaysia masih terhutang lebih daripada \$431 juta kepada syarikat tersebut.

- (b) Syarikat Telekom Malaysia tidak bercadang untuk memasang meter-meter berasingan kepada tiap-tiap rumah pelanggan bagi mengatasi masalah bil yang dikatakan berlebihan kerana Syarikat Telekom Malaysia telah pun melaksanakan sistem bil terperinci yang telah pun memperlihatkan kesan-kesan yang baik.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa cagaran adalah perlu kerana STM telah berhutang \$400 juta lebih oleh pelanggan-pelanggan mereka. Soalan saya ialah, dari segi jumlah yang dihutang kepada STM itu, berapakah peratusannya yang dihutang oleh Jabatan Kerajaan dan agensi Kerajaan? Adakah agensi Kerajaan dan Jabatan Kerajaan diperlukan untuk membayar cagaran juga, ataupun ada dua sistem: satu, pihak Kerajaan dan satu lagi pihak swasta, macam mana?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka terperinci berkenaan hutang yang ditanggung oleh Kerajaan tetapi pada ingatan saya segala hutang yang ditanggung oleh Kerajaan itu tidak banyak jikalau dibandingkan dengan hutang yang dihutang oleh swasta terutama sekali pelanggan-pelanggan perniagaan.

Berkenaan dengan soalan kedua iaitu adakah pejabat-pejabat Kerajaan

dikehendaki membayar cagaran, jawapan saya ya, Jabatan-jabatan Kerajaan pun dikehendaki membayar cagaran kepada STM.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya iaitu berhubung dengan terlebihnya membayar kepada bil-bil telefon. Berhubung pertanyaan ini, bil telefon di rumah saya sendiri belaku pada bulan ini—iaitu kena \$687. Sebenarnya panggilan-panggilan yang dibuat oleh saya adalah lebih kurang hanya \$87 sahaja, selebihnya itu lebih kurang dekat \$600 yang dipanggil oleh orang lain—kita tidak tahu siapa memanggil tetapi kita dapat check iaitu dipanggilnya di Jelapang. Saya tidak ada kawan ataupun saudara di Jelapang. Oleh itu saya ingin bertanya bagaimana keadaan wang \$600 yang lebih itu, pihak STM menuntut kepada saya untuk membayar. Saya hendak beritahu dalam Dewan ini bahawa saya tidak hendak membayar. Oleh itu saya hendak tahu bagaimana keadaan ini telah berlaku dan mungkin pada orang-orang lain pula—bil ada pada saya lagi.

Tuan Ong Tin Kim: Jikalau ada satu kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai itu, selalunya praktis STM ialah membuat satu siasatan kepada panggilan yang dibuat oleh pelanggannya dan juga kepada orang yang dipanggil itu. Itu adalah untuk menentukan adakah panggilan itu dibuat oleh pelanggan itu. Jikalau kita memastikan panggilan itu bukan dibuat oleh pelanggan itu, hutang itu akan dipotong tetapi untuk membuat satu siasatan yang terperinci seperti ini akan mengambil masa sedikit, lebih kurang 2 minggu atau 3 minggu.

Berkenaan dengan kes spesifik yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan itu, saya ingat lebih baik Ahli Yang Berhormat kemukakan kes Ahli Yang Berhormat itu kepada saya supaya satu siasatan yang terperinci boleh dibuat oleh STM.

**PERKHIDMATAN KESIHATAN
PENDUDUK LUAR BANDAR/
PEKERJA LADANG**

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan orang-orang luar bandar khususnya mereka yang bekerja di ladang-ladang disebabkan kebanyakan klinik-klinik di ladang-ladang diurus secara persendirian dan apakah Kementeriannya bercadang mengambil klinik-klinik ini agar dapat mengadakan rancangan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik untuk pekerja-pekerja ladang.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dirancang dan juga yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan penduduk-penduduk luar bandar khususnya mereka yang bekerja di ladang-ladang ialah:

- (i) menyusun kawalan yang lebih ketat atas dan meningkatkan perkhidmatan yang sedang diurus oleh pihak pengurusan ladang sendiri;
- (ii) meninggikan taraf kemahiran pekerja-pekerja kesihatan yang bekerja di perkhidmatan tersebut;
- (iii) klinik-klinik Kerajaan yang berdekatan dengan ladang-ladang akan memperluaskan kawasan perkhidmatannya supaya meliputi pekerja-pekerja ladang terutamanya bagi bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak dan pelalian;
- (iv) pekerja-pekerja ladang akan juga digalakkan menghadiri klinik-klinik Kerajaan berdekatan, dan di mana perlu, di kawasan-kawasan terpencil, Perkhidmatan Klinik Bergerak akan dibekalkan;

(v) Pendidikan Kesihatan melalui klinik-klinik Kerajaan dan media massa akan ditumpukan kepada pekerja-pekerja ladang dan keutamaan akan diberi kepada hal-hal sanitasi, kawalan mutu makanan, kesihatan keluarga termasuk imunisasi dan tabiat-tabiat yang sihat; dan

(vi) Kementerian Kesihatan memulakan Rancangan Kawalan Mutu Air Minuman di kawasan ladang dan memberi khidmat nasihat kepada pengurusan ladang untuk mengatasi masalah kualiti air yang dibekalkan. Dalam satu rundingan pada tahun 1988 di antara pihak UPAM (United Planting Association of Malaysia), Kementerian Buruh dan Kementerian Kesihatan, satu persetujuan telah dicapai supaya pihak pengurusan ladang membekalkan air selamat kepada pekerja-pekerja dalam tempoh masa 5 tahun. Selain dari itu Kementerian juga menjalankan siasatan mengenai keadaan sanitasi di ladang-ladang dan mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan melalui Pejabat Buruh, untuk dilaksanakan oleh pihak ladang.

Kerajaan tidak ada cadangan pada masa ini untuk mengambil hospital-hospital ataupun klinik-klinik persendirian yang sedang diuruskan di ladang-ladang tetapi Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk memperbaiki Perkhidmatan Kesihatan melalui kemudahan-kemudahan tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menolak

bahawa Kerajaan mengambil sikap yang agak bersungguh-sungguh melihat perkara ini untuk memberi kesihatan kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang, tetapi yang kita persoalkan ialah sikap tuanpunya-tuanpunya ladang terutama tuanpunya-tuanpunya ladang dari luar negeri. Mereka tidak mengambil berat terutama sekali untuk mengadakan tempat-tempat dan klinik-klinik bagi pekerja-pekerja mereka, dan kalau pun ada klinik-klinik ini, terdapat perubatan yang tidak cukup. Soalan saya, adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk memberi bantuan perubatan kepada klinik-klinik ladang yang sedia ada?

Kedua, dengan adanya klinik ini sepatutnya pihak ladang akan memberi galakan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja terutama pekerja-pekerja wanita. Tetapi ada tuanpunya-tuanpunya ladang, ada beberapa kes di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, setelah wanita-wanita yang telah berkahwin, mengandung dan melahirkan anak, pihak ladang mengambil kesempatan menggugurkan mereka ini daripada menjadi buruh kerana produktiviti mereka akan berkurangan setelah melahirkan anak. Adakah ini juga dikaji oleh pihak jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Buruh mengenai diskriminasi yang telah dibuat oleh kumpulan-kumpulan ladang yang tidak bertanggungjawab ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada banyak ladang yang dipunyai oleh orang-orang asing pada masa ini—nampak asing tetapi semuanya dalam negeri—PNB, HMPB, Sime Darby, Guthrie dan sebagainya, semuanya sudah di-Malaysiakan. Jadi, perhatian yang harus diberi adalah oleh taukeh-taukeh kita sendiri terhadap pekerja-pekerja

kita sendiri. Saya memang setuju bahawa ada banyak kelemahan dalam klinik-klinik yang dibekalkan dan beberapa cadangan, nasihat dan tindakan telah pun dibuat untuk mengatasinya, termasuk mendaftarkan hospital-hospital di estet-estet dan sekarang ini peraturan-peraturan mengetatkan kawalan ke atas klinik-klinik pun sedang dibuat.

Mengenai pekerja wanita yang diberhentikan selepas mereka melahirkan anak, saya rasa tidak banyak begitu pada masa ini kerana ladang-ladang banyak menghadapi kekurangan pekerja dan jika ada penamatan pekerjaan yang tidak wajar, bolehlah merayu kepada Kementerian Buruh dan di bawah undang-undang yang terdapat kita boleh mengambil tindakan yang perlu.

Tuan Mohd Sharif bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa kerapkah pegawai-pegawai kesihatan dapat berkunjung dan memeriksa klinik-klinik persendirian, khususnya di ladang-ladang dan di dalam lawatan atau pemeriksaan itu adakah terdapat klinik-klinik yang keadaannya tidak sempurna, terutama sekali bekalan-bekalan ubat yang telah lama dan ubat yang telah usang ataupun tidak kecukupan. Kalau ada, apakah tindakan-tindakan daripada Kementerian Kesihatan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang menjaga kesihatan di peringkat daerah telah pun diberi nasihat untuk melawat ke setiap ladang dalam kawasan mereka sekurang-kurangnya sekali setahun dan, jika boleh, lebih kerap daripada itu. Itu sudahpun mula dilaksanakan dalam dua tahun yang lalu dan terdapat banyak tempat di mana klinik-klinik itu tidak diuruskan dan nasihat yang perlu sudahpun diberikan.

BILIK DARJAH—PEMBINAAN SECARA GOTONG-ROYONG

11. **Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab projek gotongroyong sebanyak \$50,000 ke atas sekolah-sekolah daif yang mana selalunya lambat, memakan masa yang lama.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, pemberian peruntukkan bagi melaksanakan pembinaan bilik-bilik darjah secara gotongroyong hanya diberi kepada sekolah-sekolah yang betul-betul memerlukan bilik darjah tambahan yang amat mendesak serta mempunyai tapak yang mencukupi.

Seperti biasa Kementerian memutuskan untuk menyerahkan kepada Jabatan Kerjaraya untuk menjalankan semua kegiatan dan projek pembangunan mengikut cara cara yang biasa atau, dengan izin, conventional. Namun ada beberapa keadaan mendesak yang memerlukan keputusan segera dan ini hanya boleh di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman yang tidak mengikut satu-satu penyusunan dan program pembangunan projek yang lebih sophisticated.

Pada masa ini lazimnya kita telah memutuskan untuk menyerahkan peruntukan \$50,000 ke bawah bagi sekolah-sekolah daif ini hanya setelah mengenalpasti bahawa Jabatan Kerjaraya dan juga lain-lain pihak yang berkenaan tidak dapat menyelenggarakan dengan segera dan oleh yang demikian keputusan mengenai perjalanan projek itu dibuat agak lewat setelah sampai pertengahan tahun. Walau bagaimanapun, sejak akhir tahun lalu Kementerian Pendidikan telah memutuskan supaya projek-projek ini diluluskan pada awal tahun dan oleh yang demikian, insya Allah kelewatan itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan soalan asal dan jawapan yang diberikan oleh Menteri, saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria bagi mengklasifikasikan sebuah sekolah itu yang dianggap daif dan bukan daif dan apakah bentuk bantuan kalau sekolah daif yang perlu diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan bagi sekolah yang bukan daif apakah dari segi bantuan yang perlu diberikan.

Kedua, adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan projek gotongroyong ini daripada yang ada sekarang iaitu \$50,000 kepada jumlah yang agak tinggi hingga \$100,000 atau seterusnya bagi membolehkan projek itu dibuat sehingga mencapai kepada matlamat yang dikehendaki oleh setengah-setengah sekolah yang memerlukan 4, 5, 6 bilik darjah. Sedangkan yang berlaku hari ini saya dapat tahu dengan kadar \$50,000 ada yang melakukan hanya setakat 3 bilik darjah, ada yang membuat 2 bilik darjah dan ada yang membuat 4 bilik darjah. Adakah ini dapat dipastikan oleh Kementerian Pendidikan dari segi kawalan untuk menentukan dengan kadar \$50,000, sejumlah bilik-bilik darjah tertentu mesti dibuat. Sekian.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan dengan daif ialah sekolah-sekolah yang agak buruk, lama, dindingnya roboh ataupun bumbungnya agak usang dan agak kurang begitu sesuai untuk diduduki oleh pelajar-pelajar, walaupun dari segi keselamatannya itu terjamin.

Kedua, kedudukan sekolah-sekolah ini di kawasan luar bandar yang tidak memerlukan peraturan yang biasa sebelum sesuatu bangunan itu didirikan dan tidak memerlukan kelulusan Majlis Perbandaran dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sepertimana projek-projek conventional. Sebab itulah kita tidak

boleh meningkatkan jumlah peruntukan projek itu lebih daripada \$50,000 kerana kalau ini berlaku prosedur tender biasa terpaksa dipatuhi. Kita dapat menyegerakan pelaksanaan projek ini kerana wang ini diserahkan kepada pihak sekolah dan mereka mendirikan dengan segera tanpa merujuk kepada Jabatan-jabatan yang akan mengambil masa yang lebih lama. Bentuk bantuan yang diberikan ini ialah dengan memberikan peruntukan wang yang tidak lebih daripada \$50,000. Saya ingat ini memadailah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat hari ini adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat memberi angka-angka berapa banyakkah sekolah-sekolah yang masih dikatakan daif di negara kita ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyenaraikan angka sekarang, tetapi memadailah kalau saya katakan bahawa sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di kawasan pendalaman serta beberapa sekolah tertentu di bandar sendiri pun boleh dianggap daif atau perlu diganti dengan seberapa segera yang boleh. Kita mengambil keputusan untuk menggalakkan projek gotongroyong \$50,000 ke bawah ini kerana ia mempercepatkan proses tersebut walaupun ada yang menegur bahawa sekolah itu sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat sebelum tadi, tidaklah begitu baik jika dibandingkan dengan projek bangunan yang dibuat secara conventional dan kita tidak dapat pula meluluskan projek bagi sekolah-sekolah daif di bandar kerana syarat pembangunan sekolah-sekolah di bandar haruslah mengikut prosedur dan peraturan pembangunan yang biasa dibuat bagi bangunan-bangunan tetap yang lain.

PROJEK LEBUHRAYA GENTING HIGHLAND-BUKIT FRASER

12. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bersedia membatalkan projek lebuhraya Genting Highland-Fraser Hill memandangkan projek itu dikritik oleh kebanyakan anggota masyarakat dan ia tidak dirasakan sebagai satu kepentingan awam buat masa ini;
- (b) apakah yang mendorong jalan itu diutamakan sedangkan jalan-jalan yang lebih ramai orang menggunakannya tidak didahulukan; dan
- (c) bersetujukah Menteri berkenaan bahawa projek itu hampir sama dengan projek yang diminta oleh Puteri Gunung Ledang sebagai satu syarat yang perlu dipenuhi oleh Sultan Melaka yang meminangnya iaitu membina jambatan dari Gunung Ledang ke Melaka.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua; bagi menjawab soalan:

- (a) Buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk membatalkan projek Jalanraya Genting Highland-Bukit Fraser. Juru-perunding untuk kerja-kerja ukur dan rekabentuk awal akan dilantik sesudah perbincangan mengenai beberapa perkara di antara Kerajaan dengan pihak Juru-perunding dapat dibereskan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalanraya ini adalah bagi membuka kawasan-kawasan baru bagi maksud pelancongan

dan pembangunan kawasan berkenaan. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan industri pelancongan di negara ini, di samping membangunkan kawasan berkenaan termasuk pembangunan pertanian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai banyak kawasan berbukit-bukit yang masih belum diterokai dan mempunyai potensi bagi pelancongan dan lain-lain pembangunan di kawasan Tanah Tinggi. Walaupun demikian ini tidak bermakna Kerajaan melupakan lain-lain projek jalanraya yang mustahak yang sememangnya sedang dan akan dilaksanakan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini tidak boleh disamakan dengan projek Puteri Gunung Ledang kerana cerita berkenaan adalah dongeng sahaja.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya menghuraikan berapakah jumlah perbelanjaan projek Lebuhraya Genting Highland-Fraser Hill ini akan menelan dan tidakkah perbelanjaan yang akan ditelan oleh projek ini yang dikatakan akan membawa hasil dari segi pelancongan harus digunakan untuk membawa ataupun menggalakkan pelancongan di tempat-tempat lain, umpamanya Melaka, Pulau Pinang, Langkawi dan lain-lain tempat yang belum lagi dimajukan bagi maksud menarik pelancong dan juga dengan berbuat demikian, tidakkah tindakan itu akan juga menyelamatkan hutan rimba yang akan dimusnahkan oleh projek ini? Nampaknya Kerajaan masih berdegil untuk menjalankan projek ini tanpa menghiraukan bantahan-bantahan daripada mereka yang cintakan alam sekitar yang bersih.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan pertama, perbelanjaan yang dijangkakan ialah lebih kurang \$600 juta.

Soalan kedua, Kerajaan merasai bahawa negara kita telah ada kemudahan-kemudahan yang cukup untuk membawa pelancong-pelancong ke tempat-tempat lain yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan jalan ini boleh memberi peluang baru kepada pelancong-pelancong untuk melawat kawasan-kawasan baru yang selama ini belum dibukakan.

Berkenaan jawapan soalan ketiga, Kerajaan memanglah tidak berdegil seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dan bila jalan ini dibinakan, Kerajaan memanglah akan menjaga alam sekitar dengan sebenarnya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa projek ini akan beres. Saya ingin tahu dengan syarikat manakah yang akan dibuat? Saya juga ingin tanya kenapa pihak Menteri ini beria-ia sangat menekankan agar kerja-kerja kajian dan rekabentuk ini diberi kepada syarikat yang sedang akan dibereskan itu, tetapi tidak mahu menerima keputusan Lembaga Tender.

Keduanya, projek ini saya dengar telah lama terlewat disebabkan oleh perbalahan Menteri dengan pihak Perbendaharaan. Minta penjelasan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarikat-syarikat belum dilantik dan sekarang ini dari segi kajian sahaja. Kementerian saya telah dapat cadangan-cadangan daripada beberapa consultants dan ini sedang dikaji.

PENYAKIT BEGUK/ KERONGKONG

13. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama

ada Kementerian ini sedar bahawa terdapat bertambahnya kes penyakit beguk dan sakit kerongkong kepada para penduduk di kawasan Hydro Lubok Antu Sarawak akibat daripada penggunaan air yang diambil dari Sungai Lemanak dan jikalau sedar apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya kes penyakit tersebut dapat dikawal.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, penyakit beguk (goitre) memang ada terdapat di kawasan Lubok Antu, seperti juga di kawasan-kawasan hulu yang lain di Sarawak oleh kerana penyakit ini merupakan satu penyakit yang endemic bagi kawasan ini disebabkan kekurangan bahan iodine dalam bahan makanan mereka. Kebanyakan pesakit-pesakit tersebut memang telah lama mengidap penyakit ini. Hingga setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan pertambahan kejadian penyakit tersebut.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengawal penyakit ini adalah:

- (i) memberi garam beriodin dengan percuma kepada penduduk-penduduk melalui Klinik-klinik Desa, Klinik Ibu dan Kanak-kanak dan juga Pasukan Kesihatan Bergerak.
- (ii) berusaha menguatkuasakan undang-undang yang mewajibkan sekarang ini penjualan garam-garam beriodin di kawasan ini.

Dengan langkah-langkah tersebut, penyakit beguk di kawasan ini telah dikawal dan kejadian kes-kes beguk telah sebenarnya berkurangan atau mula berkurangan.

Bagi penyakit kerongkong (diphtheria) tidak ada kes dilaporkan sejak tahun 1957 di Lubok Antu. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit ini ialah dengan memberi pelalian kepada

semua bayi dan kanak-kanak. Bagi tahun 1988 liputan bagi pelalian sakit kerongkong di kawasan ini, sukacita saya memberitahu, adalah hampir 100%.

Pihak Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa tidak ada kaitan di antara kejadian penyakit beguk (goitre) dan kerongkong (diphtheria) dengan penggunaan air dari Sungai Lemanak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah penyakit beguk ini hanya terhad kepada penduduk-penduduk kawasan Lubok Antu sahaja ataupun ada di tempat lain?

Kedua, mengikut cerita orang tua-tua lama dahulu orang kena penyakit beguk ini disebabkan apabila dia beri barang kepada orang, dia ambil balik, kemudian kena beguk (*Ketawa*). Jadi, pertama, adakah ia terhad dan kedua, adakah benar cerita orang tua ini bahawa kita beri barang kepada orang, ambil balik—beguk, macam itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawab soalan pertama sahaja (*Ketawa*).

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua itu kena tanya kepada bomoh (*Ketawa*). Sebagai bekas Timbalan Menteri Kesihatan saya tidak dapat jawab soalan itu.

Kepada soalan pertama, memang dalam jawapan saya tadi, saya telah memberitahu bahawa ada kawasan lain di Sarawak, khasnya kawasan-kawasan pendalaman yang hulu yang biasanya memakan ikan dan sebagainya dari air sungai, bukan dari air laut yang mempunyai bahan iodine yang cukup. Jadi, cara yang berkesan untuk merawat penyakit goitre ini adalah dengan memberi vaccine iodine ataupun dengan garam beriodin.

Kajian kita membuktikan bahawa daripada lebih kurang 93% dalam kes-kes yang dikaji, dengan dua cara rawatan perubatan itu, kita dapat mengurangkan kejadian goitre kepada 5%, iaitu cara yang berkesan sekali.

KEPULAUAN SPRATLY

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan dialog dengan negara yang menuntut kepada Spratly Islands, supaya mengurangkan ketegangan dan salah faham dan untuk menjaga garisan sempadan tanahair.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini Malaysia belum lagi mengadakan dialog dengan negara-negara yang menuntut pulau-pulau di kumpulan kepulauan Spratly. Adalah menjadi dasar negara kita iaitu penyelesaian terhadap tuntutan-tuntutan bertindih ke atas pulau-pulau itu haruslah dibuat menerusi perundingan dan dengan secara damai.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, baru-baru ini pada bulan Mei adakah satu rundingan dengan Filipina berkenaan masalah Spratly Islands?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang kadangkala terdapat sedikit masalah berkenaan dengan pencerobohan di antara warganegara Malaysia dan jiran-jirannya yang menuntut hak terhadap kepulauan Pulau Spratly tetapi ini masalah jiran yang biasanya dapat diatasi secara berbincang dan secara menggunakan perhubungan dua hala yang sentiasa baik di antara Malaysia dan jiran-jirannya.

SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH— PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

15. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan:

- (a) mengapakah peruntukan kewangan untuk pembangunan sekolah-sekolah di Sabah tidak dipergunakan;
- (b) sama ada beliau sedar akan kekurangan kemudahan pelajaran di negeri Sabah, khususnya di kawasan luar bandar; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah demikian.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan waran peruntukan yang mencukupi sepertimana yang diluluskan oleh agensi pusat pada tahun 1989 bagi program pendidikan rendah, menengah, teknik, vokasional dan maktab perguruan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima negeri Sabah telah diperuntukan sejumlah \$279.56 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Dari jumlah tersebut sehingga kini \$147.86 juta atau 52.9% telah dibelanjakan. Antara sebab-sebab peruntukan tersebut tidak digunakan ialah kerana kelewatan pelaksanaan projek oleh kontraktor-kontraktor yang terlibat. Oleh kerana bayaran peruntukan pembangunan adalah berkait rapat dengan kemajuan pelaksanaan projek, maka sebarang kelewatan atau kegagalan sesuatu projek akan mempengaruhi perbelanjaan peruntukan tersebut.

- (b) Kementerian juga sedar bahawa memang terdapat sekolah-sekolah di luar bandar dan kawasan pendalaman di negeri Sabah yang harus diberikan perhatian segera dan Jabatan Pendidikan Sabah telah mengenalpasti beberapa projek yang harus disegerakan pelaksanaannya.
- (c) Di antara langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kelewatan ialah untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat di antara Jabatan Pendidikan Sabah dengan Jabatan Kerjaraya Sabah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang menentukan tender-tender untuk membina sekolah ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor tertentu dan bila projek-projek itu terbengkalai apakah tindakan segera diambil untuk memperbaiki keadaan supaya tidak terus wujudnya keadaan kekurangan bilik dan sebagainya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, prosedur tender ialah mengikut prosedur tender yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan jumlah-jumlah berkenaan, projek gotong-royong diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah, yang lainnya oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri dan di peringkat jumlah yang tingginya oleh Perbendaharaan di Kuala Lumpur. Dan sekiranya ada apa-apa masalah atau kelewatan atau projek yang terbengkalai maka pihak Bahagian Pembangunan akan bertanggungjawab memberikan cadangan sama ada untuk memberikan kesempatan untuk menangguhkan tempoh menyiapkan bangunan tersebut ataupun membatalkan tender ataupun tender semula.

PERANGKAP LAJU OLEH POLIS

16. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah kesan dan kejayaan gerakan perangkap laju (speed trap) oleh Polis Cawangan Trafik di sepanjang lebuh raya Utara-Selatan. Adakah ia nyata mengurangkan kemalangan jalanraya;
- (b) berapa banyakkah wang denda atau kompaun yang diperolehi dari kesalahan tidak mematuhi had laju sejak tahun 1988 hingga 1989; dan
- (c) apakah alat yang digunakan untuk mengesan atau memerangkap kereta-kereta dan lalulintas yang melebihi had laju dan tidakkah ada cadangan dan usaha Kementerian untuk menggunakan atau memasang alat tetap (computerised) di sepanjang jalanraya lebuh raya Utara Selatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perangkaan yang dikumpul menunjukkan bahawa jumlah kemalangan jalanraya telah turun sebanyak 3,632 kes iaitu 73,250 kes dalam tahun 1988 berbanding 76,882 kes dalam tahun 1987. Adalah dipercayai penurunan sebanyak 4.72% ini adalah disebabkan penggunaan perangkap laju dan juga sebab-sebab lain seperti kempen keselamatan jalanraya, syarahan-syarahan ke sekolah serta jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta serta juga keadaan jalanraya yang bertambah baik.
- (b) Jumlah saman yang dikeluarkan hasil dari kesalahan tidak

mematuhi had laju pada tahun 1988 ialah 114,666. Sementara itu sebanyak \$29,496,877 dapat dikutip hasil dari semua jenis kompaun termasuk kes-kes tidak mematuhi had laju.

- (c) Alat-alat yang digunakan untuk mengesan atau memerangkap kenderaan yang melebihi had laju ialah:
- (i) Falcon Hand Held Metric Radar Gun; dan
 - (ii) Gatso Micro Radar.

Dato' Zaniel Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat gerakan ini adalah suatu gerakan yang baik dan boleh menambah pendapatan Kerajaan tetapi membebankan kepada pengguna-pengguna jalanraya kerana projek ini dibuat tidak menentu, pada masa-masa yang terpilih sahaja, umpamanya bagi menghadapi masalah penggunaan jalan yang begitu sesak, terutama sekali waktu sambutan Hari Raya, Krismas, Deepavali, Kong Hee Fat Choy dan berbagai-bagai lagi. Setengah daripada pengguna jalanraya tidak sedar, terutama sekali di atas lebuh raya kerana kita ada mempunyai lebuh raya yang besar tetapi ada sekatan kelajuan kenderaan di atas jalanraya yang berkenaan.

Ada pengguna-pengguna yang tidak sedar bahawa sekatan ini berlaku kerana tidak ada tanda-tanda yang menyatakan mereka tidak boleh memandu kereta lebih daripada 120 ataupun 130 kilometer sejam. Oleh sebab itu, mereka telah ditangkap dan dikompoun. Ada sebahagian daripada mereka wang dalam kocek hanya cukup untuk membeli minyak tetapi oleh sebab kerana terpaksa membayar kompaun, kereta tidak boleh jalan. Jadi, apa salahnya sistem ini juga dibuat sepanjang masa. Saya melihat satu sistem yang dibuat di jalan di Pulau Pinang, satu camera yang telah

ditetapkan begitu, jadi, sampai di situ sahaja pihak pengguna-pengguna akan lebih conscious, lebih sedar supaya tidak melakukan kesalahan dan dengan ini juga kita mengawal keselamatan dan memberi bantuan kepada pengguna-pengguna supaya perongkosannya tidak terbabat dengan pembayaran yang tidak diduga. Adakah pihak trafik ini bercadang untuk mengadakan ini dan juga saya percaya kalau ini diadakan maka tidak akan berlaku pertengkaran di antara pengguna dengan pihak trafik yang telah menjalankan tugas yang baik ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek untuk menangkap atau memerangkap pemandu-pemandu yang bawa laju ini, saya akui selalu diadakan di hari-hari kebesaran, terutama Hari Raya, Deepavali, Hari Raya Cina dan sebagainya, dan kita tahu bahawa pada masa inilah kadangkala pemandu-pemandu lupa akan keselamatan diri mereka, keselamatan keluarga mereka dan juga keselamatan orang lain kerana berpusu-pusu ingin kembali secepat yang mungkin ke rumah masing-masing. Jadi, memerangkap mereka dengan had laju ini kadangkala memberi kesedaran kepada mereka supaya berwaspada di jalanraya supaya jangan mereka tidak sampai ke rumah masing-masing untuk menyambut Hari Raya kerana takut-takut mereka menghadapi kemalangan di jalanraya. Bagaimanapun, kalau kita lihat di Amerika sendiri, kereta peronda seringkali memburu kereta-kereta dan ditahan dengan tidak tentu masa dan terus dikompoun begitu sahaja. Bagaimanapun, saya sedia menerima cadangan daripada Yang Berhormat itu iaitu jikalau sekiranya kita benar-benar sudah maju, sudah mempunyai peruntukan yang cukup adalah juga baik untuk kita meletakkan camera sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu di kawasan-kawasan yang penting di seluruh negara bukan sahaja di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 5 dan 17 hingga 64 adalah diberi di bawah ini).

TANDAS AWAM/JENTERA PEMBERSIH PANTAI

1. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan setakat mana Majlis-majlis Tempatan dapat bekerjasama dengan Kementeriannya dalam usaha menyediakan peralatan-peralatan seperti tandas awam dan jentera pembersih pantai (beach cleaner) untuk menjaga kebersihan tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong asing. Jika peralatan tersebut masih kekurangan, apa sebabnya.

Dato' Ng Cheng Kiat: Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa mengambil berat tentang kebersihan tempat-tempat awam terutama tempat-tempat yang menjadi tumpuan para pelancong. Kebanyakan tempat tumpuan pelancong yang ada dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan telah disediakan dengan kemudahan tandas awam. Apa yang menjadi masalah ialah penyelenggaraan tempat-tempat tersebut. Ini adalah disebabkan kebanyakan pihak Berkuasa Tempatan menghadapi masalah tenaga kerja dan sumber kewangan yang sangat terbatas.

Berhubung dengan jentera pembersih pantai adalah didapati harga jentera itu sangat tinggi dan tidak mampu dibeli dengan peruntukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu Kerajaan sedang mengkaji untuk membeli jentera tersebut bagi kegunaan membersihkan kawasan-kawasan pantai tertentu di negara ini.

LABEL MAKANAN YANG MENGELIRUKAN

3. Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin minta Menteri Kesihatan menjelaskan mengapa masih ada di dalam pasaran pengguna bahan-bahan makanan yang menggunakan label yang mengelirukan seperti "Kicap Tiram" dengan "Sos Berperisa Tiram" dan "Serbuk Kopi" dengan "Serbuk Kopi Campuran". Dan adakah istilah-istilah ini digunakan mengikut Undang-undang Perlabelan Peraturan Makanan 1985. Jika tidak, apakah langkah Kementerian untuk membendung perbuatan mengelirukan yang dijamin oleh pengilang-pengilang yang berleluasa masa kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Untuk makluman Yang Berhormat, nama sebutan sebenar makanan yang disoalkan itu tidak mengelirukan kerana ada maklumat lain pada label bekas-bekas mengandungi bahan-bahan itu, label-label itu dikehendaki menjelaskan "kandungan atau ramuan" makanan itu, yang akan menerangkan kepada pengguna bagi menjelaskan jenis sebenar makanan itu. Umpamanya label di atas bahan-bahan "Serbuk Kopi", hanya akan mempamerkan kopi sahaja sebagai kandungannya, kerana Peraturan Makanan memperuntukkan "Serbuk Kopi" diproses dari panggang biji kopi tulen. Sebaliknya, label bekas yang mengandungi "Serbuk Kopi Campuran" pula dikehendaki mempamerkan peratus kopi dan bahan-bahan lain yang dicampurkan itu, seperti jagung, barli, margerin, gula dan sebagainya. Peratus kopi bagi "Serbuk Kopi Campuran" haruslah tidak kurang dari 50%, di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Begitu juga bagi kicap tiram atau sos berperisa tiram, akan dinyatakan

dalam kandungannya sama ada mengandungi ekstrak tiram atau hanya perisa tiram sahaja.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ada juga nama sebutan sebenar yang tidak jelas sendiri mengenai kategori makanan seterusnya, yang tidak mengikuti perundangan makanan. Perkara ini adalah diawasi oleh Pegawai-Pegawai Berkuasa di bawah Akta Makanan 1983 yang menguatkuasakan Aktiviti Kawalan Mutu Makanan di negara ini, sama ada dari Kementerian Kesihatan ataupun Penguasa-Penguasa Tempatan. Sesiapa yang didapati tidak mematuhi perundangan, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 1986 hingga bulan Mac 1989, sebanyak 330 kes telah didapati melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mengenai label-label makanan. Dari jumlah itu, sebanyak 217 amaran telah dikeluarkan dan 63 kes telah ke Mahkamah. Dari 63 kes itu 33 kes telah didapati bersalah dan didenda berjumlah \$21,850.

RANCANGAN BELIA BERNIAGA—BANTUAN

5. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-ancangan Kerajaan untuk membimbing, menggalak dan membantu belia-belie yang tidak berkelulusan ijazah dan diploma supaya mereka dapat berdikari. Adakah Kerajaan puashati dengan rancangan-ancangan ini terutama dalam menyediakan kemahiran-kemahiran tertentu, modal dan peluang-peluang perniagaan.

Perdana Menteri: Kementerian Belia dan Sukan sentiasa sedar dan mengambil perhatian mengenai belia-belie yang tidak berkelulusan ijazah dan diploma di negara ini. Sehubungan itu bagi membimbing, menggalak dan

membantu mereka, Kementerian ini telah mengatur strategi perancangan dan melaksanakan program bersepadu yang dapat menggalakkan belia melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan keusahawan dan pertanian supaya mereka dapat berdikari. Di antara program-program yang dimaksudkan ialah:

- (i) Memberi kemudahan pinjaman modal melalui Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi projek Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan belia Peladang; yang bertujuan melahirkan usahawan dan petani moden di kalangan belia.
- (ii) Kementerian Belia dan Sukan juga memberi penekanan di dalam berbagai bidang kemahiran sama ada secara institusi atau tidak institusi sebagai persediaan sebelum menceburkan diri dalam alam pekerjaan. Sehubungan itu program-program yang dilaksanakan termasuklah:
 - (a) Memberi kemahiran teknik dan vokasional melalui Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Peretak dan Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu.
 - (b) Memberi latihan kemahiran melalui program Latihan Sambil Bekerja dan Latihan Industri Tempatan.
 - (c) Memperbanyakkan latihan dan Kursus Pengurusan Perniagaan dan Pertanian di peringkat negeri.
 - (d) Mewujudkan Bengkel Teknologi Desa di Tiap-tiap daerah bagi tujuan

memberi latihan kemahiran serta mewujudkan belia berdikari.

- (e) Memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha belia melalui program Anugerah Tahunan Usahawan Muda.

Adalah diharapkan dengan adanya pelbagai kemahiran yang diberikan kepada golongan belia ini akan memudahkan mereka berdikari dengan menjalankan perniagaan, perusahaan atau pertanian.

Mengenai rancangan-rancangan yang ada sekarang, Kementerian berpuashati mengenai pencapaian dan akan meneruskannya di samping melaksanakan program-program yang baru sesuai dengan keperluan belia dan pembangunan negara pada keseluruhannya.

PROJEK KEDA

17. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah benar KEDA yang wujud di Kedah berjaya di dalam berbagai bidang kegiatannya untuk kepentingan masyarakat tani di Kedah dan apakah hasil dan usaha-usaha KEDA, yang berjaya dalam berbagai perancangannya; dan
- (b) berapa projek-projek KEDA yang gagal dan kerugian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Pada Peringkat ini, KEDA telah mencapai matlamatnya bagi mempercepat pembangunan sosial dan ekonomi penduduk-penduduk di Wilayah KEDA.

Bagi mencapai tujuan ini, KEDA telah melaksanakan program-program pembangunan seperti menyediakan kemudahan-kemudahan asas, kemudahan awam serta mengadakan projek-projek ekonomi pertanian dan perindustrian yang mana manfaatnya dapat diperolehi untuk penduduk tempatan melalui peluang pekerjaan dan penjualan sumber-sumber tempatan seperti bahan mentah.

- (b) Semua projek-projek KEDA pada ketika ini berjalan dengan baik, melainkan 9 buah kilang kecil yang tidak berdaya maju dan diberhentikan operasinya. Usaha-usaha untuk membaik-pulih kilang ini sedang dibuat.

2 buah projek pertanian iaitu Projek Kelapa Mawar di Pulau Tuba, Langkawi dan projek Kelapa Sawit di Bandar Baru telah dibatalkan pelaksanaannya disebabkan oleh masalah-masalah sosial dan perancangan.

PENGUNDI POS

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi pos seluruh negara dalam pilihanraya umum 1986 dengan mengasingkan bilangan tentera, polis di raja, pasukan polis hutan dan unit kawalan kawasan. Daripada jumlah itu berapa peratuskah kertas undi pos ini dapat dikirinkan dan seterusnya dapat sampai kepada pegawai-pegawai pengurus pilihanraya (R.O.) bagi dikira atau dihitungkan. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Pegawai Pengurus dalam mengirinkan undi pos ini dan apakah langkah untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

(a) Jumlah pengundi pos dalam Pilihanraya Umum Tahun 1986 adalah seperti berikut:

Tentera	—	91,473
Polis Biasa	—	31,941
Polis Hutan	—	19,331
Unit Kawalan— Kawasan		1,056

(b) Dalam Pilihanraya Umum Tahun 1986, ke semua kertas-kertas undi pos telah dihantar kepada pemilih-pemilih yang berkenaan.

(c) Jumlah undi pos yang dikembalikan kepada Pegawai Pengurus tidak dapat diberikan kerana Suruhanjaya Pilihanraya tidak menyimpan butir-butir tersebut. Butir-butir itu disimpan oleh tiap-tiap orang Pegawai Pengurus dan telah dimusnahkan selepas enam bulan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

(d) Setakat hari ini Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada masalah untuk menghantar kertas undi pos ini kerana Suruhanjaya mendapat kerjasama erat dari pihak berkuasa tentera dan polis.

JAMBATAN MENYEBERANGI SUNGAI KELANTAN

19. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kerjaraya menyatakan negeri Kelantan sekarang ini boleh dihubungi dengan jalanraya dari Kuala Krai (sebelah timur Sg. Kelantan) dengan Pasir Mas (sebelah barat Sg. Kelantan) melalui jambatan Lebuhraya Grik, Jambatan Sultan Yahya Petra dan tidak lama lagi Jambatan Pasir Mas/Salor. Semua

Jambatan-jambatan ini terletak di utara Kelantan—

(a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina sebatang jambatan menyeberangi sungai Kelantan di Kelantan Selatan (kawasan Kuala Krai) bagi kemudahan rakyat di kawasan ini; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang membina sebatang jalan Kuala Balah ke Tanah Merah melalui Kuala Krai di sebelah barat Sg. Kelantan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee):

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan belum ada cadangan untuk membina Jambatan menyeberangi Sg. Kelantan di Kawasan Kuala Krai.

(b) Kerajaan sememangnya ada cadangan untuk membina sebuah Jambatan menyeberangi Sg. Galas (dekat Dabong) bertujuan mengadakan hubungan terus antara Jeli dengan Lebuhraya Gua Musang—Kuala Krai. Dengan adanya Jambatan ini nanti perhubungan antara Kuala Balah, Tanah Merah melalui Kuala Krai dapat diadakan.

PERMIT IMPORT KERETA TERPAKAI

20. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) Berapakah jumlah permit import kereta terpakai (A/P) yang kini telah diluluskan di seluruh negara setakat ini, berapakah yang telah dikeluarkan bagi Sabah dan Sarawak dengan memberikan nama-nama syarikat yang telah mendapatkannya;

- (b) Berapakah jumlah syarikat di Sarawak yang didapati mengalih-babakan permit/kuota tersebut dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang tidak menjalankan perniagaan sendiri tetapi menyerahkan bulat-bulat kepada syarikat bukan Bumiputera; dan
- (c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu dari segi kewangan syarikat-syarikat kereta (pemegang A/P atau kuota) Bumiputera yang tidak mampu menjalankan perniagaan sendiri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (a) Jumlah permit import kenderaan jenis kereta penumpang terpakai yang diluluskan kepada syarikat-syarikat di seluruh negara setakat ini adalah terhad kepada paras kuota seperti berikut:

Semenanjung- Malaysia	4,960 unit setahun
Bilangan Sya- rikat	37
Sabah	460 unit setahun
Bilangan Sya- rikat	7
Sarawak	1,880 unit setahun
Bilangan Sya- rikat	24

Saya tidak bercadang untuk memberi senarai nama-nama syarikat yang memperolehi kuota oleh sebab yang terlibat adalah 68 syarikat.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa menjalankan ulangkaji ke atas prestasi semua syarikat-syarikat pemegang kuota termasuk di Semenanjung Malaysia,

Sabah dan Sarawak. Sekiranya terbukti adanya syarikat-syarikat yang mengalih-babakan lesen import kepada syarikat-syarikat Bukan Bumiputera, maka Kementerian akan bertindak untuk menarik balik kuota dari syarikat yang berkenaan.

- (c) Kementerian tidak bercadang untuk membantu syarikat-syarikat pemegang kuota yang menghadapi masalah kewangan oleh sebab seperti syarikat-syarikat lain yang mengurusniaga, kemampuan dan keupayaan syarikat dari segi kewangan adalah merupakan faktor yang penting dalam menjamin kejayaan syarikat. Tanpa jaminan ini, syarikat tidak seharusnya menjalankan perniagaan ini lagi.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—MELUASKAN

21. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk meluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Jika ya, apa kerja-kerja meluas akan dilaksanakan;
- (b) sama ada kemudahan-kemudahan daratan malam akan dikemaskinikan memandangkan telah berlaku beberapa nahas kapal terbang baru-baru ini; dan
- (c) jumlah perbelanjaan kerja-kerja meluas dan bila kerja-kerja itu akan bermula.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):

- (a) Pada masa ini beberapa buah projek sedang dilaksanakan di

Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Projek-projek itu adalah seperti berikut:

- Projek pemanjangan landasan (runway) terbang dari 11,400 kepada 12,000 kaki. Projek ini adalah bagi menampung pendaratan pesawat jenis B747-400. Di samping pemanjangan landasan, kerja-kerja bagi mempertingkatkan sistem landasan dan taxiway juga dijalankan. Kerja-kerja ini yang telah bermula pada Julai 1988 adalah dijadualkan siap pada Julai 1989.
- Mempertingkatkan sistem “conveyor belt” di Balai Ketibaan Antarabangsa yang dijangka akan siap dijalankan pada bulan September 1989.
- Pemasangan 2 buah aerobridges tambahan di Bangunan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Projek ini dijadualkan siap pada Mac 1990.
- Kerja-kerja pembinaan Emporium Bebas Cukai telah siap pada bulan Jun 1989. Adalah dijangkakan bahawa Emporium Bebas Cukai ini akan dibuka pada penghujung Ogos/awal September 1989.

Projek-projek di atas akan dapat meningkatkan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Subang—Kuala Lumpur pada keseluruhannya. Selain dari itu Kementerian pada masa ini sedang juga mengkaji beberapa opsyen untuk mempertingkatkan kapasiti bangunan terminal di Lapangan Terbang berkenaan. Berhubung dengan

ini, ingin saya memaklumkan bahawa sistem kawalan trafik udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang juga akan dipertingkatkan dalam tempoh 3 tahun dari sekarang apabila Projek Peningkatan Sistem Kawalan Trafik udara bagi seluruh Malaysia dilaksanakan.

- (b) Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan untuk pendaratan malam, ingin saya memaklumkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang mencukupi selaras dengan kehendak-kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa—ICAO untuk mengendalikan operasi penerbangan pada waktu malam. Antara peralatan pendaratan untuk operasi penerbangan malam yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah “runway end/edge lights, threshold light, taxiway centre-line/edge light, apron lights dan Cat. I precision approach lights”.
- (c) Perbelanjaan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
- kerja-kerja pemanjangan dan peningkatan sistem landasan/taxiway — \$36 juta
 - pembinaan Emporium Bebas Cukai — \$9.05 juta

Bagaimanapun, kos bagi kerja pengubahsuaian Balai Ketibaan Antarabangsa dan pemasangan dua buah “aerobridges” masih belum dapat dipastikan lagi oleh kerana projek-projek ini masih di dalam peringkat “tender”.

Bagaimanapun, Kerajaan telah memperuntukkan jumlah kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek-projek berkenaan.

AKTA UBAT—CADANGAN PINDAAN

22. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kesihatan menyatakan apa telah terjadi kepada cadangan pindaan kepada Akta Ubat-ubatan (Pengiklanan dan Penjualan) 1950 bagi membenarkan hospital-hospital swasta mengiklan perkhidmatan-perkhidmatan mereka dan sama ada pihak Kementeriannya telah menyiapkan kajian-kajian ke atas kegunaan kad-kad kredit di hospital-hospital. Jika ia, beri butir-butir.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Sukacita dimaklumkan bahawa cadangan pindaan kepada Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, yang bertujuan membolehkan badan-badan dan institusi-institusi perubatan swasta memberi maklumat mengenai peralatan dan pekhidmatan mereka kepada orang ramai, telah pun diperakukan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan akan dibentangkan di Parlimen selepas persetujuan Kerajaan. Adalah dicadangkan bahawa maklumat seperti ni hendak diberpandukan kepada garis panduan tertentu dan tertakluk kepada dan di luluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Mengenai penggunaan kad-kad kredit di hospital-hospital di maklumkan Kementerian Kesihatan telah menyiapkan kajian-kajian ke atas kegunaan Kad-Kad Kredit di hospital-hospital. Dua jenis Kad Kredit, iaitu VISA dan Mastercard, telah diterima dan dilaksanakan di Hospital Besar Klang, Hospital Besar Melaka dan Hospital Besar Johor Bahru pada 1-1-1989 dan Hospital Besar Kuala

Lumpur, Hospital Besar Kuantan, Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah dan Hospital Besar Kuching telah dilaksanakan pada 1-5-1989. Bagi lain-lain Kad Kredit dan Hospital-hospital pelaksanaannya akan ditentukan kelak.

HARI WESAK

23. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan menetapkan "Hari Wesak" sebagai hari cuti kebangsaan; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan "Hari Wesak" sebagai hari cuti kebangsaan sejak beberapa tahun dahulu. Jadi pertanyaan berkaitan perkara tersebut tidak seharusnya ditimbul lagi.

PROJEK LUAR BANDAR—SISTEM PELAKSANAAN

24. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan adakah Y.A.B Perdana Menteri sedar sistem implementasi untuk projek-projek yang dirancangan oleh Kerajaan untuk kawasan luar bandar masih tidak berkesan dengan beberapa kelemahan khasnya di peringkat daerah. Di sini beberapa kuasa penting untuk melaksanakan projek-projek dipegang oleh pihak-pihak pentadbiran dan bukan pihak-pihak teknikal yang memahami dengan sedalam-dalamnya masalah-masalah yang berkaitan dengan projek-peojek tersebut. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kerajaan berpuas hati

dengan sistem pelaksanaan projek-projek pembangunan di luar bandar. Dengan adanya sistem ini Kerajaan telah dapat membangunkan kawasan-kawasan luar bandar ke tahap seperti yang kita lihat sekarang ini. Walau bagaimanapun memang ada kelemahan-kelemahan khasnya di peringkat daerah yang sedikit sebanyak menjejaskan keberkesanan rancangan pembangunan Kerajaan. Dalam hubungan ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk memperkuatkan pentadbiran daerah dengan mengemaskinikan maklumat-maklumat peringkat daerah melalui MERAHDUA. Kerajaan juga melalui MAMPU telah mengambil tindakan memperkemaskan dan memodenkan sistem pentadbiran pejabat-pejabat daerah. Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai pentabir sahaja yang mempunyai kata pemutus dalam merancang dan melaksanakan sesuatu projek pembangunan. Di peringkat daerah pegawai pentadbir dan pegawai teknikal masing-masing mempunyai peranan tertentu dan bekerjasama untuk melaksanakan projek projek pembangunan. Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah merupakan satu forum di mana pelaksanaan projek dibuat secara bersepadu dengan penglibatan dan kerjasama pegawai-pegawai teknikal.

HARGA BAHAN BINAAN

25. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga bahan-bahan binaan telah naik melambung begitu tinggi sejak kebelakangan ini. Jika ia,

- (a) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa kenaikan harga bahan-bahan binaan berkenaan dapat dikawal;

- (b) berapa peratuskah kenaikan harga bahan-bahan utama seperti besi kaluli, simen, batu-batu dan lain-lain sejak 1-1-1988 hingga ke hari ini.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Kerajaan sedar bahawa harga bagi beberapa jenis bahan binaan seperti besi keluli, batu-bata dan lain-lain telah naik pada masa ini. Walau bagaimanapun, kenaikan harga bagi bahan-bahan binaan ini adalah berpatutan dan atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakan. Jika harga tidak dinaikkan industri-industri barang-barang berkenaan mungkin mengalami kerugian dan ini akan menjejaskan bekalan barang-barang itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu untuk mencegah daripada berlakunya kenaikan harga barang-barang termasuk harga bahan-bahan binaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menetapkan harga simen dan besi keluli dan sebarang kenaikan harganya mestilah mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Simen dan besi keluli juga disytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 di mana setiap peringkat pengendaliannya adalah tertakluk pada Akta itu dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya dengan tujuan untuk menentukan bekalannya sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi. Bagi bahan-bahan binaan lain, Kerajaan tidak menetapkan harganya. Bagaimanapun harga

barang-barang ini hendaklah ditunjukkan mengikut Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjualruncit) 1977. Kerajaan akan terus menjalankan pengawasan melalui pemeriksaan-pemeriksaan ke atas setiap peringkat perniagaan untuk memastikan bekalan bahan-bahan binaan ini mencukupi dan harganya berpatutan. Sebarang penyelewengan dan pelanggaran akan diambil tindakan tegas.

- (b) Harga simen tidak mengalami sebarang perubahan sejak tahun 1981 hingga sekarang. Ianya dijual runcit dengan harga di antara \$8.80 hingga \$9.60 sebeg @ 50 kg. mengikut kawasan di Semenanjung Malaysia. Harga runcit besi keluli mengalami kenaikan mulai 7-4-1989 setelah tidak mengalami apa-apa perubahan semenjak 1982. Peratusan kenaikan harga besi keluli ini ialah di antara 10% hingga 22% bergantung kepada saiz dan jenisnya. Harga batu-bata telah meningkat sebanyak 5 sen sekeping atau 9% iaitu daripada \$0.55 sekeping pada 1-1-1988 kepada \$0.60 sekeping pada 15-6-1989. Harga bahan-bahan binaan lain seperti "kitchen sink", "wash basin", "lavatory pans", "shower bath", pintu dan tingkap pula telah meningkat di antara 5% hingga 64% dalam tempoh yang sama.

HOSPITAL SELAMA— PEMBINAAN

26. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital Selama dalam Kawasan

Larut akan memulakan perkhidmatannya dan kenapakah setakat ini pembangunan hospital tersebut belum disiapkan lagi.

Tuan Chua Jui Meng: Pembinaan Hospital Selama belum dapat disiapkan mengikut jadual yang asal oleh kerana kontraktor yang ditawarkan menyiapkan projek ini tidak dapat meneruskan dan menyiapkannya. Dengan hal yang demikian, kontraknya telah ditamatkan dan kontraktor yang baru telahpun dilantik. Mengikut jadual yang baru pembinaan Hospital berkenaan akan dapat disiapkan pada bulan April 1990 dan perkhidmatan dijangka boleh dimulakan pada pertengahan tahun 1990.

MINI STESYEN TELEKOM DI SUNGAI DUA

27. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah agaknya Kementerian akan membina Mini Stesyen Telekom di Kawasan Sungai Dua Seberang Perai dan di Kawasan Telok Air Tawar Butterworth kedua-duanya di dalam Kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

Tuan Ong Tin Kin: STM tidak ada rancangan untuk membina Ibusawat yang berasingan bagi Kawasan Sungai Dua dan Telok Air Tawar memandangkan keupayaan Ibusawat Butterworth adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan di kedua-dua kawasan ini.

UNIVERSITI ISLAM ANTARA- BANGSA—PELAJAR ASING

28. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah pelajar asing yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa sejak penubuhannya hingga hari ini,

- (b) bilangan pelajar asing tersebut yang membiayai yuran pendidikan mereka dengan sendiri;
- (c) jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas Universiti itu sejak penubuhannya; dan
- (d) jumlah kewangan yang diterima oleh Universiti tersebut dari sumber-sumber asing sejak penubuhannya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sejak penubuhan UIA pada tahun 1983 seramai 1984 orang pelajar di peringkat Ijazah Pertama telah diterima masuk. Daripada jumlah tersebut, 308 orang atau 15.5% terdiri daripada pelajar-pelajar asing.
- (b) Bilangan pelajar asing yang membiayai yuran pendidikan mereka sendiri adalah seramai 5 orang.
- (c) Jumlah peruntukan untuk pembangunan dan perbelanjaan mengurus oleh Kerajaan sejak penubuhannya adalah sebanyak \$9.09 juta.
- (d) Jumlah peruntukan kewangan yang diterima dari sumber-sumber asing sejak penubuhannya ialah sebanyak \$7,212,360.00 yang diterima daripada negara-negara berikut:
 1. Jordan;
 2. Arab Saudi;
 3. Kuwait;
 4. Indonesia;
 5. Qatar;
 6. Bangladesh; dan
 7. Libya.

Selain daripada itu, sumbangan dalam bentuk material yang diterima adalah ditaksir sebanyak \$20.2 juta.

PROGRAM MEMBANTU GOLONGAN MISKIN

29. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar minta Perdana Menteri menjelaskan tentang:

- (a) apakah kandungan-kandungan utama di dalam program membantu golongan miskin untuk menghapuskan kemiskinan;
- (b) berapakah peruntukan bagi program pembasmian kemiskinan dan golongan manakah yang paling banyak menerimanya (petani, nelayan, pekerja-pekerja ladang dan lain-lain);
- (c) apakah Kerajaan menjangkakan bahawa matlamat membasmi kemiskinan akan berjaya sedangkan DEB hanya hingga 1990. Jika ya, berapakah peratus; dan
- (d) kenapakah program pembasmian kemiskinan dibuat dalam jangka waktu yang singkat. Apakah bentuk penerusan dan kesinambungan kepada program ini yang sedang dirangka oleh Kerajaan selain dari MPEN.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

- (a) Kandungan-kandungan utama atau aspek-aspek dalam program membantu golongan miskin sebagai usaha menghapuskan kemiskinan ialah:
 - (i) Pertanian—merangkumi pembangunan tanah baru, pemulihan tanah, pembangunan kampung/luar bandar, projek ternakan, kemudahan input pertanian dan lain-lain;

- (ii) Industri Kampung/Kraftangan dan perniagaan—seperti menggalakkan pewujudan industri kampung bagi membuka peluang pekerjaan dan meningkat pendapatan dan kesejahteraan hidup;
 - (iii) Sosial—pemulihan kesihatan—bantuan pendidikan serta pemulihan/pembinaan semula rumah-rumah yang usang; dan
 - (iv) Infrastruktur—menyediakan bekalan air, elektrik luarbandar dan jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung.
- (b) Jumlah peruntukan bagi program pembasmian kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak 1970 ialah sebanyak \$30.1 billion. Oleh kerana peruntukan ini disalurkan mengikut keperluan negeri-negeri, maka golongan yang paling banyak menerima sama ada petani, nelayan, pekerja ladang dan lain-lain sukar ditentukan.
- (c) Semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970, banyak program telah dijalankan untuk membasmi kemiskinan dan ianya menampakkan kejayaan. Ini dapat dibuktikan dengan berlakunya penurunan kadar kemiskinan di Semenanjung dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 17.3% pada tahun 1987 dan di Sabah pula kadar kemiskinan diturunkan kepada 35.2% dan di Sarawak kepada 25.1% pada tahun 1987. Menjelang tahun 1990 di mana tamatnya DEB kadar kemiskinan dijangka dapat

diturunkan kepada 16.7% di Semenanjung.

- (d) Program membasmi kemiskinan bukanlah dibuat dalam jangka waktu yang singkat malah ianya dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Pertama lagi walaupun tidak dinyatakan secara khusus. Dengan Pelancaran Rancangan Malaysia Pertama Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya penduduk luar bandar. Program membasmi kemiskinan telah menjadi matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertindak sebagai serampang dua mata untuk mencapai maklumat membasmi kemiskinan. Adalah dijangkakan program ini akan diteruskan di dalam Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia.

PENGUASA KEM TAHANAN KEMUNTING—M. RAMADAS

30. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jenis tindakan yang Kerajaan bercadang mengambil terhadap Encik M. Ramadas, Penguasa Tempatan Tahanan Perlindungan, Taiping bagi tindakannya menghukum tahanan-tahanan di Tempatan Tahanan Perlindungan, Taiping tanpa menghirau undang-undang keadilan asasi yang mana tindakan beliau diputuskan menyalahi undang-undang oleh Mahkamah Tinggi, Ipoh pada 29 April 1989.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan telah pun dibuat oleh Mahkamah tinggi Ipoh pada 29 April 1989 mengenai kes Encik M. Ramadas. Buat masa sekarang, pihak Kerajaan sedang

meneliti mengenai perkara ini dan Kerajaan akan menukarkan beliau jika perlu berbuat demikian.

PUSAKABUMI

31. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera untuk didaftarkan di PUSAKABUMI walaupun hanya setakat kontraktor "Kelas F". Kiranya sedar adakah PUSAKABUMI bercadang melonggarkan syarat-syarat "Telur dan Ayam" ini.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan sedar bahawa Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dahulunya bergelar PUSAKABUMI ada mengenakan syarat-syarat pendaftaran bagi sesiapa yang berminat untuk berdaftar sebagai kontraktor kerja. Syarat-syarat itu termasuklah modal, kelulusan dan pengalaman, rekod kerja, pemilikan peralatan dan logi dan struktur ekuiti (sekiranya pemohon sebuah syarikat).

Mana-mana pemohon yang dapat memenuhi syarat-syarat pendaftaran tersebut tidak akan mengalami apa-apa kesukaran untuk berdaftar.

HARGA GETAH ASLI

32. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tidakkah ada usaha agar Persatuan Getah Antarabangsa dan juga Minyak Kelapa-Sawit yang mana kedua-dua ini adalah hasil bahan mentah Malaysia yang utama agar persatuan ini dapat menetapkan harga kedua-dua komoditi ini dari satu masa ke satu masa agar harganya tidak jatuh ke paras yang paling rendah kerana kedua-dua hasil ini adalah kebanyakan yang diusahakan oleh rakyat secara persendirian di Malaysia ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Untuk menstabilkan harga getah asli, satu perjanjian Antarabangsa Getah Asli (INRA) telah diwujudkan oleh negara-negara pengeluar dan pengguna dan perjanjian ini telah beroperasi semenjak tahun 1980 untuk menstabilkan harga getah asli tersebut pada tahap yang berpatutan dan yang membolehkan getah asli berasingan dengan getah tiruan. Sudah tentulah Persatuan Getah Antarabangsa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat daripada Lembah Pantai iaitu Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) yang telah memainkan peranan yang penting dalam menubuhkan INRA untuk menstabilkan harga getah.

Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) telah berjaya dalam menstabilkan harga getah asli khususnya dalam tempoh kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku tidak lama dahulu yang menyebabkan harga getah asli merosot ke paras yang rendah. INRO telah membeli lebih kurang 370,000 tonnes getah asli dalam tempoh INRA I untuk mempertahankan kejatuhan harga getah asli. Sebaliknya pula apabila harga getah telah meningkat hasil daripada pemulihan ekonomi dunia baru-baru ini INRO telah menjual stok getah aslinya bagi meredakan tekanan kepada harga. Oleh yang demikian, operasi stok penimbal ini telah membuktikan bahawa kerjasama di antara pihak pengeluar dan pihak pengguna getah asli di peringkat antarabangsa boleh menstabilkan harga komoditi tersebut bagi kebaikan bersama.

Memandangkan bahawa minyak kelapa sawit merupakan salah satu daripada 17 jenis minyak dan lemak (oils and fats) yang termasuk minyak soya, minyak biji matahari, minyak rapeseed, minyak kelapa, tallow dan sebagainya tiada ada sebarang pertubuhan seperti yang terdapat bagi

getah asli yang bertujuan untuk menstabilkan harga minyak kelapa sawit dan minyak sayuran dan lemak lain. Apa yang dikehendaki iaitu kita terus berusaha untuk meninggikan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran serta mengawal mutu dan meningkatkan penggunaan melalui penyelidikan dan peraturan-peraturan yang sesuai serta memajukan perkembangan industri-industri hiliran dan memperkukuhkan pasaran di seluruh pelusuk dunia.

TABUNG GALAKAN PASARAN MINYAK KELAPASAWIT

33. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat ini, jumlah perbelanjaan serta penyelidikan atau strategi pemasaran atau lain-lain program pembangunan yang dibiayai daripada tabung POPF (Palm Oil Promotion Fund).

Berapa banyak wangkah yang telah dikutip oleh dana ini? Dalam tempoh masa yang sama, apakah jumlah wang serta bentuk perbelanjaan yang dikendalikan oleh Kerajaan sendiri bagi mempertingkatkan permintaan dalaman dan luaran, serta peningkatan kegunaan dan mutu minyak kelapa sawit?

Dato' Alias bin Md. Ali: Berasaskan kadar \$2.00 bagi setiap tan metrik minyak kelapasawit dan minyak isirong sawit mentah, sehingga 15 Jun 1989 sebanyak \$5,555,012 telah dikutip untuk Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapasawit atau POPF. Sementara menunggu proses penubuhan dan pendaftaran POPF itu diselesaikan, wang itu adalah dikendalikan oleh PORLA melalui sebuah Jawatankuasa Galakan Pasaran. Sehingga ini perbelanjaan sejumlah \$2,602,843 telah diluluskan oleh Jawatankuasa yang berkenaan.

Kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa itu pada masa ini tertumpu kepada usaha

menyakinkan para pengguna mengenai khasiat-khasiat pemakanan minyak kelapa sawit dalam usaha membanteras kempen anti-minyak kelapasawit yang sedang giat dijalankan oleh Persatuan Kacangsoya Amerika (ASA).

Mengenai perbelanjaan Kerajaan sendiri untuk menggalakkan minyak kelapasawit, semenjak tahun 1988 dan 1989 sehingga kini Kementerian bersama dengan PORLA dan PORIM telah dibelanjakan sebanyak \$6.3 juta untuk menjalankan usaha galakan pasaran di dalam dan luar negeri. Kerja-kerja galakan pasaran tersebut termasuklah menghantar misi teknikal/perdagangan ke luar negeri, menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pameran-pameran perdagangan khidmat nasihat teknikal (TAS) kepada para pengguna dan menjalankan kajian-kajian pasaran.

Mengenai usaha meningkatkan penggunaan dan mutu minyak kelapasawit, untuk tahun 1988 dan tahun semasa iaitu sehingga bulan ini PORIM telah membelanjakan sebanyak \$29 juta untuk menjalankan penyelidikan ke dalam bidang yang berkenaan. Selain dari itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$4 juta kepada PORIM untuk membiayai program penyelidikan bagi menjelaskan dan mengesahkan semula kesan-kesan positif minyak kelapasawit ke atas kesihatan manusia untuk mengatasi tohmah-tohmah yang telah dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap minyak kelapasawit.

PEMBINAAN RUMAH OLEH KOPERASI

34. Tuan P. Patto minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat mana Menteriannya dapat mengawasi koperasi-koperasi yang melibatkan diri dalam pembinaan rumah supaya kepentingan orang awam dan anggota koperasi diberi perlindungan yang

cukup untuk menjamin mereka tidak tertipu dengan kata-kata manis pemimpin-pemimpin koperasi, yang sebilangannya terdiri daripada pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MCA dan MIC.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):

Kementerian saya memang sentiasa mengawasi koperasi-koperasi yang melibatkan diri dalam pembinaan rumah dari masa ke semasa. Bagi memastikan koperasi-koperasi tidak menipu ahlinya, koperasi-koperasi dikehendaki mematuhi beberapa syarat:

- (1) Setiap koperasi yang hendak membina projek perumahan adalah dikehendaki memohon kebenaran daripada Kementerian terlebih dahulu. Selepas kebenaran diberi oleh Kementerian, koperasi-koperasi berkenaan adalah dikehendaki mendapat kelulusan Ketua Pendaftar Koperasi sebagaimana dikehendaki di bawah Akta Koperasi. Semasa memohon kebenaran, koperasi dikehendaki mengemukakan kertas kerja untuk menentukan "feasibility" dan "viability" sesuatu projek.
- (2) Kebenaran akan diberi sekiranya koperasi yang berkenaan memenuhi keperluan seperti telah mempunyai tapak tanah, infrastruktur, kewangan yang cukup dan keupayaan mengurus.

Dengan langkah-langkah yang tersebut di atas, koperasi-koperasi yang melibatkan diri dalam projek membina rumah dan menghadapi masalah dalam membina projek perumahan dapat diawasi.

Sekiranya terdapat koperasi-koperasi yang menyeleweng semasa melaksanakan projek ini, mereka akan disiasat mengikut Akta Koperasi dan jika didapati bersabit kesalahan tindakan boleh diambil ke atas koperasi-koperasi tersebut. Sekiranya kesalahan yang dilakukan berupa jenayah, ianya boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, koperasi tidak boleh menjual rumah kepada orang awam kerana ini bercanggah dengan objektif penubuhan sesuatu koperasi. Rumah-rumah yang dibina oleh sesebuah koperasi hanyalah dibenarkan dijual kepada ahli-ahlinya sahaja. Sekiranya orang ramai ingin menyertai skim perumahan koperasi, mereka seharusnya menjadi ahli terlebih dahulu supaya dapat menggunakan hak-hak keahlian bagi memelihara kepentingan mereka sebagai pembeli.

TATASUSILA KEWARTAWANAN

35. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sumbangan dan peranan daripada Kerajaan terhadap Tatasusila Kewartawanan untuk menjamin kebebasan memungut dan menyiarkan berita yang diisytiharkan baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Kerajaan tidak terlibat atau kena mengena dengan pembentukan Tatasusila Kewartawanan Malaysia yang dilancarkan pada 20 Mei 1989 baru-baru ini oleh Persatuan Wartawanan Malaysia. Tatasusila tersebut dirumuskan oleh para pengarang yang mewakili keseluruhan industri media di negara ini atau inisiatif mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan sedia maklum akan usaha tersebut dan mengalu-alukan inisiatif yang diambil. Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan Penerangan sentiasa memberi nasihat serta panduan tentang tanggungjawab para wartawan dan media massa kepada negara dan rakyat serta mengingatkan mereka akan tanggungjawab masing-masing terhadap pembangunan. Kerajaan menyokong tujuan Tatasusila Kewartawanan yang mementingkan penulisan berita secara objektif, bertanggungjawab tetapi peranan menjaga dan memupuk perpaduan rakyat, keamanan dan kestabilan negara haruslah juga diutamakan.

SUBSIDI PERTANIAN

36. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertanian nyatakan jumlah subsidi yang dibelanjakan untuk setiap jenis pertanian untuk setiap tahunan, sejak 1980. Apakah garis panduan untuk subsidi begitu. Berikan keputusan subsidi begini. Nyatakan juga, sama ada petani-petani telah terdapat faedah-faedah dari subsidi yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Jumlah subsidi yang telah dibelanjakan sejak 1980 mengikut jenis-jenis pertanian adalah seperti berikut:

<i>Jenis-jenis Pertanian</i>	<i>Jumlah Subsidi Dibelanjakan</i>
Tanaman	\$2,476,393,848
Ternakan	\$16,823,970
Perikanan	\$47,288,146
JUMLAH	\$2,540,505,964

Selaras dengan dasar Kerajaan menggalakkan petani-petani supaya lebih berdikari di dalam mengusahakan aktiviti pertanian. di samping mengurangkan pergantungan

mereka kepada subsidi Kerajaan, mulai Rancangan Malaysia Kelima, kebanyakan daripada program subsidi telah ditukarkan kepada bentuk kredit. Sungguhpun begitu, bagi beberapa komoditi tertentu yang benar-benar memerlukan bantuan Kerajaan, program subsidi masih diteruskan. Program subsidi yang masih diteruskan ialah:

- (i) Skim subsidi baja padi.
- (ii) Skim subsidi harga padi.
- (iii) Skim subsidi lada hitam.
- (iv) Skim subsidi sago.
- (v) Skim sokongan harga susu lembu.
- (vi) Skim jualan lembu tenusu.
- (vii) Skim mempelbagaikan pertanian (Sarawak).

Pada amnya, bentuk subsidi yang disediakan oleh Kementerian Pertanian boleh digolongkan kepada dua, iaitu subsidi input dan subsidi harga. Sebab-sebab utama subsidi tersebut diberi ialah untuk:

- (i) Mengurangkan kos input yang ditanggung oleh petani.
- (ii) Menyokong harga belian komoditi untuk menjamin pulangan pendapatan minima kepada pengusaha.
- (iii) Memperluas dan mempelbagaikan punca-punca pendapatan petani menerusi aktiviti-aktiviti sampingan selain dari kegiatan utama masing-masing dan;
- (iv) Memudah dan melicinkan pemindahan teknologi moden kepada petani.

Garis panduan atau syarat-syarat kelayakan pemberian subsidi adalah berbeza-beza mengikut jenis program subsidi. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya pemberian subsidi adalah berpandukan kepada permohonan daripada petani, penternak

dan nelayan yang memenuhi kriteria tertentu seperti tahap kemiskinan, komitmen terhadap jenis pertanian yang diusahakan, keluasan kawasan pertanian yang dimiliki dan sebagainya.

Diukur dari segi faedah kepada kumpulan sasaran yang terlibat, adalah jelas bahawa program-program subsidi yang disediakan telah memberi manfaat kepada mereka terutama petani, penternak dan nelayan kecil. Kebanyakan daripada mereka telah dapat meningkatkan pengeluaran dan seterusnya menambahkan lagi pendapatan ke peringkat yang lebih tinggi daripada sebelumnya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT/ JEPUN

37. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil daripada lawatan beliau ke luar negeri baru-baru ini ke Amerika Syarikat dan Jepun.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Berhubung dengan lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, saya telah pun memberikan jawapan terperinci ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 21hb Jun, 1989.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Y.A.B. Perdana Menteri tidak ada membuat lawatan ke Jepun baru-baru ini.

TORNADO—PEMBELIAN KAPAL TERBANG PEJUANG

38. Dato Haji Mohd Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Kedudukan sekarang dengan memorandum Persekutuan antara United Kingdom dan Malaysia berkenaan pembelian senjata-senjata oleh Malaysia

dari United Kingdom dan sebutkan jumlah yang benar-benar negara kita terikat untuk membeli senjata-senjata dari United Kingdom; dan

- (b) Adakah Kerajaan masih berminat untuk membeli kapal terbang pejuang "Tornado" memandangkan banyak negara-negara lain sudah tidak yakin dengan prestasi pesawat tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-1989, oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

39. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa sejak bulan-bulan kebelakangan ini para pengguna di Tawau terpaksa menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik walaupun mereka telah membayar bil-bil mereka; dan
- (b) bilakah dua unit generator 8.16 MW akan dipasang di Tawau.

Tuan Ong Tin Kim: Sejak hari kebelakangan ini beberapa gangguan bekalan elektrik telah berlaku di Tawau. Gangguan bekalan elektrik tersebut adalah akibat daripada pemotongan bekalan elektrik untuk membolehkan LLS menjalankan kerja-kerja senggaraan ke atas set-set janakuasanya. Kerja-kerja senggaraan ini perlu dilaksanakan untuk menjaga operasi dan memperbaiki prestasi set-set penjanaan tersebut. Semua pemotongan tenaga yang dijalankan

akibat kerja-kerja senggaraan telah dijadualkan dan diiklankan melalui media massa tempatan. Untuk memperkukuhkan sumber penjana tenaga elektrik di Tawau dua set penjana tambahan berkeupayaan 8 MW setiap satu akan dipasang dan dimulatugaskan oleh LLS pada bulan Ogos 1990.

PEMBELIAN SENJATA—TUDUHAN AKHBAR OBSERVER

40. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Kerajaan sudah menyiasat dan mengenalpasti mereka yang dikatakan memberi maklumat yang tidak benar kepada Akhbar Observer mengenai isu pembelian senjata sebanyak 4.3 billion dengan Britain. Oleh kerana Kerajaan menolak dakwaan Observer sebagai tidak benar apakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengutuk dan mengecam Akhbar Observer secara terbuka serta mengambil tindakan undang-undang menuntut ganti rugi, apakah Kerajaan Malaysia berani berbuat demikian bagi menolak dakwaan Observer.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-1989, oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

PENCEMARAN UDARA/ PEMBUANGAN SAMPAH SARAP

41. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat mana Majlis-Majlis Daerah/Perbandaran sudi bekerjasama dengan Kementerian beliau dalam usaha menguruskan masalah pembuangan sampah sarap dan masalah pencemaran udara, khususnya yang diakibatkan oleh pengilang-pengilang yang tidak berlesen. Kepada

Majlis Tempatan yang kurang bekerjasama atau tidak menyelaraskan tindakannya dengan usaha Kementerian, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh beliau.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Seperti Ahli Yang Berhormat dari Ampang sedia maklum pengurusan sampah sarap serta pembakaran sampah yang menyebabkan pencemaran udara adalah di bawah tanggungjawab Majlis-Majlis Daerah dan Perbandaran berkenaan. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya boleh beri nasihat dan garis panduan kepada mereka supaya amalan baik diadakan. Sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan Majlis telah sedar tentang faedah nasihat dan garis panduan yang diberi dan sedang berusaha melaksanakannya.

Dalam hubungan ini untuk memperbaiki pengurusan alam sekitar dalam semua peringkat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar di peringkat negeri, dan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah bersetuju cadangan itu. Dengan hal yang demikian, sekiranya Ahli YB mendapati mana-mana majlis tertentu tidak beri kerjasama dalam pengurusan alam sekitar, sila maklumkan kepada saya dan saya sedia memberi segala bantuan untuk menimbulkannya dengan Jawatankuasa tersebut bagi tindakan susulan.

PEMBELIAN SENJATA—TUDUHAN AKHBAR OBSERVER

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Osman telah menasihatkan beliau supaya jangan mengambil tindakan

prosiding saman malu terhadap akhbar London Observer disebabkan laporannya bertarih 7 Mei 1989 yang mendakwa terdapat rasuah ("kick-back" and "pay-offs") sebanyak \$450 juta yang diberi kepada UMNO Baru dan "agents and ruling families" dalam urusan senjata British bernilai \$4.5 billion sebelum beliau bertolak ke luar negeri ke Amerika dan United Kingdom pada pertengahan bulan Mei ini, dan sama ada beliau telah menimbang tuduhan-tuduhan akhbar Observer itu semasa beliau menemui Perdana Menteri British, Margaret Thatcher pada hujung bulan Mei di London.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-1989, oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

(Soalan No. 43. Sila lihat jawapan No. 8 pada 28-6-89).

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

44. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan Amanah Ikhtiar Malaysia sejak penubuhannya pada 17-9-1987;
- (b) jumlah wang peruntukan yang diberikan kepada Amanah ini sehingga 15-6-1989;
- (c) dari manakah wang peruntukan itu datang.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Amanah Ikhtiar Malaysia adalah sebuah badan bukan Kerajaan, yang mendapat sokongan Kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan rakyat termiskin.

Semenjak ianya ditubuhkan pada 17-9-1987 sebanyak 6 cawangan telah ditubuhkan, iaitu 2 di Selangor, 2 di Pulau Pinang dan 2 di Kedah. Peratusan cawangan yang terbesar ialah di Selangor yang telah mengeluarkan sebanyak 475 pinjaman. Pinjaman keseluruhan bagi 545 pinjaman berjumlah \$318,260.00. Jumlah pinjaman adalah dari \$900.00 hingga \$2,000.00 kepada petani-petani yang termiskin.

Kejayaannya adalah sangat memberangsangkan setakat ini bila dilihat operasi di Kuala Selangor, Selangor. Rancangan ini akan dikembangkan ke negeri-negeri lain seperti Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Perlis.

- (b) Jumlah peruntukan sehingga 15-6-1989 adalah dianggarkan lebih kurang \$9.2 juta.
- (c) Peruntukan ini datangnya dari berbagai-bagai sumber bukan Kerajaan, Kerajaan-kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan.

HOSPITAL BESAR KUCHING— WAKTU MELAWAT

45. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak peraturan masuk dan keluar yang baru diamalkan oleh Hospital Umum Kuching sekarang adalah lebih menyulitkan para keluarga atau sahabat handai para pesakit dan sebilangan besar orang ramai yang datang dari kawasan luar bandar yang sangat jauh dan terpaksa membelanjakan wang beratus-ratus ringgit telah tidak dapat menziarahi kaum keluarga atau sahabat handai yang sakit di Hospital tersebut.

Tuan Chua Jui Meng: Waktu-waktu melawat untuk Hospital Besar Kuching telah dikuatkuasakan pada 1hb Mac 1989. Peraturan untuk masuk dan keluar ini juga diamalkan di hospital-hospital lain di seluruh negara. Peraturan ini telah ditetapkan untuk memberi masa kepada pesakit-pesakit untuk berehat tanpa gangguan dari pelawat-pelawat dan juga untuk memudahkan rawatan pesakit dan perjalanan kerja-kerja wad, seperti "ward round" oleh doktor-doktor, pemberian ubat-ubatan kepada pesakit dan kerja-kerja membersihkan wad dan sebagainya. Keperluan Keluarga pesakit dan pelawat-pelawat yang datang dari jauh serta tidak boleh datang pada waktu yang telah ditetapkan telah juga diambilkira. Mereka ini boleh berjumpa dengan kakitangan di "Patient Information Counter" yang terletak di lobi Hospital tersebut di mana mereka akan dibekalkan dengan pas-pas melawat di luar waktu-waktu lawatan yang ditetapkan.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR—PRESTASI

46. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah prestasi Pasaran Saham Kuala Lumpur semenjak peristiwa "The Black Monday" dalam tahun 1987 hingga kini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya PSKL mempunyai "endurance" yang kuat ataupun ketahanan untuk menghadapi peristiwa seumpama itu di masa-masa yang akan datang supaya semangat para pelabur tidak lumpuh;
- (c) apakah kriteria yang kini digunakan untuk mengagihkan "fresh share issue" oleh Kerajaan; dan

- (d) baru-baru ini Datuk Tan Koon Swan telah diarahkan untuk membayar balik \$1,000.00 sebulan kepada yang menuntut daripadanya dan proses pembayaran balik ini memakan masa lebih 34,000 tahun. Apakah Kerajaan membuat keputusan ini secara main-main atau serious menyedari akan implikasinya kepada orang ramai di masa yang akan datang.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari Isnin 19hb Oktober, 1987, nilai pasaran dengan izin "Market capitalization" jatuh lebih kurang 9% atau \$10 ribu juta kepada \$100.3 ribu juta manakala jumlah dagangan meningkat sebanyak 252% kepada 21.4 juta unit. Kejatuhan telah dipengaruhi oleh penjualan yang begitu ketara dan dengan itu Indeks Komposit jatuh 50.7 mata kepada 358.55 mata.

Pada 7hb Disember, 1987, nilai pasaran dan Indeks Komposit turun ketahap yang paling rendah selaras dengan kejatuhan pasaran dunia. Indeks Komposit jatuh ketahap 223.13 mata, sementara nilai pasaran merosot kepada \$65 ribu juta dengan dagangan harian mencatat kurang dari 10 juta unit.

Pada pertengahan bulan Disember 1988, prestasi pasaran mula meningkat dan bertambah baik dengan nilai pasaran berkisar pada \$105 ribu juta, manakala purata Indeks Komposit adalah dalam lingkungan 412.67 dan purata dagangan

sebanyak 30.291 juta unit sehari. Kini pasaran saham KLSE telah pun pulih sepenuhnya.

(b) Setakat ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut untuk mempertingkatkan lagi industri pasaran saham supaya kepercayaan para pelabur terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur tidak hilang.

(i) Melonggarkan syarat pemilikan ekuiti oleh broker saham asing dalam syarikat-syarikat broker saham di Malaysia dengan membenarkan syarikat broker saham asing meningkatkan ekuitinya daripada 30% kepada 49% selepas setahun beroperasi tertakluk terdapat peningkatan di dalam pelaburan asing. Dengan kelonggaran ini, syarikat-syarikat broker saham dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dari segi membawa masuk kepakaran dan modal.

(ii) Melonggarkan garispanduan dalam menentukan harga saham untuk terbitan awam.

Kelonggaran ini akan menggalakkan lebih banyak syarikat yang berpotensi menyenaraikan saham-saham mereka dan secara langsung akan menambahkan penyenaiaan syarikat-syarikat di Bursa Saham untuk diperdagangkan.

(iii) Papan Kedua yang dilancarkan dalam bulan November, 1988, akan memberi peluang penyenaiaan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai

modal terbitan dan membayar sebanyak \$5 juta dan rekod pencapaian perniagaan yang lebih pendek.

(iv) Bursa Saham telah mengambil langkah untuk melicinkan perdagangan di pasaran saham dengan melancarkan Sistem Dagangan Separa-Otomatik (SCORE) pada 15hb Mei 1989. Dengan sistem baru ini semua pesanan dari pihak broker saham akan dimasukkan ke dalam komputer.

Sebagai contoh, Pergolakan politik di Cina baru-bau ini telah memberi kesan yang hebat kepada Bursa-bursa Saham yang besar di dunia termasuk BSKL.

(c) Untuk soalan mengenai kriteria-kriteria yang digunakan mengagihkan dengan izin "fresh share issue" oleh Kerajaan, adalah dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat yang masih belum mempunyai peratusan pemegangan ekuiti Bumiputera sebanyak 30% atau lebih seperti ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru, hendaklah menawarkan syernya kepada institusi Bumiputera untuk mendapatkan pembahagian tersebut.

(d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Pemeriksaan Awam, sibankrap telah menyatakan bahawa beliau telah diterima bekerja oleh sebuah syarikat, dengan izin "American based company" dengan dibayar elaun sebanyak \$3,000.00 sebulan. Oleh yang demikian, beliau telah menawarkan untuk membayar sebanyak \$1,000.00

sebulan daripada elaun tersebut bagi faedah pemiutang-pemiutangnya. Dengan itu pada akhir Pemeriksaan Awam, Mahkamah telah membuat Perintah supaya beliau membayar \$1,000.00 sebulan mulai dari 1 Julai 1989.

Walau bagaimanapun, Perintah yang dibuat oleh Mahkamah itu bukanlah muktamad. Memandangkan sibankrap tidak mempunyai apa-apa punca pendapatan lain pada masa ini, maka tawarannya untuk membayar \$1,000.00 sebulan dirasakan berpatutan. Sekiranya keadaan kewangan berubah, Pegawai Pemegang Harta akan memohon kepada Mahkamah untuk mengulangi, mengubahsuai atau membatalkan Perintah asal tersebut.

KERETA JABATAN PENERANGAN—PENGUMUMAN PILIHANRAYA KECIL

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah semasa pilihanraya kecil di Bentong sedang berlangsung begitu banyak kereta Penerangan berada di Bentong. Sama ada beliau sedar bahawa kereta-kereta itu dipergunakan untuk gerakan kempen untuk BN, misalnya kereta Jabatan Penerangan bernombor WBN 7695 dan WAG 4483 berada di Bentong pada 7-5-89 dan kereta yang pertama itu berada di Bentong pada 11.20 pagi dan menggunakan sistem siarannya untuk menggesa orang ramai mengundi BN dan kemudiannya menyiarkan lagu MCA berbunyi "Inilah Negaraku", kereta yang kedua dan sistem siarannya telah digunakan dalam suatu kenduri malam yang diuruskan oleh MCA pada malam yang sama. Sila menyatakan sama ada tindakan ini merupakan penyalahgunaan kuasa dan salahguna harta-benda Kerajaan untuk maksud

politik dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang telah mengingkari undang-undang dan peraturan-peraturan ini.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Jabatan Penerangan menghantar 12 buah Unit Penerangan bertugas dalam pilihanraya kecil Parlimen Bentong memandangkan pengundinya ramai dan kawasan yang diliputi agak luas, termasuk unit-unit yang disebut oleh Yang Berhormat. Tugas yang dijalankan ialah tugas biasa memberi berbagai-bagai keterangan mengenai kepentingan pilihanraya dan menggalakkan rakyat keluar mengundi. Jabatan Penerangan mempunyai tugas rasmi tertentu dan tidak menjalankan kempen politik. Sebarang Pegawai yang menjalankan kerja selain dari tugas-tugas rasmi, pasti akan disiasat dan tindakan tatatertib sewajarnya diambil. Pertunjukan wayang gambar dan penyiaran lagu-lagu patriotik memang selalu dilakukan untuk menarik minat orang ramai supaya datang mendengar keterangan-keterangan yang diberi.

PERUSAHAAN AWAM BUKAN KEWANGAN—PENUTUPAN

48. Tuan Lau Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menutup Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan yang sedang menghadapi masalah akibat kemelesetan ekonomi dan kerugian kewangan; jika benar.

- (a) sudah berapa buahkah PABK yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan yang perlu ditutup; dan
- (b) apakah tujuan sebenar Kerajaan berbuat demikian.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Adalah benar kerajaan telah menutup beberapa Perusahaan

Awam Bukan Kewangan (PABK) yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan. Prestasi yang lemah ini mungkin kerana kemelesetan ekonomi. Tetapi, jika ekonomi negara pulih sekali pun, ada di antara syarikat-syarikat ini yang tidak mempunyai harapan untuk pulih.

Melalui kajian dari masa ke semasa dan dari penilaian prestasi PABK, Kerajaan telah mengenalpasti PABK-PABK yang menghadapi kerugian berterusan dan tidak mempunyai daya maju. Sehingga ini sebanyak 10 PABK telah ditutup. Tujuan kerajaan berbuat demikian adalah untuk mengurangkan kerugian PABK ini dan juga mengurangkan beban kewangan kepada kerajaan.

PELAJARAN BAHASA IBUNDA

49. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 2/3 masa mata pelajaran bahasa ibunda di banyak sekolah menengah kebangsaan diajar pada masa sebelum atau selepas masa biasa sekolah telah mengakibatkan kesulitan khususnya pengangkutan dan ini telah menjejaskan minat murid-murid terhadap mata pelajaran ini. Jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa 2/3 daripada mata pelajaran Bahasa Ibunda di kebanyakan sekolah menengah kebangsaan diajar di luar jadual waktu biasa sekolah. Ini adalah kerana dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), masa pengajaran di luar jadual waktu biasa atau masa lanjutan juga dianggap sebagai jadual waktu formal. Ini bukan sahaja berlaku terhadap mata pelajaran Bahasa Ibunda tetapi juga Pendidikan Agama Islam dan Kemahiran Hidup.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak Kementerian Pendidikan sedang berusaha membina bilik-bilik darjah baru dan pada masa yang sama, ruang-ruang yang ada di Sekolah juga digunakan untuk menampung kelas-kelas di waktu yang dilanjutkan itu.

GABUNGAN KESATUAN SEKERJA—PEMBENTUKAN

50. Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan serius untuk menggalakkan kaum pekerja membentuk sebuah gabungan kesatuan sekerja lagi bagi menyaingi MTUC dan apakah untungnya dari segi perpaduan kalau langkah ini diteruskan;
- (b) dalam perayaan Hari Buruh pada 1 Mei yang lepas banyak kritik diberikan oleh pemedato-pemedato di majlis tersebut yang mengkritik kelemahan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah pekerja. Adakah Kerajaan akan melaksanakan teguran-teguran itu;
- (c) menjelang berakhirnya Dasar Ekonomi Baru banyak syarikat telah mengambil langkah mengurangkan kakitangan dan mereka yang diambil semula bekerja telah ditawarkan dengan gaji yang lebih murah. Sejauh manakah hal ini dipersetujui oleh Kementerian dan apakah Kementerian merasakan ia berpuas hati dengan langkah itu menasabah; dan
- (d) dapatkan Kementerian menurunkan berapa buakkah syarikat yang telah mengambil langkah demikian dan ramai mana kakitangan yang dibuang kerja dan berapakah pula yang terpaksa menerima tawaran gaji yang kurang jika mahu terus bekerja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Soal penubuhan badan-badan pekerja adalah atas pilihan dan daya usaha pekerja-pekerja sendiri dan Kerajaan tidak campurtangan dalam urusan ini.
- (b) Mana-mana pihak adalah bebas untuk mengemukakan pandangan atau mengkritik dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan. Semua kritik dan teguran yang didapati membina akan mendapat perhatian Kerajaan tidak kira pihak mana yang mengemukakan teguran dan kritik itu.

Berkenaan dengan soalan (c) dan (d), sepanjang yang diketahui tidak ada laporan pemberhentian kerja berlaku yang dikaitkan dengan penghabisan tempoh Dasar Ekonomi Baru seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pemberhentian pekerja-pekerja dalam kes-kes yang telah dilaporkan adalah kesemuanya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi atau berbangkit dari cadangan penyusunan semula struktur syarikat.

JALAN TAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA

51. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapa banyak dan berapa panjang jalan-jalan yang dinaikkan taraf tar tahun ini 1989;
- (b) apakah tindakan selalu banjir di kawasan Rantau Panjang, yang disebabkan lebuhraya Rantau Panjang-Pasir Mas.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) jalan-jalan tanah yang akan dinaikkan taraf kepada jalan tar di Semenanjung Malaysia pada tahun 1989 adalah sepanjang lebih kurang 734 km. Kebanyakan jalan-jalan itu adalah jalan di kawasan rancangan Pembangunan Wilayah dan Rancangan FELDA. Perbelanjaan adalah dijangkakan berjumlah \$83 juta. Kesemua kerja-kerja tersebut telah dipanggil tawaran.
- (b) satu jawatanakuasa telah dibentuk yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Kerjaraya Kelantan, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pengarah Jabatan Saliran dan Pengairan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan tersebut bagi mengkaji dan menyelesaikan masalah ini.

LESEN TEKSI

52. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah permit teksi yang telah dikeluarkan kepada Wilayah Persekutuan;
- (b) berapakah permit-permit yang ditarik balik dan kenapa;
- (c) berapakah pula permit-permit yang dikeluarkan bagi tiap-tiap negeri di Malaysia;
- (d) adakah Kementerian berhasrat untuk menambah permit-permit bagi pekan-pekan kecil dan luar bandar, kalau ya, bila.
- (e) apakah tindakan yang diambil bagi bas-bas yang tidak mendapat permit dari JPJ bagi mengangkut penumpang-penumpang waktu cuti am seperti semua hari-hari raya.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar):

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya ialah sebanyak 7,235 lesen.
- (b) Sejumlah 177 lesen teksi dan kereta sewa seluruh Semenanjung Malaysia telah ditarik balik sehingga kini kerana tidak dibaharui selepas tamat tempoh lesen, melanggar syarat-syarat lesen seperti memajak dan mengikut peruntukan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan lain-lain undang-undang yang berkiatan.
- (c) Jumlah lesen teksi dan kereta sewa yang dikeluarkan diperincikan mengikut tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan lesen</i>
Perlis	360
Kedah	1,810
Pulau Pinang	1,184
Perak	3,340
Selangor ..	2,180
Wilayah Persekutuan	7,235
Pahang	1,471
Kelantan ..	1,609
Negeri Sembilan	1,388
Melaka	1,043
Johor	4,305
Jumlah Keseluruhan	<hr/> 26,867 <hr/>

- (d) Kementerian sentiasa mempertimbangkan permohonan lesen-lesen daripada pekan-pekan

kecil dan luar bandar dan meluluskan kepada pemohon-pemohon yang layak. Walau bagaimanapun pertimbangan diberi berasaskan adanya keperluan atau permintaan oleh orang ramai kepada perkhidmatan tersebut.

- (e) Bas-bas yang tidak mendapat permit daripada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengangkut penumpang-penumpang di hari-hari perayaan adalah melakukan kesalahan dan boleh dihukum dengan dikenakan Kompaun, digantung atau dibatalkan lesen mereka mengikut berat/ringan dan kekerapan kesalahan berkenaan dilakukan.

INDUSTRI PERUMAHAN

53. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada industri-industri perumahan ada diperbaiki dalam tempoh tahun lepas dan adakah lebih rumah harga rendah dibina untuk golongan pekerja berpendapatan rendah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Pada keseluruhannya didapati perumahan di negara ini telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang menggalakkan sejak pertengahan tahun 1988 berikutan daripada kedudukan ekonomi negara yang bertambah baik. Pemaju-pemaju perumahan pula menunjukkan minat yang semakin bertambah dalam kegiatan pembinaan rumah, terutamanya rumah kos sederhana dan kos rendah. Mengikut rekod Kementerian ini, pada tahun lepas bilangan unit rumah yang mana permit iklan dan jualan telah dikeluarkan adalah sebanyak 89,439 unit, iaitu pertambahan sebanyak 12% berbanding dengan jumlah yang dikeluarkan pada tahun 1987.

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan dan akan sentiasa berusaha mempergiatkan pembinaan rumah kos rendah untuk golongan pekerja dan rakyat jelata, khususnya mereka yang berpendapatan \$750.00 ke bawah sebulan. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, dari jumlah 701,500 unit rumah yang dirancang untuk dibina, sejumlah 495,000 unit atau 70.5% merupakan rumah kos rendah yang akan dibina oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Ini termasuklah pembinaan sejumlah 240,000 unit rumah kos rendah yang dirancang di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang sedang giat dilaksanakan sekarang.

BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH—GANGGUAN

54. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bekalan elektrik di Sabah kerap kali terganggu walaupun rakyat di Sabah telah membayar tarif yang lebih tinggi untuk bekalan tersebut.

Tuan Ong Tin Kim: Dalam membincang mengenai sistem bekalan elektrik di negeri Sabah, beberapa perkara perlu diambil ingatan supaya sebarang persoalan mengenai gangguan bekalan elektrik dapat dilihat dalam konteks dan perspektif yang sewajarnya. Perkara-perkara tersebut adalah seperti kedudukan geografi bandar-bandar utama Sabah dan pusat-pusat beban (load centres) LLS serta juga keperluan beban tenaga elektrik (load demand) tempatan.

Sepertimana yang tersedia maklum, bandar-bandar utama Sabah adalah jauh terpisah antara satu sama lain dan mempunyai jumlah penduduk yang sederhana sahaja. Memandangkan kepada kedudukan yang terpisah dan keperluan beban yang agak rendah maka bekalan elektrik ke bandar-bandar ini adalah dari stesen-stesen janakuasa tersendiri (kecuali untuk

bandar-bandar di Pantai Barat Sabah yang dihubungkan antara satu sama lain melalui rangkaian grid). Rangkaian grid untuk menghubungkan bandar-bandar ini adalah tidak ekonomik kerana beban yang rendah. Justeru itu, dengan sistem bekalan elektrik yang sedemikian rupa di mana hanya terdapat bekalan dari satu sumber penjaanaan, gangguan bekalan elektrik tidak akan dapat dielakkan apabila wujud kerosakan-kerosakan seperti di stesen janakuasa dan talian pembahagian ataupun apabila Lembaga Letrik Sabah terpaksa memutuskan bekalan supaya kerja-kerja penyelenggaraan dapat dijalankan.

GERAI TERATUR DI TEPI JALAN

55. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) apakah akan diwujudkan penye-larasan dengan Kementerian Kerjaraya, khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) di dalam usaha membina gerai-gerai teratur di tepi-tepi jalan;
- (b) apakah dengan sekim pembina-an gerai di tepi jalan yang diumumkan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, LLM akan mengambilkira dan memberi perhatian kepada gerai-gerai yang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan setengahnya terpaksa gulung tikar, tidak ada pelanggan kerana Lebuhraya itu telah dihalang (grilled) kedai luar bandar tepi high-way Kampung Sungai Merap, Sepang; dan
- (c) apakah Kementerian Pambangunan Negara dan Luar Bandar dan LLM mempunyai langkah tertentu seperti membuat kawasan berhenti (lay-by)

di mana tidak menjejaskan sistem Tol bagi memulihkan perniagaan mereka.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah di bawah Kementerian Kerjaraya. Oleh itu kerjasama sememangnya wujud antara LLM dan Kementerian Kerjaraya. Mengenai pembinaan gerai-gerai suka-lah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini Kementerian Kerjaraya hanya membina gerai-gerai di Lebuhraya Utara-Selatan di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Di jalanraya lain gerai-gerai tidak perlu dibina kerana memang sudah terdapat pekan-pekan kecil dan bandar-bandar di sepanjang jalanraya.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada sistem tol tertutup, iaitu perjalanan keluar/masuk hanya dihadkan kepada persimpangan-persimpangan yang disediakan. Oleh kerana sistem tol ini dilaksanakan, sepanjang Lebuhraya dihalang untuk mengelakkan kenderaan keluar/masuk secara bebas yang boleh membahayakan pengguna-pengguna Lebuhraya. Gerai-gerai, surau dan tempat rehat disediakan di tempat-tempat khas sahaja. Mereka yang ingin berniaga perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu di tempat-tempat khas itu. Mengenai gerai-gerai di Kampung Sg Merab yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kementerian akan mengarahkan LLM untuk mengkaji perkara ini.

(c) seperti yang dinyatakan di atas, kajian akan dibuat untuk memastikan langkah-langkah yang perlu diambil. Walau bagaimanapun mengadakan lay by merupakan satu cara untuk mengatasi masalah tersebut. Perkara ini akan dikaji terlebih dahulu.

**INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI—PENDIDIKAN**

56. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah dan setakat manakah institusi-institusi pengajian tinggi tempatan berupaya dan sanggup memenuhi peranan mereka selaras dengan keperluan ekonomi dan cabaran masyarakat Malaysia dari segi:

- (a) jenis latihan dan kemahiran;
- (b) Peranan graduan mengikut latihan dan kemahiran yang diperolehi;
- (c) mutu latihan dan kemahiran itu; dan
- (d) disiplin, sikap, motivasi dan kreativiti para graduan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan bertanggungjawab menyediakan pendidikan pelbagai bidang-pengajian profesional dan bukan profesional untuk melahirkan siswazah yang bertanggungjawab, berkemahiran tinggi dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan serta berpandangan luas dan seimbang untuk memenuhi keperluan negara.

Untuk tujuan ini Institusi Pengajian tinggi sentiasa berusaha mempertingkatkan mutu kursus-kursus yang dijalankan dan mencorakkan kursus-kursus mengikut keperluan semasa.

INSTITUSI KEWANGAN— PENYELEWENGAN

57. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menjelaskan tentang:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan bagi mengatasi penyelewengan-penyelewengan yang berlaku ke atas institusi-institusi kewangan yang membabitkan kerugian berjuta-juta ringgit dan juga masalah-masalah yang melibatkan kakitangan-kakitangan institusi-institusi tersebut; dan
- (b) setakat ini berapakah bilangan dan nilai wang yang terlibat dalam penyelewengan dan penipuan tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi penyelewengan dalam institusi-institusi kewangan, termasuklah menyusun semula lembaga pengarah, menukar pengurusan dan kakitangan serta memperkemas sistem kawalan dalam institusi-institusi kewangan yang berkenaan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa cadangan mewujudkan Akta Bank Dan Institusi-institusi Kewangan 1989 sebagaimana yang telah dibentangkan pada 27hb Julai 1989 di Dewan ini adalah juga merupakan satu langkah ke arah mengurangkan kegiatan penyelewengan dalam institusi-institusi kewangan di mana Akta yang dicadangkan itu, menyediakan peraturan kawalan yang lebih ketat ke atas institusi-institusi kewangan dan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan di bawah Akta itu. Perlu juga saya ulangi bahawa walau apa pun undang-undang dan peraturan yang kita wujudkan, ia tidak dapat menghalang sepenuhnya penyelewengan. Yang penting adalah kejujuran dan ketulusan semua pihak yang terlibat.

Mengenai bilangan kes dan jumlah wang yang terlibat dalam penyelewengan institusi kewangan, saya tidak bercadang untuk menjelaskan lagi kerana perkara ini telah dijelaskan semasa pembentangan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 di Dewan ini pada 27hb Jun 1989 yang lalu.

PELARIAN HARAM INDO-CHINA

58. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pelarian-pelarian haram yang dihantar ke negara lain dari negara ini dalam masa lima tahun yang lepas dan ke negara mana mereka dihantar?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelarian haram Indo-China yang telah dihantar ke negara-negara lain dalam masa lima tahun yang lepas iaitu semenjak tahun 1985 ialah seramai 36,608 orang. Pelarian-pelarian haram tersebut telah dihantar ke negara-negara berikut:

1. Amerika Syarikat	20,371 orang
2. Australia ..	7,955 "
3. Canada ..	4,424 "
4. Peranchis ..	1,348 "
5. New Zealand	351 "
6. Norway ..	260 "
7. Netherland	202 "
8. Finland ..	170 "
9. Jerman Barat	139 "
10. Lain-lain negara	388 "
	<hr/>
	36,608 "

PELAN SUSUNATUR DI JINJANG UTARA/SELATAN

59. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan peringkat kemajuan yang dicapai setakat ini dalam setiap aspek kajian memproses permohonan melanjutkan tempoh hakmilik di kawasan Jinjang Utara dan Jinjang Selatan, misalan dalam aspek:

- (a) *Pelan Susun-atur:* bentuk perubahan dalam pelan susun-atur yang sedang ditinjau untuk mengatasi masalah-masalah penggunaan tanah; luas kawasan yang sudah dikaji dan bilangan (peratusan luas kawasan) yang bermasalah, bentuk kajian "mendalam" yang dilaksanakan oleh berbagai-bagai Jabatan (nama Jabatan-jabatan juga);
- (b) *Kedudukan Lot:* bilangan lot dikaji dan bentuk siasatan yang dibuat;
- (c) *Kegunaan Semasa Lot-lot:* bilangan lot yang melanggar peraturan kegunaan tanah yang ditetapkan dalam suratan hakmilik;
- (d) *Keperluan Kemudahan Awam:* ketenatan keperluan kemudahan daerah-daerah yang terlibat, jumlah pelaburan yang dianggarkan diperlukan;
- (e) *Lain-lain Aspek Kajian:* jenis masalah-masalah yang wujud dalam permohonan tanah, premium yang akan dicadangkan, dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, berapa peratusan kerja kajiannya yang boleh dikata sudah beres? Berapa lama lagikah tempoh masa yang diperlukan untuk menghabiskan kajian? Adakah penguatkuasaan sebarang perubahan dalam syarat hakmilik dilaksanakan serentak dengan kelulusan syor-syor kajian oleh Kerajaan? Jika tidak, bilakah perubahan berkuatkuasa? Jika ya, apakah tempoh masa yang diberi kepada pemilik tanah atau pihak-pihak berkepentingan untuk merayu membantah keputusan Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sedang memberi perhatian bagi menyelesaikan beberapa permohonan tanah di dalam Wilayah Persekutuan yang bertujuan untuk mengurangkan tunggakan permohonan-permohonan tanah. Di samping itu memandangkan adanya permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik tanah yang akan luput di kawasan Kampung Baru Jinjang Utara dan Kampung Baru Jinjang Selatan, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sedang memberikan perhatian yang khusus untuk menyelesaikan kedudukan perkara ini, jika boleh, di dalam tahun 1989 ini juga. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini menyentuh hal-hal kemasyarakatan dan melibatkan bilangan pemohon dan plot-plot tanah yang banyak.

Mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara, permohonan-permohonan berkenaan belum lagi layak dipertimbangkan oleh kerana pajakannya belum luput. Walau bagaimanapun Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah mengambil tindakan yang awal untuk menyelesaikan perkara ini di samping berusaha untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih berkesan dan cepat. Oleh yang demikian bagi menjawab secara

menyeluruh pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini, memadai saya menerangkan bahawa kajian-kajian yang dijalankan masih diteruskan dan mengikut perancangan ia akan dapat dibuat keputusan dasar oleh Pihak Berkuasa mengenai tanah di Wilayah Persekutuan secepat mungkin yang boleh.

KEDAI PERNAMA

60. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa kemudahan-kemudahan yang sedia ada di kedai-kedai PERNAMA tidak dipanjangkan kepada pasara-pesara Angkatan Tentera yang sepatutnya juga menikmati kemudahan tersebut memandangkan mereka telah berkhidmat cemerlang untuk negara dan raja.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Mengikut peraturan yang sedia ada, kemudahan membeli belah di kedai-kedai PERNAMA hanya diperuntukkan kepada para anggota tentera yang sedang berkhidmat sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang membuat kajian terperinci bagi membolehkan para pesara tentera turut menikmati kemudahan tersebut. Kerajaan memerlukan masa bagi mengkaji perkara ini kerana ia melibatkan perundangan dan kewangan negara.

Sukacita dimaklumkan bahawa tidak ada kesan yang buruk terhadap keselamatan negara dalam penswastaaan fasilitas pertahanan. Sebaliknya fasilitas yang telah diswastakan boleh berjalan dengan lebih berkesan kerana tidak terikat oleh prosidur-prosidur Kerajaan. Kawalan oleh Kerajaan boleh dilakukan melalui pemilikan bahagian ekuiti yang utama dalam syarikat baru. Dalam setiap kes penswastaaan, Kerajaan akan sentiasa menentukan bahawa kepentingan keselamatan negara adalah terpelihara.

DEPOH BAIKPULIH KAPALTERBANG TUDM

61. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa bidang Pertahanan telah sedang dikaji dan akan dikaji untuk diswastakan, dan sejauh manakah kesan baik dan buruknya dari segi keselamatan negara.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Satu fasilitas pertahanan yang telah diswastakan ialah Depoh Baikpulih Kapal terbang TUDM. Fasilitas tersebut merupakan satu Syarikat Usahasama di antara Airod Sdn Bhd merupakan satu Syarikat Usahasama di antara Syarikat Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd dan Lockheed Aircraft Service International.

Fasilitas-fasilitas lain yang sedang dikaji untuk diswastakan ialah Limbungan TLDM, Lumut dan Aerospace Ground Support Division TUDM, sedangkan fasilitas yang lain seperti Worksyop Perkilangan Angkatan Tentera akan dikaji pada masa yang sesuai.

PASIR JERLUS DI KAMPUNG BARU/KAMPUNG BARU LAHAT

62. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ingin mengeluarkan Laporan Kaji-bumi 1982, supaya penduduk-penduduk di Bukit Merah, Kampung Baru dan Kampung Baru Lahat, Ipoh yang nyawa-nyawa mereka sentiasa terancam oleh pasir jerlus (sink-holes) untuk mendapat tahu isi kandungan laporannya. Nyatakan sama ada kegiatan-kegiatan perlombongan bijih timah dari Syarikat Tin Mines Sdn. Bhd., ada bersangkutan dengan kejadian pasir jerlus (sink holes); dan

- (b) nyatakan juga sama ada kawasan yang diakibatkan oleh pasir jerlus (sink holes) adalah kaya dengan bijih timah.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Kejadian lubang benam (sink holes) di kawasan-kawasan yang batuan dasarnya adalah batu kapur (limestone) merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan ataupun dijangkakan. Ianya boleh berlaku disebabkan oleh berbagai proses. Hasil kajian dan pengamatan yang dijalankan menunjukkan bahawa kejadian lubang benam di kawasan Lembah Kinta adalah merupakan hasil daripada proses pelarutan batu kapur (batuan dasar). Proses ini merupakan sebahagian daripada proses pengluluhawaan (weathering) semulajadi yang memakan masa yang panjang.

Kajian yang dijalankan ke atas kawasan sekitar Kampung Baru Bukit Merah dalam tahun 1982 menggunakan kaedah lubang gerudi dan teknik air kimia untuk mengetahui tentang sifat-sifat tanah penutup, batuan dasar, paras, lakuan serta aliran air tanah. Laporan hasil kajian ini telah pun diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak. Manakala kajian yang sedang dijalankan sekarang akan meliputi kawasan yang lebih luas serta menggunakan kaedah "Tracer" untuk mengesan aliran air tanah. Ianya dijangka akan memakan masa 7 bulan untuk membolehkan pengesahan lakuan air tanah dibuat secara berterusan.

Laporan hasil kajian ini dijangka akan disiapkan dalam bulan Disember 1989 dan akan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak untuk

tindakan susulan, memandangkan perkara tersebut adalah termasuk di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Laporan Kajian 1982 tersebut boleh didapati untuk rujukan di pejabat-pejabat Penyiasatan Kajibumi di Kuala Lumpur dan Ipoh.

Menyentuh tentang perkaitan di antara kegiatan perlombongan bijih timah dengan kejadian lubang benam, hasil kajian yang lepas tidak menunjukkan terdapatnya sebarang kaitan yang nyata. Ini memandangkan pembentukan lubang benam di kawasan batu kapur ini adalah dikawal oleh beberapa faktor utama seperti ketebalan tanah penutup yang nipis hingga sederhana, jasad batuan yang masif tetapi mengalami keretakan, paras air tanah yang rendah serta tidak stabil dan sebagainya.

- (b) Dari rekod penyiasatan yang lepas, kawasan Kampung Batu Bukit Merah didapati mempunyai nilai bijih timah yang sut (marginal), manakala kawasan Lahat pula adalah merupakan kawasan bekas lombong.

BMF—TINDAKAN SIVIL

63. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan hasil setiap tindakan jenayah dan sivil yang telah dimulakan di dalam atau di luar negeri akibat skandal \$2.5 bilion Bumiputra Malaysia Finance, baikpun oleh Kerajaan atau Bank Bumiputra atau BMF, baikpun dalam negeri atau di luar negeri.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB)

telah pun mengambil beberapa tindakan sivil ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kes BMF baik di Malaysia mahupun di Hong Kong. Setakat ini, hasil dari tiap-tiap tindakan sivil tersebut belum dapat ditentukan memandangkan kes-kes tersebut belum lagi selesai dan masih dalam peringkat perbicaraan. Walau bagaimanapun, BBMB telah mendapat kebenaran atau dengan izin "Consent Judgement" ke atas tuntutannya terhadap Hashim Shamsudin di Malaysia dan di Hong Kong untuk mendapat kembali wang yang diambilnya. BBMB sedang mengemukakan tuntutan selanjutnya ke atas perkara ini.

Mengenai tindakan jenayah, sehingga masa ini tindakan jenayah ke atas mereka yang terlibat dalam kes BMF belum dapat diambil di mahkamah tempatan disebabkan pertamanya, kesalahan-kesalahan itu dilakukan di luar negara ini dan keduanya, setakat ini tiada bukti yang mencukupi yang membolehkan mereka itu didakwa di mahkamah tempatan. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa Hong Kong telah dan sedang mengambil tindakan jenayah ke atas pihak-pihak yang terlibat tersebut. Umpamanya, kes ekstradisi ke atas Lorrain Osman yang mana pada masa ini masih lagi di peringkat perbicaraan di mahkamah di London.

FUNGSI JABATAN PENERANGAN DAERAH

64. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Penerangan menyatakan fungsi Jabatan Penerangan Daerah pada hari ini hanyalah menjadi Pengerusi di Majlis-majlis perjumpaan, menayang wayang gambar di kampung-kampung sekali-sekala tidak lebih dari itu, tidakkah Kementerian sedar perkara ini dan apakah langkah patut diambil oleh pihak Kementerian supaya dapat

memperluaskan skopnya supaya menjadi benar-benar berfaedah kepada rakyat dalam semua aspek.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Fungsi utama Pejabat Penerangan Daerah ialah untuk menerangkan dasar-dasar dan tujuan tindakan-tindakan kepada orang ramai. Ia juga bertanggungjawab mendapatkan maklumbalas mengenai penerimaan dan pelaksanaan dasar itu disamping memberi keterangan-keterangan lanjut dan lain-lain maklumat penting kepada orang ramai melalui syarahan-syarahan yang diadakan bersama-sama pertunjukan wayang gambar, melalui kursus-kursus sivik, majlis ramah tamah dan lain-lain.

Tuduhan bahawa fungsinya cuma menjadi Pengerusi di majlis-majlis perjumpaan selain dari menayangkan wayang gambar, tidaklah betul. Fungsi seperti tersebut melibatkan banyak aktiviti-aktiviti persediaan dan follow-up. Pegawai Penerangan Daerah juga tidak semestinya menjadi Pengerusi dalam perjumpaan begitu melainkan menjadi Penyelaras sahaja. Kerja-kerja sebenarnya yang dijalankan oleh Pejabat Penerangan Daerah dan Pegawai Penerangan Daerah adalah banyak terutamanya sebagai ahli berbagai-bagai jawatankuasa yang ujud di peringkat Daerah. Pegawai Penerangan Daerah di waktu ini kebanyakannya terdiri dari Pegawai kategori "C" sahaja padahal Pegawai dari Jabatan lain di peringkat Daerah ada yang berada di peringkat Tertinggi "G". Salah satu usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ialah untuk menaikkan taraf jawatan ini, supaya Pegawai Penerangan Daerah itu sendiri mempunyai lebih wibawa setaraf dengan Pegawai di peringkat Daerah yang lain. Ini masih belum mendapat kelulusan. Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk menyusun semula kursus sivik dan syarahan-syarahan yang diadakan

supaya berupa majlis pertukaran pendapat yang lebih berfaedah. Sebagai input kepada pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan pembangunan negara, penyebaran maklumat melalui pertemuan semuka dan percetakan makalah-makalah juga sedang dipertingkatkan. Dengan itu tugas-tugas Pejabat Penerangan Daerah dan Pegawai Penerangan Daerah memanglah banyak dan semakin bertambah, tidak seperti yang dituduh.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DITANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA KE MESYUARAT AKAN DATANG

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah perkara 62 Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat ini dan meminta supaya Rang Undang-undang yang berikut iaitu:

- (i) Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan); dan
- (ii) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan).

yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat hari ini ditangguhkan peringkat Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiganya ke mesyuarat yang akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (29hb Jun, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Berbalik kepada apa yang saya isytiharkan tadi, saya haraplah Ahli-ahli Yang

Berhormat berucap tidak lebih daripada 20 minit. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.02 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Kertas Perintah 23 Tahun 1989 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima seperti yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Kajian Separuh Penggal tersebut. Saya rasa kajian dan penilaian yang dibuat adalah seimbang dan objektif.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar hujah-hujah yang disarankan oleh Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini. Antara lain Ketua Pembangkang telah menyarankan bahawa Malaysia telah tinggal jauh ke belakang jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Singapura dan Thailand dari segi pertumbuhan ekonomi. Beberapa data-data diberi untuk menyokong saranan tersebut. Kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjadi halangan kemajuan. Dari saranan-saranan tersebut ternyata maksud sebenar beliau iaitu beliau tidak bersetuju dengan DEB. Sebab itulah beliau berpendapat bahawa DEB bukan sahaja mempolarisasikan kaum di negara ini, terutamanya di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan seterusnya dasar tersebut dikatakan memisahkan orang Melayu sendiri iaitu golongan elit dengan apa yang dikatakan orang Melayu biasa. Beliau juga mempertikaikan kesungguhan Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ketua Pembangkang hanya menggunakan data-data kasar tanpa mengkaji dengan mendalam keadaan sebenar pertumbuhan ekonomi negara-negara asing yang dipetik sebagai contoh. Seperti yang dihujahkan oleh rakan saya dari Padang Terap, Ketua Pembangkang harus mengambil kira fakta-fakta sebenar berkenaan pertumbuhan di negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan dan Thailand. Ringkasnya pertumbuhan ekonomi di negara-negara tersebut berpunca daripada bantuan luar, khususnya dari Amerika Syarikat. Korea Selatan menerima beribu-ribu juta dollar setiap tahun sewaktu dan seterusnya beberapa dekad selepas perang Korea. Begitu juga di Taiwan di mana Kerajaan Amerika Syarikat mencurah beribu-ribu juta dollar setiap tahun dalam usaha untuk memperkukuhkan Kerajaan Chiang Kai Shek yang telah dikalahkan oleh Mao Tse-tung di Negeri China. Bantuan beribu-ribu juta dollar ini telah membolehkan Taiwan membina infrastrukturnya secara percuma di samping mendirikan kilang-kilang, membuat kelengkapan perang menghadapi kekuatan Regim China Komunis. Dengan pencurahan beribu-ribu juta dollar dari Amerika Syarikat selama berpuluh-puluh tahun, tidak ada sebab mengapa Kerajaan Taiwan tidak boleh mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat seperti sekarang. Perlu juga diingatkan bahawa sewaktu membangun kekuatan tentera di Taiwan, beribu-ribu orang rakyatnya telah dihapuskan semata-mata kerana disyaki menjadi ejen-ejen komunis.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan kekayaan di dalam pertumbuhan ekonomi adalah sesuatu faktor utama untuk kesejahteraan rakyat jelata. Tidak ada faedahnya pertumbuhan ekonomi jika yang mengaut keuntungan besar ialah hanya golongan elit dan yang masih menderita pula ialah orang ramai

di kampung-kampung seperti di Thailand. Kalau perkapita negara Thailand diambil sebagai ukuran kekayaan maka mungkin ia menunjukkan pertumbuhan yang pesat mengatasi Malaysia walaupun Thailand sebenarnya membangun dengan pesat di tahun-tahun 60an dan 70an hasil daripada bantuan Amerika Syarikat. Jika dilihat dengan secara terperinci pengagihan kekayaan di negara tersebut tidak menguntungkan rakyat jelata.

Contohnya walaupun Thailand menjadi pengeluar beras terbesar di dunia, pendapatan petani-petani jauh lebih rendah daripada petani-petani di negara ini. Malahan kedudukan petani biasa di Thailand sentiasa terkongkong oleh orang-orang tengah yang menindas mereka. Di sebaliknya, yang kaya ialah golongan peniaga-peniaga beras atau taukeh-taukeh yang tinggal di ibu kota Bangkok. Kalau taukeh-taukeh tersebut mempunyai rumah dan bangunan-bangunan pejabat yang besar tersergam dengan segala kenikmatan hidup di Bangkok, petani-petani di luar bandar seperti di Province Chengrai, Ubon Ratchasima, Chantaburi, Nakon Si Thammarat dan Narathiwat yang bukan sahaja kais pagi makan pagi tetapi kadangkala terpaksa menjual anak-anak dara mereka kepada agen-agen rumah urut bagi menampung saraan keluarga sendiri. Begitu juga masalah penindasan pekerja yang dilakukan oleh setengah pihak pekilang di Thailand.

Kita sentiasa membaca rencana akhbar-akhbar termasuk akhbar-akhbar dari Bangkok yang melaporkan eksploitasi tenaga kanak-kanak di bawah umur 14 tahun oleh pengusaha-pengusaha semata-mata untuk mengaut keuntungan besar. Kalau pengagihan yang begini diagung-agungkan maka saya khuatir apa akan terjadi kepada negara kita sekiranya

pihak DAP memerintah. Kita jangan lupa bahawa seorang tokoh DAP telah cuba mengancam kesejahteraan pekerja-pekerja di negara ini apabila beliau berusaha mempengaruhi Kongress Amerika Syarikat untuk menarik balik Skim Keutamaan Khas atau GSP terhadap barangan keluaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus mengambil peringatan bahawa konflik sentiasa tercetus di mana-mana sahaja akibat ketidakadilan pengagihan kekayaan. Apakah lagi sekiranya kekayaan dan kemiskinan secara sengaja atau tidak sengaja wujud terbahagi mengikut bangsa atau suku kaum. Sebab itulah konflik berterusan di negara-negara seperti Afrika Selatan dan Namibia di mana golongan kulit putih yang memerintah memonopoli segala kekayaan dan golongan kulit hitam yang terpaksa menanggung segala penderitaan. Kalau dikaji dari segi perkapita ataupun KNK Afrika Selatan didapati bahawa negara tersebut adalah di antara yang terkaya di dunia tetapi segolongan terbesar rakyatnya tidak menikmati hasil kekayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak ingin melihat keadaan seperti di Fiji di mana penduduk ethnik menjadi bukan sahaja golongan yang miskin tetapi hampir hilang kekuasaan politik disebabkan keadaan ekonomi mereka yang begitu lemah. Kelemahan ini disebabkan oleh tidak wujudnya satu dasar atau perancangan pembangunan ekonomi hinggalah sampai ke tahap di mana penduduk-penduduk ethnik Fiji tertinggal jauh kebelakang berbanding dengan kaum pendatang di negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga agak terperanjat dengan saranan Ketua Pembangkang supaya pihak Kerajaan mencari jalan untuk memanggil balik bekas rakyat Malaysia yang telah bermastautin di negara-negara asing seperti Australia, Amerika Syarikat

dan Britain. Mungkin golongan yang telah bermastautin di negara-negara asing telah mengalami masalah-masalah seperti kebencian orang kulit putih terhadap mereka. Mungkin apa yang diharapkan di negara lain itu sebenarnya berupa fantasi belaka. Oleh itu mereka telah mula berasa kesal dan berhasrat hendak kembali ke negara asal iaitu pulang ke Malaysia dengan alasan bahawa perkhidmatan atau kepakaran mereka sangat diperlukan. Sayang sekali sikap seperti ini tidak boleh diterima oleh kita. Malahan jika ada lagi rakyat yang ingin meninggalkan negara ini semata-mata untuk kepentingan diri sendiri, mereka harus pergi dengan secepat mungkin. Masalah kehilangan tenaga mahir atau brain drain tidak berlaku dengan penghijrahan bekas rakyat Malaysia ke negara lain. Kalau kita tidak mencukupi sesuatu kepakaran maka rakyat di negara ini boleh dilatih untuk mengisinya. Badan-badan dunia sentiasa dapat membantu kita sekiranya kita terdesak sangat untuk mendapat satu kepakaran yang khusus. Begitu juga negara-negara yang mempunyai kepakaran seperti Soviet Union yang telah menawarkan latihan angkasawan dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyuarakan kebimbangan atas saranan Kerajaan untuk memperbanyakkan penduduk negara ini ke 70 juta orang. Kononnya matlamat pencapaian tersebut akan membebankan negara dan hanya mengekalkan kekuatan politik UMNO. Saya tidak setuju dengan saranan tersebut melainkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu menganggapkan setiap saranan Kerajaan sebagai muslihat politik. Kalau benar pencapaian 70 juta rakyat akan menguntungkan sesuatu parti politik maka saya ingin mencadangkan supaya pihak DAP menggesa penyokong-penyokong mereka untuk bekerja lebih kuat supaya penyokong

DAP dalam generasi masa depan akan melebihi penyokong-penyokong UMNO. Sebenarnya penambahan penduduk jika dirancang dengan cara teratur akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang sihat. Penduduk seramai 70 juta. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun, minta jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat dari Kota Setar menganggap kadar pertumbuhan kependudukan yang sesuai untuk dasar yang ditetapkan sekarang supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan dengan baik dan mutu atau qualiti kependudukan dapat dipertingkatkan seperti disarankan oleh Yang Berhormat tidak lama dahulu.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu minat sangat dengan pertumbuhan penduduk-penduduk 70 juta, maka saya rasa eloklah beliau berbincang dengan pihak Kerajaan berkenaan dengan paras pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Penduduk seramai 70 juta mempunyai potensi yang jauh lebih tinggi untuk membeli barangan yang dikeluarkan dalam negeri jika dibanding dengan 17 juta seperti sekarang. Ini bermakna sektor pembuatan kita akan mendapat pasaran dalaman yang lebih banyak dan dapat menampung kos pengeluaran. Kita tidak semestinya semata-mata bergantung kepada pasaran antarabangsa untuk barangan keluaran sendiri terutama barangan hasil industri kecil tempatan jika kita mempunyai pembeli dalaman atau domestic consumers yang mencukupi. Kita juga harus mengambil kira bahawa pasaran antarabangsa sentiasa

berubah mengikut dasar-dasar perlindungan negara-negara maju. Jadinya, apabila langkah-langkah perlindungan dipertingkatkan, keluaran barangan perindustrian akan tentu terjejas. Oleh itu option-option lain harus disediakan bagi mengatasi masalah sedemikian.

Penubuhan Pasaran Tunggal (Single Market) oleh Negara-negara anggota EC menunjukkan bahawa di antara faktor yang diambilkira ialah penambahan kuasa pembeli dalaman (domestic consumers) secara automatik daripada purata 30 juta penduduk setiap negara anggota ke 340 juta apabila semua sekatan fizikal dimansuhkan. Ini bermakna bahawa barangan dari negara-negara anggota EC mempunyai potensi untuk dijual kepada pembeli yang berlipatganda daripada apa yang ada sekarang. Malahan dengan penambahan bilangan pembeli, pengeluaran negara-negara anggota EC akan lebih terjamin dari segi pasaran dalamannya tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tokoh Pembangkang yang juga menjadi Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah mempertikaikan berkenaan dengan perangkaan berkenaan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB). Saya rasa pertikaian perangkaan tidak harus dibuat di Dewan yang mulia ini. Adalah lebih baik pihak Pembangkang memberikan perangkaan yang lebih tepat sekiranya mereka kluatir dengan apa yang diberikan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Janganlah pula pihak Pembangkang sengaja menolak angka-angka itu sebagai alasan untuk menolak kejayaan atau kelemahan DEB ataupun janganlah pula pihak Pembangkang membuat andaian sendiri tentang perangkaan sebenar seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mendakwa bahawa pelajar-pelajar bumiputera merupakan bilangan

terbesar yang menuntut di universiti-universiti luar negeri.

Tahukah Ahli dari Kepong itu bahawa walaupun Kerajaan telah berusaha memberi biasiswa membantu pelajar-pelajar bumiputera, bilangan mereka di luar negeri masih belum sampai ke tahap satu-perempat daripada jumlah bukan bumiputera? Saya kluatir kalau-kalau bantuan dan biasiswa tidak diteruskan untuk menampung perbelanjaan pendidikan pelajar-pelajar bumiputera maka hanya segelintir sahaja bumiputera yang akan mampu menuntut di universiti-universiti seberang laut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Kepong bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Kalau begitu bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, fikirkan dengan lebih mendalam sama ada kita perlu mengumumkan data-data atau maklumat yang tepat supaya kita dapat tahu apa yang dibuat oleh Kerajaan, kemudian kita boleh merumus dan memperbaiki ketidakseimbangan itu. Kalau kita tidak tahu maklumat yang sebenar, bagaimanakah kita hendak teruskan dengan usaha untuk memperbaiki ketidakseimbangan? Itu saranan saya tetapi tidak dijawab, dia cuma hendak buat point-point untuk propaganda sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebagai Ahli MPEN, saya percaya beliau telah pun dibekalkan dengan data-data tertentu dan kalau beliau sendiri mengatakan bahawa beliau tidak setuju dengan data-data tersebut, maka ini bukanlah masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain DEB telah menambah bilangan pelajar-pelajar bumiputera ke institusi-institusi pendidikan tinggi di luar negeri, tetapi pencapaian ini masih belum mencukupi dan tentu sekali masih tidak seimbang dengan pencapaian pelajar-pelajar bukan bumiputera. Oleh itu, jika keadilan yang dituntut, maka sudah tentu keseimbangan dari segi jumlah pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di institusi-institusi pengajian tinggi hendaklah diberi tekanan yang sewajarnya, bukan semata-mata dengan cakap politik untuk mendapat sedikit populariti dari pengundi-pengundi yang agak keliru dengan kenyataan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ini di ambang program perindustrian secara bersungguh-sungguh malahan RML menuju ke matlamat tersebut. Segala infrastruktur dan galakan telah dibuat ke arah matlamat tersebut. Mungkin dalam masa 5-10 tahun lagi sektor pembuatan akan menjadi bahan utama pengeksporan negara ini.

Mungkin pula Kerajaan harus memberi perhatian yang lebih teliti terhadap perkembangan penubuhan Pasaran Tunggal Eropah (EC Single Market). Penubuhan Pasaran Tunggal ini akan membangkitkan banyak implikasi terhadap pasaran barangan dari luar Eropah selepas tahun 1992. Kalau sekarang ini import ke negara-negara EC hanya mengambil kira tarif dan syarat-syarat negara pengimport secara individu, perkara ini akan pasti berubah apabila tertubuhnya Pasar Tunggal EC. Tarif-tarif dan syarat-syarat baru akan dikuatkuasakan oleh EC terhadap semua barangan import. Kemungkinan tarif-tarif dan syarat-syarat baru ini akan lebih merumitkan import barangan dari Malaysia dan

akan menjejaskan sektor pembuatan kita. Ini termasuk pembuatan kereta Malaysia, Proton Saga yang sedang menembusi pasaran di Britain. Masalah seperti kuota dan komponan tempatan akan dikenakan terhadap import kereta-kereta luar demi menjaga kepentingan syarikat pembuat kereta Peranchis dan Itali yang menjadi anggota EC.

Begitu juga soal bahan mentah yang pada masa ini dibeli dari luar EC termasuk negara-negara ASEAN. Dengan peraturan-peraturan baru besar kemungkinan pembuat-pembuat dari EC akan disyaratkan membeli dari sumber-sumber tempatan melainkan bahan tersebut tidak wujud. Masalah juga akan timbul dalam soal pelaburan asing di negara itu. Oleh kerana EC akan mengutamakan kepentingan negara-negara anggotanya, maka kemungkinan pelaburan dari negara-negara maju dalam EC akan diubah salurannya daripada negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia ke negara-negara Eropah sendiri seperti Sepanyol, Portugal dan Greece.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan bahawa pihak Kementerian membuat kajian yang menyeluruh dalam hal ini dan saya menyokong Kajian Separuh Penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.18 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di atas perbahasan mengenai dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima telah berjalan hampir ke hujungnya, suatu perjalanan yang panjang yang menjanjikan sesuatu perubahan besar kepada negara; perjalanan yang menjanjikan untuk menyapu daki-daki kemiskinan di halaman penghidupan rakyat, perjalanan yang menjanjikan kesegaran, kejernihan, keindahan dan kenikmatan hidup kepada semua lapisan rakyat, perjalanan yang menjanjikan untuk menempa kedamaian, keharmonian dan kesefahaman kepada semua kaum.

Semuanya indah dan menarik. Lekok mahu diratakan, lurah mahu ditimbuni, bukit mahu diparas. Satu cita-cita besar yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, cita-cita yang tidak disertakan dengan arah yang betul, hasrat yang tidak diikuti dengan matlamat sebenarnya akhirnya cita-cita itu menjadi impian. Inilah nasib menimpa Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui kegagalan Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru tetapi berlindung di sebalik kejatuhan ekonomi dunia. Kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menuding ke arah rakyat kononnya kegagalan itu berpunca dari ketidakstabilan politik dan bukan kerana kepimpinannya.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah besar Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kelima sebenarnya tenggelam di celah slogan yang indah-indah tetapi pahit kepada rakyat. Dasar penswastan, dasar pertanian, dasar perindustrian dan Dasar Pandang ke Timur adalah senjata-senjata negatif nukilan kepimpinan yang ada pada hari ini yang memenggalan Dasar Ekonomi Baru.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan hari ini adalah mereka yang bertanggungjawab membunuh Dasar Ekonomi Baru, falsafah besar ekonomi negara itu akhirnya di mana projek-projek besar dijadikan ketutamaannya manakala rakyat terhimpit dengan kemiskinan di luar bandar.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru menghapuskan kemiskinan tersimpang jauh dari kejayaan. Apa yang jelas kemiskinan terus menghantui fikiran rakyat biar pun dalam Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima mengatakan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia dapat dikurangkan kepada 17% pada tahun 1987 berbanding 49% pada tahun 1970 tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melihat lebih jauh. Beliau perlu mengakui bahawa etnik Melayu merupakan golongan termiskin, yang besar di negara ini. Pada tahun 1987 kadar kemiskinan kaum Melayu ialah 24%, Cina 17% dan India 10%. Realiti penghidupan rakyat lebih teruk dari apa yang digambarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan penghidupan rakyat semakin selesa setelah ekonomi negara pulih. Apa yang nyata dari istilah pemulihan ekonomi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ialah kepayahan rakyat menghadapi kenaikan harga barang di samping itu tersepit pula kejatuhan nilai ringgit negara dan kesusahan rakyat mendapat pekerjaan.

Kita bersyukur dengan penurunan kadar kemiskinan negara. Soalnya adakah garis kemiskinan yang digunakan sekarang sama dengan yang digunakan pada tahun 1970. Keadaan ini juga akan menentukan kedudukan sebenar rakyat. Kadar 17% pada tahun 1987 itu merupakan kira-kira 2.89 juta rakyat dilanda kemiskinan di mana 24% kaum Melayu mewakili kira-kira 700,000 orang. Tentulah

jurang antara kaum sukar untuk diatasi mengikut Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Anggaran bahagian paling tinggi dimiliki oleh bumiputera di segi penyusunan semula hak milik sektor syarikat menjelang tahun 1990 hanya 20% berbanding 56% bagi bukan bumiputera dan 24% bagi pemastautin luar. Pencapaian 20% bagi bumiputera itu tidak menggambarkan penglibatan bumiputera seluruhnya. Ketidakseimbangan agihan pendapatan bumiputera sangat jelas oleh itu angka sahaja tidaklah tepat. Sebenarnya agihan kekayaan sama ada saham ataupun kekayaan hanya melibatkan segelintir yang kecil. Pelaburan di dalam Amanah Saham Nasional dapat dijadikan ukuran tentang ketidakseimbangan itu, biarpun 45% dari bumiputera yang dewasa memiliki saham Amanah Saham Nasional itu tetapi 1.3% dari penyimpan itu menguasai 75% dari keseluruhan jumlah saham tersebut.

Dalam Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima menyebut pertumbuhan keluaran bagi sektor pembuatan dijangka meningkat pada kadar 12.2% bagi tempoh 1989 sehingga 1990 dan sumbangannya kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) dijangka meningkat daripada 24.4% pada tahun 1988 kepada 26.8% pada tahun 1990. Gunatenaga pula meningkat pada kadar 6.9% setahun daripada \$1,013 ribu pada tahun 1988 kepada \$1,157 ribu pada tahun 1990. Dan sumbangan sektor pembuatan kepada jumlah gunatenaga dijangka meningkat pada kadar 17.3% kepada 217.8%. Peningkatan gunatenaga dan pertumbuhan sektor pembuatan itu harus dilihat dalam aspek yang lebih luas. Ianya mempunyai kaitan dengan dasar perindustrian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana diutamakan kepada pengeksportan. Dasar perindustrian itu telah memberi perhatian yang utama kepada golongan tertentu kaum kapitalis.

Undang-undang Buruh yang telah diketatkan terus diperketatkan. Tekanan kepada buruh dan layanan istimewa kepada golongan tertentu kapitalis adalah manifestasi kepada sikap dan dasar Kerajaan hari ini dalam hal perindustrian. Serangan-serangan kepada kesatuan sekerja seperti MTUC dan memberi sokongan kepada puak memecah kesatuan sekerja jelas menunjukkan usaha melemahkan kaum pekerja untuk menuntut hak mereka secara berkesan.

Kesan dari segi kejatuhan nilai ringgit turut menguntungkan pelabur asing di mana mereka dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka. Dengan bantuan Kerajaan melalui Undang-undang Buruh yang menekan itu pelabur asing dapat menggunakan tenaga buruh di negara ini dengan bayaran yang lebih murah. Dijangkakan pelaburan-pelaburan asing dapat mengurangkan pendapatan benar rakyat negara ini yang bekerja sebanyak 25%. Barangkali atas sebab-sebab inilah pendapatan purata sektor bandar merosot 2.3% di mana pendapatan purata bandar meningkat dengan nisbah pendapatan purata daripada 54% pada tahun 1984 kepada 58% pada tahun 1987.

Sebenarnya peningkatan pendapatan purata di luar bandar itu sendiri tidak dapat menggambarkan peningkatan hidup etnik Melayu. Ini jelas di mana pendapatan purata sebenar kaum Cina ialah \$1,012 iaitu 65% lebih tinggi daripada bumiputera. Perbezaan ini menunjukkan kegagalan penyusunan semula masyarakat.

Langkah Kerajaan mengurangkan peruntukan pembangunan sebanyak 30% bagi tempoh 1986 dan 1987 telah menjejaskan sektor pertanian. FELDA misalnya hanya mampu mencapai 59.9% daripada matlamat yang ditetapkan dalam Rancangan

Malaysia Kelima. Keseluruhan tanah yang dimajukan ialah 133,000 hektar yang melibatkan FELDA, RISDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah di mana jumlah itu lebih kecil daripada matlamat FELDA iaitu 175,000 hektar.

Kalau dilihat secara lebih terperinci bahawa Dasar Pertanian Negara yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah pertanian diusahakan secara lebih kapitalistik untuk pasaran. Sebab itu pembangunan pertanian buat rakyat menemui kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari kepimpinan yang tidak mementingkan rakyat ialah akhirnya matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai. Kegagalan ini bukanlah kerana kemerosotan ekonomi dunia tetapi lebih dipengaruhi oleh sifat boros kepimpinan hari ini. Sebenarnya falsafah Dasar Ekonomi Baru telah hancur dan bernanah akibat keutamaan dan pelaksanaan menuju ke arah yang tidak menepati dasar atau matlamat Dasar Ekonomi Baru yang digubal sebelum ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menukar Dasar Ekonomi Baru kepada "Dasar Ekonomi Boros". Rakyat dapat melihat pemborosan dalam membelanjakan wang negara. Rakyat dapat melihat falsafah iaitu "biar papa asalkan bergaya." Kesan dari falsafah dan sikap itulah akhirnya pengangguran siswazah semakin teruk. Kemiskinan rakyat dan pendapatan benar mereka rendah serta hutang negara semakin buruk.

Mengikut Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima kadar pengangguran dapat dikurangkan daripada 8.3% pada 1986 kepada 8.1% pada tahun 1988 iaitu sebagai kesan permintaan buruh pada kadar 2.6% setahun dan kadar penurunan

3.1% setahun dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun pengangguran masih terdapat seramai 534.700 orang barangkali angka sebenarnya lebih besar. Ada pemimpin-pemimpin menyelar mereka kononnya memilih pekerjaan. Apa yang jelas, Kerajaan gagal menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka sebagai kesan kegagalan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kelima. Begitu juga kita dapati lebih 60,000 siswazah menganggur pada masa ini, satu fenomena yang sangat luar biasa dan menuju kepada hala tuju yang bahaya kepada negara kita.

Kegagalan siswazah-siswazah ini mendapat pekerjaan terutama ethnik Melayu adalah juga hasrat Allahyarham Tun Abdul Razak semasa melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang mahukan lepasan-lepasan universiti mendapat pekerjaan yang baik di mana secara tidak langsung dapat membantu keluarga-keluarga di kampung-kampung. Penyimpangan dari tujuan Dasar Ekonomi Baru ini sebagai manifestasi kegagalan falsafah ekonomi dan dasar-dasar kepimpinan hari ini. Dasar Pandang Ke Timur yang mana akhirnya lebih \$6 billion kontrak Kerajaan diperolehi oleh syarikat Jepun dan Korea Selatan. Lihat *Star*, 27hb Mac, 1988—Nighmare For Local Builders, dengan izin, dan *Far Eastern Economic Review*, 14hb Jun, 1984—Seoul Bridge, dengan izin.

Skandal-skandal dalam pemberian kontrak itu akhirnya merugikan wang rakyat. Bukan sahaja \$6 billion mengalir keluar tetapi rakyat terpaksa menanggung hutang. Oleh kerana haluan kepada Dasar Ekonomi Boros, maka rakyat melihat dengan pedih beberapa projek yang dijalankan oleh Kerajaan. Projek Dayabumi, Jambatan Pulau Pinang, Lebuh raya Utara/Selatan, Perwaja, Lebuh raya menghubungi Genting Highlands, Fraser's Hill dan Cameron Highlands dan lain-lain sebagai contoh.

Hari ini kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya bahawa Kerajaan akan tetap melaksanakan projek Lebuhraya di antara Fraser's Hill dan Genting Highlands yang menelan belanja sebanyak \$600 juta dengan memberi alasan bahawasanya projek tersebut perlu dijalankan untuk kepentingan pelancong-pelancong dan membuka kawasan-kawasan baru. Bukankah \$600 juta ini satu peruntukan yang besar? Apakah \$600 juta itu wajar dibelanjakan dalam keadaan ekonomi masih belum pulih sebenarnya. \$600 juta itu apakah lebih baik kalau digunakan untuk menyediakan pekerjaan-pekerjaan untuk siswazah-siswazah yang menganggur dengan mengemukakan skim-skim kemudahan yang lebih concrete, yang lebih berkesan. Apakah tidak baik \$600 juta itu digunakan untuk memperbaiki infrastruktur di luar-luar bandar yang memerlukan pembinaan untuk kepentingan rakyat. Bukan baik \$600 juta itu diperuntukkan kepada projek-projek kecil seperti memperhebatkan projek-projek industri kampung. Apakah rasionalnya yang bersungguh-sungguh dan beria sangat Kerajaan melaksanakan projek \$600 juta itu.

Kita tahu projek itu menghubungi Fraser's Hill dan Genting Highlands dan Genting Highlands itu adalah pusat perjudian, pusat yang kita lihat sebagai satu pusat perkembangan budaya judi yang sudah pun diluluskan lesen-lesen sebelum ini bagi menambahkan judi-judi yang sedia ada sebelum ini. Yang kita perbahaskan, yang kita harapkan yang menjadi aspirasi rakyat ialah untuk melihat satu suasana wujud dari segi ekonomik produktiviti iaitu peluang-peluang pekerjaan, bukannya projek-projek yang boleh menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja.

Saya percaya, projek ini kalau dijalankan juga nanti timbul pula

skandal baru dari segi siapakah yang akan mendapat kontrak dan siapakah yang akan mendapat faedah daripada projek tersebut. Kalau pun projek itu hendak dilaksanakan juga kenapa projek itu tidak dijalankan secara penswastaan, penswastaan 100% yang dibiayai oleh pihak swasta, bukan penswastaan seperti ala Lebuhraya Utara/Selatan di mana akhirnya Kerajaan meminjam wang kepada pihak yang menjalankan projek tersebut. Saya menyanan di sini, Tuan Yang di-Pertua, secara tegas bagi mewakili rakyat saya di kawasan Pasir Mas, iaitu sekali lagi menggesa dengan tegas supaya projek Lebuhraya untuk Fraser's Hill ke Genting Highlands ini dibatalkan buat sementara waktu. Ia harus difikirkan semula sesudah Dasar Ekonomi Baru dapat kita capai dengan sebaiknya, sesudah kemiskinan rakyat di luar bandar dapat kita bela dengan berkesan, maka bolehlah kita memikirkan projek-projek besar. Sudah cukup projek-projek yang kita lihat selama ini apabila ditanya di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, segala-galanya akan untung jangka panjang, segala-galanya akan diberi jawapan, insya Allah akan untung jangka panjang, Perwaja akan untung jangka panjang, Proton Saga akan untung jangka panjang, segala-galanya untung jangka panjang.

Memang kita terima hakikat bahawasanya kesan daripada ke-melesetan ekonomi dunia menyebabkan keadaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru menempuh kesulitan. Kita terima hakikat itu tetapi kita harus terima juga bahawasanya pemberian projek-projek mewah dan besar inilah yang membunuh Dasar Ekonomi Baru. Sebab itu pada anggapan saya, Dasar Ekonomi Baru ini makin penghujungnya kalau kita lihat ianya sebenarnya sudah mati dan ada lagi orang hendak membunuh untuknya mati kali yang kedua. Sebab itu kita

lihat dalam perbincangan Majlis Perundingan Ekonomi Negara melalui akhbar-akhbar yang kita baca, ada pihak-pihak sekarang ini cuba bercakap soal Dasar Ekonomi Negara, soal Dasar Ekonomi Samarata dengan melupakan bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru yang lahir di atas titisan rakyat akibat daripada 13hb Mei, 1969 yang harus diingati suatu titik sejarah yang tidak boleh dilupakan oleh rakyat negara ini. Kita mahu seluruh kaum di negara ini hidup aman bahagia, kita mahu seluruh rakyat negara ini mempunyai hak bahagian masing-masing tetapi malangnya kegagalan Dasar Ekonomi Baru ini adalah kerana penyimpangan pihak-pihak tertentu dalam melaksanakan matlamat Kepimpinan ke arah Dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbeza falsafah, "Biar papa asalkan bergaya", yang telah dijalankan ini telah memperuntukkan pula \$4.4 bilion untuk membeli Tornado dan Kapalselam—pembesaran Angkatan Tentera di luar keperluan negara. Ini satu lagi di mana segala hasil nanti terpaksa dicagar untuk membayar kontrak \$4.4 bilion ini untuk keperluan tentera iaitu membeli Tornado dan Kapalselam. Kita tidak tahu berapa lamakah kita terpaksa membayar kontrak ini nanti, hasil daripada titikpeluh rakyat dan apakah setimpal rakyat dibalas dengan lebih kurang \$300 juta lebih untuk projek membasmi kemiskinan luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar? Ini satu soalan yang harus dijawab dari segi keutamaannya.

Kita kemukakan pandangan ini dengan penuh ikhlas, bukan bercadang untuk menyerang kepimpinan hari ini semata-mata tetapi kewajiban kita untuk memperkatakan yang benar itu tetap benar, kita tidak boleh lagi berselindung di sebalik telunjuk di siang hari. Rakyat semakin sehari semakin sedar, rakyat

semakin sehari semakin insaf, sebab itu satu pengajaran yang paling nyata ialah pilihanraya di Teluk Pasu. Jarang kita lihat pilihanraya kecil Parti Pembangkang boleh menang dalam pilihanraya di Teluk Pasu. Memang sekali Parti Pembangkang ataupun wakil luar daripada Kerajaan menang di Johor Bahru tetapi dalam pilihanraya kecil di peringkat Dewan Undangan Negeri dengan menggunakan segala kekuatan, projek, peruntukan dan tekanan dan sebagainya, akhirnya pihak Parti Pembangkang menang. Manifestasi yang jelas itu ialah bahawa rakyat luar bandar sekarang ini sudah mula bangkit dan menunjukkan sikap berdikari mereka walaupun berbagai-bagai projek telah diberi. Inilah amaran kepada kepimpinan yang ada pada hari ini bahawa rakyat tidak boleh selama-lamanya digula-gulakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu pembelian kontrak \$4.3 bilion yang menjadi isu kontroversi sehingga kepada peringkat antarabangsa sesudah disiarkan oleh akhbar *Observer* yang akhirnya mendedahkan kononnya ada pemberian komisyen kepada UMNO Baru dan juga kepada golongan-golongan tertentu di mana saya berpendapat kewajiban Kerajaan membersihkan imej negara ini, imej rakyat negara ini dengan mengambil tindakan seperti mana cabaran pihak *Observer* sendiri supaya Kerajaan menyaman mereka ini di mahkamah secara terbuka bagi membuktikan bahawa tuduhan tersebut tidak benar.

Perkara yang kedua ialah bukan sahaja \$4.3 bilion ini terlibat tetapi sudah barang tentu kos penyelenggaraannya, kos "spare"nya dan berkaitannya sudah barang tentu akan melibat banyak ratus juta atau ribu juta ringgit lagi. Manakala kita banding dengan peruntukan yang diberi kepada luar bandar jauh daripada setimpal. Kita membesarkan Dasar Pertanian Negara, kita

membesarkan subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat, kita rasa bangga dengan subsidi baja dan sebagainya, tetapi sedarkah tidak kejayaan negara Thailand ataupun kita lihat kejayaan negara-negara Barat dalam bidang pertanian mereka memberi bantuan subsidi 100% malah lebih daripada itu bagi menjayakan Dasar Pertanian Negara, bukan setakat baja ataupun kupon subsidi padi semata-mata

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua, sudah hendak tutup.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kesan daripada pemborosan ini, Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan negara menanggung hutang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kegagalan Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru dalam mencapai matlamatnya maka pucuk pimpinan tidak ada pilihan melainkan membaiki kesemua kesilapan yang lepas. Sikap boros dan pembaziran mestilah dihentikan segera. Perjalanan dan falsafah awal Dasar Ekonomi Baru semasa Allahyarham Tun Abdul Razak mestilah dikembalikan. Penyelewengan-penyelewengan dasar yang akhirnya menguntungkan golongan kapitalis tertentu dalam dan luar negeri, golongan-golongan birokrat dan tokoh-tokoh politik mestilah dihapuskan. Pandangan positif dan kritik membina dari rakyat mestilah diterima dengan dada yang terbuka oleh pucuk pimpinan. Insyallah, kalau inilah dijadikan

dasar kepimpinannya, kita percaya suasana kemiskinan rakyat yang menghantui rakyat di luar bandar ataupun di bandar akan dapat dihapuskan sedikit demi sedikit. Kalau tidak, saya percaya berapa lama pun kita bercakap soal Dasar Ekonomi Baru, orang-orang Melayu khususnya di luar bandar akan terus hidup dalam linangan air mata di sebuah negara yang merdeka ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang.

4.51 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada aspek terpenting yang dilaporkan dalam Kajian Separuh Penggal ialah mengenai dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Menurut kajian yang dibentangkan iaitu kemelesetan ekonomi dan pertumbuhannya ternyata pada tahun 1985 dan juga 1986 menyebabkan Dasar Ekonomi Baru ini tidak tercapai dan Dato' Seri Dr Mahathir membentangkan secara keseluruhannya bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru ini mungkin tidak akan tercapai kalau sekiranya usaha-usaha tidak dilaksanakan sekarang.

Sebagai contoh, Perdana Menteri ada menyebut menjelang 1990, peratusan milik Bumiputera dalam sektor korporat dijangka hanya mencapai paras kira-kira 20% dan tidak sekurang-kurangnya 30% seperti yang telah ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru. Justeru itu, MPEN, saya kira perlu memikirkkan semasak-masaknya langkah-langkah yang perlu dibuat mulai daripada sekarang. Saya kira suatu langkah itu perlulah ada pengubahsuaian yang sesuai dengan kehendak serta tuntutan semasa. Dalam soal ini, apabila kita menyedari bahawa sektor korporat tidak dapat

mencapai matlamatnya maka saya mempunyai pandangan, beberapa syor perlu dibuat mulai daripada sekarang.

Pertamanya, Kerajaan seharusnya menggalakkan pertumbuhan sektor awam firma-firma tempatan perlulah diwujudkan dengan sebebaskan mungkin. Satu hal yang menyedihkan saya apabila kita bercakap untuk mewujudkan satu bentuk firma tempatan, kita tidak nampak golongan bawahan memainkan peranan ataupun diberikan peranan yang lebih jelas. Yang ternyata pada kita iaitu wujudnya segolongan elit-elit dalam berbagai bidang, sama ada dari golongan bangsawan, elit dari segi politik, elit dari segi agama, elit dari segi badan-badan yang lain mengambil tempat yang begitu nyata yang kita anggap mempunyai peranan serta hubungan yang kukuh dengan pihak pemegang-pemegang amanah dari segi Dasar Ekonomi Baru.

Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya firma-firma tempatan ini bukan seharusnya digalakkan kepada pertumbuhan elit-elit yang tertentu sahaja tetapi seharusnya menjalar meneruskan ke akar umbi ke pihak-pihak yang bawah.

Kedua, saya mengesyorkan supaya pengenalan barang-barang Malaysia sepatutnya lebih luas digalakkan bukan sahaja di negeri-negeri tertentu tetapi juga di seluruh pelusuk dunia ini. Hari ini dagangan Malaysia lebih banyak berkisar di negara-negara tertentu sahaja. Yang terutama jelas jualan iaitu di negara Amerika Syarikat, di Eropah dan juga di Jepun. Walhal apa terjadi kepada negara-negara di sebelah Amerika Selatan, di Afrika, di Timur Tengah dan juga di negara-negara Selatan Pasifik. Saya kira pengenalan barangan Malaysia tidak kurang mutunya. Barangan-barang Malaysia tinggi buaatannya tetapi hasil daripada sebaran maklumat yang tidak begitu kemas kini yang hanya

menjurus kepada negara-negara yang telah membangun dan gergasi-gergasi besar ini, pengenalan barang-barang Malaysia adalah agak terhad. Ini perlu dikaji balik.

Yang ketiga, saya syorkan supaya persaingan yang lebih sihat diwujudkan. Bila kita katakan persaingan yang lebih sihat diwujudkan, kita minta persaingan itu dapat ditumpukan dengan pihak asing sesama sendiri dan bila saya mengatakan sesama sendiri, suka saya mengesyorkan supaya konsep perlindungan payong tidak terus dikekalkan sebegitu lama. Ada syarikat-syarikat Bumiputera yang dikhususkan kepada syarikat itu sahaja. Satu syarikat sebagai contohnya, Syarikat Norshan. Dalam segi membuat pukut kepada nelayan-nelayan, Norshanlah, tidak ada yang lain sehinggakan Persatuan Nelayan Kebangsaan, sehinggakan Persatuan Nelayan yang digelar NIKMAT yang menguasai kira-kira 110,000 ahli-ahli nelayan. Sudah beberapa kali minta permit untuk mengadakan pukut ini, gagal, gagal, gagal, sehinggakan tidak ada satu hujah yang concrete yang tidak dapat terima untuk membolehkan nelayan-nelayan ini mengambil persaingan yang sihat.

Satu lagi yang saya nampak jelas iaitu apabila pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menggalakkan firma-firma pelabur-pelabur asing datang menanam modal juga merebut peluang-peluang yang ada, kita lihat satu kecacatan yang paling nyata iaitu firma-firma tempatan tidak lebih menjadi tumpang tenggek sahaja ataupun kumpulan serpihan, lebih teruk dari Kumpulan Serpihan 46 ini yang mana mereka ini sentiasa terkemudian.

Saya melihat satu trend, satu suasana iaitu sekadar untuk mengisi kuota sahaja. Kalau kita jempuit

pelabur Perancis ataupun pelabur Amerika, pelabur Britain, Korea mahupun Jepun untuk datang berdagang membuka firma, membuka perusahaan di Malaysia ini, mereka datang dengan senyum hati, dengan besar hati mengalu-alukan kehadiran, mengalu-alukan pelawaan daripada Malaysia kerana mereka mendapat taraf perintis, mendapat harga tanah yang murah, mendapat buruh yang murah dan dikenakan satu syarat iaitu diadakan usahasama dengan anak-anak Malaysia, anak-anak tempatan, tetapi daripada pernyataan MIDA yang kita kutip/ambil pada tahun 1978 menjelaskan bahawa anak-anak tempatan ini sering tertinggal di belakang. Ternyata dalam 4 bidang, Pertama simin, tertinggal di belakang. Getah tinggal di belakang. Kelapa sawit, minyak kelapa sawit tertinggal di belakang. Satu lagi dalam bahagian pembangunan tertinggal di belakang. Empat-empat bidang ini yang kita cari, yang kita minta orang lain supaya datang ke sini, untuk meninggikan teknologi, meninggikan cara pembuatannya, ternyata usaha-usaha daripada kita tidak lebih daripada tumpang tenggek.

Saya tidak menyalahkan kontraktor-kontraktor tempatan tetapi saya mengesyorkan supaya satu cara, satu kaedah patut dikenalkan atau dibuat mulai daripada sekarang. Begitu juga, saya melihat bahawa kita di Malaysia masih sangat bergantung kepada bahan-bahan mentah untuk dieksport. Ini telah saya bercakap berulang-ulang lagi, berbuih-buih. Saya minta pemberita tuliskan sedikit yang ini. Bukan kerana saya hendak bercakap sangat tetapi benda ini penting iaitu sejak sekian lama, sejak zaman penjajah dahulu, kita masih tetap lagi bergantung kepada bahan-bahan mentah untuk dieksport. Kita tidak mempunyai satu cara yang kuat yang kemaskini untuk menjadikan bahan-bahan mentah itu sebagai barangan-barangan siap. Sebagai

contoh, getah kita eksport begitu sahaja. Tidak adalah kita hendak tukar jadi kasutkah, tidak adalah kita hendak tukar jadi baju hujan ataupun peluru getah. Kalau adapun sedikit-sedikit sahaja. Jadi kita rasa dukacita apabila kita terlalu menekankan soal barangan mentah untuk dieksport, saya kira kalau gunung emas sekalipun, kalau dicangkul hari-hari, diambil mentah-mentah begitu dia akan habis.

Begitu juga kalau kita lihat minyak kelapa sawit, bukan tidak boleh ditukarkan daripada menjadi minyak, menjadi lilin, menjadi alat basuhan, menjadi minyak wangi, bukan tak boleh, tetapi tidak ada usaha ke arah ini secara sungguh-sungguh. Begitu juga kalau kita lihat tin ataupun bijih pun begitu juga. Begitu juga kalau kita lihat barangan-barangan lain.

Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun, negara Korea, Singapura bukanlah negara kaya sangat, dia bukan ada bahan-bahan mentah. Mana ada minyak di Korea, di Jepun, di Singapura—tidak ada, tetapi kerana dia pandai, dia ambil barang-barang daripada Malaysia dalam konsep perdagangan bebasnya (entrepot), maka dia sempat tukar barang-barang ini menjadi barangan-barangan siap. Orang Malaysia ini bukanlah bodoh sangat, bukanlah tak erti sangat, kalau dia boleh buat Proton Saga, kalau dia boleh mewujudkan industri-industri berat, kalau boleh mewujudkan PERWAJA, kalau boleh mewujudkan HICOM, kenapa tidak bolehkah ditukarkan barangan-barangan utama, bahan-bahan komoditi utama ini sebagai barangan-barangan siap. Tetapi ianya tidak menjadi kerana usaha-usaha kita terlalu slow, terlalu sedikit, penekanan tidak dibuat secara serius. Pihak-pihak yang bertanggungjawab hanya sekadar mengesyorkan sahaja, hanya memberikan formula termasuk dalam apa

juga rancangan—formula, formula, formula, tetapi dari segi pelaksanaannya, dari segi kesungguhannya, kita tidak nampak jelas ke arah ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, sudah sampai masa dan ketika Malaysia yang kaya-raya dengan bahan-bahan mentah, bercakap dari segi minyak—minyak ada; dari segi emas—emas ada; bahan tani pun ada, bahan ternak pun ada—perlulah ditukarkan barangan-barangan ini menjadi barangan siap. Dengan adanya barangan-barangan siap ini, ia meningkatkan teknologi, memberikan peluang-peluang pekerjaan, menjimatkan pertukaran wang asing, memperkukuhkan ekonomi negara. Di samping itu juga akan menjelaskan kepada kita bahawa negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara-negara luar. Apa akan terjadi kalau barang-barang ini tidak ada, barang-barang ini sudah habis, maka akan merana dan papalah negara ini sendiri. Sebab itulah dalam soal Dasar Ekonomi Baru, perkara ini perlulah ditekankan dan dimulakan daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak perkatkan iaitu mengenai dengan ketidakseimbangan antara bumiputera dan bukan bumiputera dalam profesion ikhtisas yang masih amat ketara. Menyentuh tentang bidang ikhtisas ini, ternyata nisbah ataupun ratio antara bumiputera dengan bukan bumiputera jauh iaitu 1:3, malah ini amat jauh berbeza daripada komposisi penduduk negara ini mengikut kumpulan etnic. Menurut kajian itu, pada tahun 1988 daripada 34,196 penduduk Malaysia yang menganggotai 8 kumpulan ikhtisas iaitu arkitek, akauntan, jurutera, doktor pergigian, doktor, doktor veterinar, juruukur dan peguam; hanya 8,571 orang sahaja ialah

bumiputera. Ini berbanding dengan 19,985 Cina dan 8,782 India. Jumlah profesional dalam 8 kumpulan itu pada tahun 1985 ialah 28,444 dan daripada jumlah ini 6,318 orang sahaja bumiputera; 17,407 Cina dan 3,946 India. Jelasnya bumiputera begitu ketinggalan dalam bidang segala-galanya, dalam kelapan-lapan bidang yang utama. Bumiputera jauh ketinggalan dalam profesion akauntan. Daripada seramai 4,980 akauntan di negara ini pada tahun 1988, bumiputera hanya 514 orang berbanding dengan 4,079 orang Cina. Bagi profesion jurutera yang meliputi sektor swasta di Semenanjung sahaja, angka bagi Cina ialah 10,512 orang berbanding 4,895 orang adalah bumiputera. Hanya dalam profesion doktor veterinar sahaja bilangan bumiputera melebihi Cina iaitu 206 orang berbanding dengan 145 orang. Tetapi jika diambil kira bilangan doktor veterinar keturunan India seramai 219; jumlah bukan bumiputera dalam profesion ini masih jauh melebihi bumiputera. Hakikatnya ialah bumiputera masih jauh ketinggalan dalam bidang profesion ikhtisas. Sebelum bumiputera terus ketinggalan dalam bidang ini, usaha-usaha lebih berkesan perlu dilaksanakan bagi mengatasinya.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya, pertama, banyak dan luaskan lagi pengambilan bumiputera. Saya telah dengar suara-suara sumbang dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) supaya dasar ini diberhentikan dengan segera. Soal “sama rata sama rasa” perlu dikembangkan. Nada sinis ini bukan sahaja sumbang tetapi saya kira semacam nada komunis.

Saya mengesyorkan supaya diluaskan skop dan jaringan pengambilan ini kerana kita menyedari walaupun wujudnya pertambahan golongan-golongan profesional, ikhtisas di kalangan bumiputera

bertambah tetapi pertambahan bukan bumiputera ternyata lebih jauh. Saya bukan dengki dalam soal ini, bukan juga khianat, tetapi saya ingin menyatakan bahawa walaupun Dasar Ekonomi Baru itu telah diperjuangkan lebih daripada 20 tahun tetapi kalaulah ini perangkaan yang ada, inilah nisbah yang tercatat—antara 1 dengan 3—ternyata bahawa Dasar ini juga tidak berjaya. Sebab itulah kita tidak usah takut, tidak usah merasa bimbang, tidak usah merasa gentar dan khuatir, selagi hasrat dan dasar itu tidak kita capai sekurang-kurangnya 30%, maka saiz pembesaran pengambilannya dengan pembukaan ruang-ruang universiti, ruang-ruang pengajian, ruang-ruang institusi perlu diperbanyakkan. Apabila ini mahu dilaksanakan, apabila ini mahu dibuat, maka perlulah peruntukan-peruntukan yang besar patut diberikan ke arah ini, patut diperbanyakkan.

Saya melihat peruntukan yang ada dalam Dasar Ekonomi Baru itu adalah besar tetapi peruntukan ke arah meningkatkan golongan bumiputera ke bidang profesion ikhtisas ini adalah masih kurang dan ini perlu dibaiki dan diteliti daripada sekarang.

Yang ketiga, saya kira ratio ini, nisbah ini perlu dibalikkan—bukan 1:3 tetapi 3:1.

Begitu juga yang keempat, saya mengesyorkan supaya profesion ini ditingkatkan. Kita bukan sahaja mahu meramaikan bumiputera menjadi lawyer, menjadi doktor tetapi kalau kelas tiga, buat apa jadi lawyer, jadi doktor. Tetapi mestilah doktor-doktor yang betul-betul pakar. Kita lihat ramai yang menjadi doktor tetapi doktor pakar tidak ada. Kita lihat ramai peguam tetapi peguam kelas atasan tidak ada. Kita melihat ramai juga arkitek tetapi arkitek kelas satu tidak ada. Jadi, dalam usaha meramaikan, membanyakkan kuantiti ahli-ahli profesional ini, perlulah juga

ditingkatkan profesionalisme masing-masing mulai daripada sekarang. Kita bimbang kalau sekiranya kita terlalu ghairah sangat membanyakkan kuantiti tetapi tidak ada kualiti, maka kita akan mungkin mencapai satu kegagalan yang akan kita tangisi sendiri di belakang hari nanti.

Yang kelima, saya mengesyorkan supaya minat mestilah dipupuk daripada sekarang. Sistem pembelajaran mesti dikemaskinikan; sistem pengaliran, sistem pengagihan kepada bakat-bakat perlu dibuat awal-awal. Ramai pelajar-pelajar kita yang tercengang-cengang, apabila telah tamat Tingkatan 5 umur sudah 17 tahun, apabila sudah tamat Tingkatan 6 umur sudah 19 tahun, tetapi masih belum tahu apakah profesion yang hendak dipilih, masih lagi terkotak-katik, masih lagi tidak menentu arah dan fikirannya untuk menentukan jurusan yang patut mereka ambil. Sebab itulah satu pemupukan perlu dibuat daripada sekarang, kalau orang ini minat doktor—ada cara dan arah, perlu dibuat. Kalau dia minat dari segi peguam—peguamlah, tetapi pemupukan minat itu sendiri saya melihat pada hari ini kurang ada, kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan soal kemiskinan—ini sebagai aspek ucapan saya yang ketiga pada hari ini. Kalau kita melihat dari segi Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, ternyata kemiskinan ini masih lagi bermaharajalela. Ada dicadangkan lima aspek yang dikenalpasti yang perlu dibuat bagi membasmi kemiskinan ke tahap sekurang-kurangnya 17%. Antara aspek-aspek yang dinyatakan, pertama, pertumbuhan ekonomi adalah unsur yang terpenting yang tidak boleh dipisahkan dengan proses kemiskinan kerana ia menentukan

kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan.

Kedua, dinyatakan peruntukan perlu dikaji;

Ketiga, usaha mengenalpasti kawasan-kawasan isi rumah miskin perlu dibuat;

Keempat, jentera pentadbir dan sistem penyaluran program-program kemiskinan perlu dipertingkatkan;

Kelima, dinyatakan penekan perhatian terhadap pembangunan sumber tenaga manusia sebagai teras jangka panjang untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan di kalangan individu dan isi rumah perlu diadakan.

Saya akur kepada kelima-lima aspek ini, saya setuju. Saya tidak mahu bahaskan kelima ini kerana telah saya setuju dan semua orang tahu ada tercatat di dalam buku ini. Tetapi ada sesuatu yang besar yang tertinggal yang perlu diberikan perhatian, yang perlu difikirkan mulai daripada sekarang—kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dewasa ini boleh dikatakan membanggakan, mengkagumkan. Walau bagaimanapun, gagal membasmi kemiskinan massa, kemiskinan rakyat, gagal menyamakan peluang yang ada antara semua rakyat. Sebab-sebab yang pertama kerana wujudnya pakatan, kerana adanya kelompok, kerana adanya cartel. Cartel ini merupakan satu golongan yang menguasai perancangan dan dasar ekonomi untuk memperkayakan diri sambil dalam masa yang sama meraung-raung mengenai pembasmian kemiskinan. Kadang-kadang berlakun (acting) kalau berlakun macam bintang filem, boleh tahan. Ini berlakun kononnya sebagai juara kemiskinan, tetapi golongan ini memperkayakan diri. Cartel ini boleh wujud sama ada daripada pengeluar atau golongan pemerintah yang berkuasa dan kebanyakan cartel ini ataupun

golongan pakatan ini mempunyai ciri-ciri yang serupa. Antara ciri-ciri yang serupa mereka ini boleh membuat perjanjian yang menguntungkan kedua-dua pihak dengan menggunakan pengaruh atau maklumat penting yang tidak dapat diperolehi oleh orang-orang biasa. Orang biasa tidak boleh, misalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Misalnya kontrak memodenkan bangunan, jalanraya, telekom dan lain-lain diberikan kepada golongan pemerintah yang berpengaruh, pelabur dan syarikat asing yang mencari peluang perniagaan dan bersepakat melalui usaha sama dengan kumpulan politik dan tentera, perusahaan awam bila diswastakan dengan memberi hak miliknya kepada kepentingan swasta yang rapat dengan golongan pemerintah.

Bagi saya menyusun semula Dasar Ekonomi Baru atau mencipta jutawan melalui penaungan bukan sahaja tidak adil, malah juga tidak berkesan dan cekap dari segi ekonomi kerana usahawan pilih kasih itu boleh menyalah uruskan sumber yang dikuasainya. Penguasaan secara cartel terhadap Dasar Ekonomi Baru oleh kelompok-kelompok dari golongan-golongan berkuasa telah memberi sedikit kesan terhadap usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula sosio-ekonomi setakat hari ini, 30hb Jun, 1989.

Sebaliknya Dasar Ekonomi Baru telah menumpukan pendapatan dan kekayaan di kalangan pemegang amanah dan sekutunya sahaja. Jelasnya pengagihan pendapatan tambahan semasa pertumbuhan pesat hanya menguntungkan satu pihak, akibatnya pendapatan dan kekayaan di peringkat atas telah mengakibatkan kemiskinan rakyat, kemiskinan massa

di peringkat bawah. Implikasi penting dari analisa ini ialah pengwujudan bertentangan secara berterusan antara keadilan dan pertumbuhan sebenarnya merupakan masalah pemerasan dan penindasan ekonomi yang menyayat hati. Penindasan ini tidaklah semestinya berlaku disebabkan oleh kelas atau kedudukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Marxis, tetapi oleh sikap dan cara bertindak oleh golongan berkuasa, maksudnya golongan berkuasa yang tersusun dan berpengaruh yang kurang membawa, kurang bertanggungjawab terhadap kaum marhain yang lemah, yang kurang maklumat, yang tidak tersusun dan yang kurang bernasib baik.

Umpamanya, orang-orang Melayu di luar bandar yang buta huruf, kelas bawahan ataupun menengah tidak diberikan sistem maklumat yang tersusun dan lengkap. Contoh lain, pekerja yang tidak tersusun boleh diperas dalam pasaran buruh melalui dasar buruh murah, dasar buruh tidak berlesen, dasar buruh illegal immigrant, lebih lanjut lagi pembayaran kepada buruh yang tidak mencukupi membawa faedah dan pendapatan tambahan kepada golongan cartel. Ini jelasnya mengganggu gugat ekonomi yang dahulunya dimainkan oleh penjajah (Mat Saleh—Orang Putih) itu, kini diambil alih pula oleh golongan cartel ini. Pada zaman penjajah dahulu lebih ekonomi dibawa pulang ke London, ke Britain, pada masa kini kekayaan ekonomi disalurkan kepada para pemegang amanah ini.

Syarat penting untuk beralih daripada suasana penguasaan cartel ke suasana persaingan terbuka yang lebih adil ialah maklumat, bukan sahaja mengenai dengan pasaran dan peluang tetapi juga tentang proses membuat dasar. Sebabnya projek pembangunan diluluskan bukan berasaskan kriteria, teknik dan ekonomi sahaja, bahkan banyak dipengaruhi oleh apa yang dikatakan faktor institusi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit sahaja lagi. Faktor institusi utama ialah pembuat dasar politik dan birokratik yang penting serta kelompok yang berpengaruh. Siapakah yang menganggotai kelompok-kelompok ini? Sebenarnya yang menganggotai kelompok-kelompok ini adalah ramai, terdiri daripada elit-elit yang saya sebutkan tadi, ada elit tentera, ada elit agama, ada kelompok bangsawan, ada kelompok baru, ada kelompok politik dan sebagainya. Teori cartel menegaskan kenyataan bahawa persubahatan memerlukan supaya maklumat dirahsiakan, dikawal untuk memaksimumkan keuntungan, maka tidak menghairankan bahawa kajian mengenai pembangunan ekonomi memberi terlalu sedikit perhatian kepada strategi penguasaan dalaman kepada yang bersifat cartel serta penguasaan mereka terhadap proses pertumbuhan dan pengagihan. Kajian ini cuba memberi sedikit sumbangan untuk mengisi kekosongan ruangan ini. Maka oleh hal yang demikian, kerana masa tidak ada, saya rasa tidak adil, orang lain satu jam, saya 20 minit dah berhenti, banyak lagi perkara yang saya hendak cakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah lebih dari 20 minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sudah lebih, terima kasih, saya berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.17 ptg.

Tuan Chew Kam Hoi (Padang Serai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil

bahagian dalam perbincangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima saya telah dapat mengenalpasti dua masalah yang amat penting, yang amat serius, yang boleh mengancam kestabilan politik negara, yang boleh menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai perpaduan negara. Masalah yang pertamanya ialah masalah pengangguran. Kadar pengangguran pada tahun 1988 adalah 8.1% atau 534,700 orang dan jumlah tenaga buruh dijangka akan bertambah sebanyak 424,300 orang dari jumlah 6,622,000 pada tahun 1988 dan 7,046,000 pada tahun 1990. Ini merupakan satu kadar pertumbuhan sebanyak 3.2%. Jika kita tidak mahu masalah pengangguran negara menjadi lebih buruk lagi pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh masa itu pula terpaksa mengwujudkan jumlah peluang pekerjaan yang banyak untuk menampung pertambahan tenaga buruh.

Masalah kedua ialah masalah kemiskinan. Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan selama 18 tahun tetapi masalah kemiskinan masih wujud. Kadarnya di Semenanjung Malaysia adalah 17.3% atau 485,800 isi rumah, di Sabah 35.3% atau 89,000 isi rumah dan di Sarawak pula 24.7% atau 74,300 isi rumah. Dari segi jumlah keseluruhan rakyat ia adalah merupakan 3,245,000 atau 19% orang adalah hidup dalam keadaan melarat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian masalah-masalah itu mesti diberi keutamaan untuk menyelesaikan, kalau tidak, macam mana kita boleh dapat mencapai kestabilan politik dan perpaduan negara dengan begitu ramai

orang ada dalam keadaan kebuluran dan yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua masalah yang saya sebutkan tadi bukan susah diatasi jika kita dapat pertumbuhan ekonomi yang pesat, oleh itu kita patut menumpukan segala usaha negara mencari jalan merangsangkan pertumbuhan ekonomi, tetapi pertumbuhan ekonomi mesti diasaskan pada pelaburan sektor swasta, bukan di atas pinjaman dari luar untuk membiayai perkembangan ekonomi negara kita. Kita semua telah mendapat ajaran pahit dari amalan dasar perkembangan perbelanjaan awam untuk mengatasi kesan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1981 dan 1982. Pada masa itu kita telah membuat pinjaman banyak dan sehingga hari ini kita banyak dibebankan oleh pinjaman itu. Oleh itu, kita tidak mampu lagi meneruskan strategi ini kerana ia akan mendatangkan ketidakstabilan ekonomi dan kewangan negara dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mesti mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Kerajaan kerana berjaya dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, ekonomi negara kita telah pulih sepenuhnya, akan tetapi kita tidak patut bersikap lewa dan puas hati dengan pencapaian kita pada hari ini. Kita juga tidak patut melupakan bahawa kemakmuran ekonomi yang dinikmati pada hari ini tidaklah dibentuk pada satu asas yang kukuh. Struktur ekonomi negara kita masih "fragile", dengan izin. Pemulihan ekonomi negara adalah diakibatkan oleh pemulihan harga barangan utama dunia dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan yang telah berjaya menarik pelaburan asing. Namun demikian, kita tidak patut menjadikan kemakmuran ekonomi negara bergantung kepada

pelaburan asing sebagai satu langkah jangka masa panjang. Kebanyakan para pelabur asing ini bukan benar-benar berminat membantu mengembangkan ekonomi negara demi kebaikan rakyat Malaysia. Mereka lebih berminat mencari keuntungan yang besar lagi lumayan. Pemindahan teknologi yang moden pun tidak benar-benar berjaya dipindahkan kepada pihak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita harus mengambil langkah-langkah yang lebih berani untuk menggalakkan pelaburan tempatan. Jika kita sanggup memberi kepada pelabur-pelabur asing perlonggaran syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru seperti garis panduan berhubung dengan ekuiti, kenapa Kerajaan tidak memberi perlonggaran yang sama kepada pelabur tempatan? Adakah pelabur tempatan didiskriminasikan, apakah sebabnya? Saya harap Menteri boleh beri satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mencadangkan bahawa semua pelaburan tempatan yang berorientasikan kepada eksport sepenuhnya patut diberi layanan yang sama seperti pelaburan asing. Jika langkah ini dapat diamalkan, saya percaya jumlah pelaburan tempatan akan meningkat. Ini akan mewujudkan satu semangat keusahawanan, dengan izin, "spirit of entrepreneurship" di kalangan para pelabur tempatan. Mereka

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Chew Kam Hoy: Saya cuba. Mereka akan lebih rela mengambil risiko untuk menceburi diri dalam perdagangan dunia kerana jika berjaya mereka boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Maafkan saya, Yang

Berhormat, bukan satu minit, ada 10 minit lagi.

Tuan Chew Kam Hoy: Ya, saya pun hairan macam mana masa boleh berjalan cepat sedikit. (*Ketawa*) Kerana jika berjaya, mereka boleh menikmati hasil usaha mereka dan keuntungan yang besar tanpa dipaksa menyusun semula ekuiti mereka dan dipaksa berkongsi dengan pihak-pihak yang tidak ada menyumbangkan kepada usaha mereka. Dalam pada itu, negara pun akan beruntung dari segi kutipan cukai dan seterusnya akan lebih mampu membantu rakyat bumiputera dan kumpulan-kumpulan lain yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, demi menggalakkan lagi pelaburan dari sektor swasta tempatan, saya berharap Kerajaan akan mengamalkan satu dasar cukai pendapatan yang lebih "lenient" dan liberal di mana para pelabur tempatan tidak disiasat dari mana sumber kewangan mereka bagi pelaburan dalam perniagaan yang berorientasi eksport. Langkah ini akan menggalakkan para pelabur tempatan lebih rela menceburi diri dan mengambil risiko dalam bidang perdagangan eksport dan bukan hanya simpan wang mereka di bank-bank luar negeri, khasnya di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai potensi besar serta sumber-sumber semulajadi untuk mencapai kemajuan yang setaraf dengan negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, akan tetapi kenapakah negara kita masih belum dapat mencapai taraf itu? Memang wujud banyak masalah dan sebab-sebab, tetapi pada pendapat saya ia adalah kerana pihak kepimpinan negara kita lebih mengutamakan atau peka kepada kepentingan politik daripada kepentingan ekonomi. Jika prinsip-prinsip sedemikian diteruskan, hasrat kita hendak menjadikan Malaysia, dengan izin, "the sixth

dragon of Asia" sukar dicapai, hanya jadi satu impian sahaja.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada pencapaian hakmilik saham syarikat-syarikat berhad bumiputera. Dari ucapan Perdana Menteri semasa membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, beliau mengatakan bahawa hakmilik saham syarikat-syarikat berhad yang dimiliki oleh bumiputera hanya 19.4% dalam tahun 1988. Angka ini mungkin tidak mencerminkan hakikat yang sebenarnya kerana ia tidak mengambilkira saham-saham yang dimiliki dalam syarikat-syarikat calon, dengan izin, "nominees companies" dan syarikat-syarikat kawalan tempatan, dengan izin, "locally controlled companies". Mengikut Jadual 3.12 dalam Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima syarikat-syarikat calon dan syarikat-syarikat kawalan tempatan memegang 8.1% dan 13.1% hakmilik saham masing-masing dalam tahun 1988. Saya difahami antaranya adalah satu syarikat bernama Syarikat Nominee Bumiputera Sendirian Berhad yang didaftarkan dengan Malayan Banking Berhad, adalah sebuah syarikat calon yang paling besar dan terkenal yang merupakan pemegang ekuiti untuk bumiputera telah diambil kira dalam perhitungan kategori syarikat-syarikat calon. Pencapaian bumiputera dalam sektor ini memanglah lebih tinggi dari apa yang disebut oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan saya. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang diPertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Rajang.

5.30 ptg.

Dr Nicholas Munong Anak Ibau (Rajang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang membahas atas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyentuh kepada Dasar Ekonomi Baru. Sejak Dasar Ekonomi Baru telah dilancarkan pada tahun 1971 banyak yang telah tercapai ke atas objektif utamanya iaitu membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum khususnya daripada segi pekerjaan dan hakmilik. Gambaran ini telah diterangkan dengan jelasnya di jadual yang terdapat di Buku Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun Dasar Ekonomi Baru telah berjaya sedikit sahaja membasmi kemiskinan tetapi pada keseluruhannya kaum bumiputera masih ketinggalan dalam semua bidang baik pun ianya dari kaum bumiputera di Sarawak, Semenanjung atau di Sabah. Dengan bukti yang jelas itu kita semua patutlah mengubah sikap dan pandangan yang terbuka kepada hasrat dan kehendak rakyat yang miskin yang tidak mahu ketinggalan baik pun ianya di bandar ataupun di luar bandar. Oleh kerana rakyat hanya boleh menyuarakan hasrat mereka melalui Wakil-wakil Rakyat mereka masing-masing kita semua patut menerima baik dan memberi pertimbangan yang berpatutan ke atas rancangan, rayuan dan cadangan Wakil Rakyat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga ke atas ucapan beberapa orang Ahli Yang Berhormat baik pun dari pihak Kerajaan dan juga dari pihak Pembangkang yang pernah menyentuh tentang nasib orang

bumiputera yang berbilangan kaum di Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jadual 3-7 kadar kemiskinan di kalangan bumiputera di Sarawak telah berkurangan dari 41.6% di tahun 1984 dan telah berkurang kepada 33.2% di tahun 1987. Pada umumnya kadar kemiskinan di kalangan bumiputera ini merupakan satu kadar yang boleh membanggakan. Tetapi bila kita meneliti dengan lanjut kadar kemiskinan di kalangan bumiputera di Sarawak tidak menunjuk kadar kemiskinan yang tetap dan telah melindungi keadaan yang sebenar nasib-nasib kaum bumiputera seperti kaum Iban dan Bidayuh yang terletak di bawah payung nama bumiputera. Bila kita mengkaji kadar kemiskinan mengikut kumpulan sasaran di Sarawak di Jadual 3-6 kumpulan pekebun kecil getah dan penanam padi ialah kumpulan yang termiskin sekali. Jika kadar kemiskinan pekebun kecil getah disatukan dengan penanam padi, kadar kemiskinan di kumpulan itu ialah 63.05% di tahun 1984 dan telah berkurang sedikit sahaja kepada 59.35% di tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak kadar purata orang Dayak yang melibatkan diri dalam sektor pertanian menjadi pekebun kecil, penanam padi dan shifting cultivators, dengan izin, ialah dalam lingkungan lebih dari 80% iaitu orang-orang Dayak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kadar kemiskinan di kalangan kaum orang Dayak di Sarawak terutamanya orang Iban dan Bidayuh boleh diberi keputusan iaitu kadar kemiskinan mereka ialah 59.35% dalam tahun 1984. Kadar ini adalah satu kadar yang amat besar jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan di negara kita keseluruhannya.

Pada tahun 1988 kadar kemiskinan orang Dayak di negeri Sarawak mengikut statistik dari Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak ialah 52%. Kiraan yang saya beri yang dahulu tadi tidaklah bertentangan dengan apa yang ternyata di data yang diberi oleh Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. Kadar kemiskinan orang Dayak sebanyak 52% adalah satu petanda yang amat menyedihkan dan telah memberi keterangan kepada kita iaitu perancangan dasar ekonomi baru di Sarawak adalah tidak seimbang dan patut dibetulkan di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak Dasar Ekonomi Baru akan memberi makna kepada rakyat untuk mencapai matlamatnya membasmi kemiskinan bergantung kepada rakyat dan juga kepada Kerajaan yang melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya amat kagum ke atas jaminan Timbalan Perdana Menteri iaitu Kerajaan terus menunaikan tanggungjawabnya dan janji-janjinya kepada penduduk di Teluk Pasu walaupun calon Barisan Nasional kalah di kawasan itu di dalam pilihanraya kecil yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi di negeri Sarawak adalah kadang kala amat menyedihkan. Di Dewan Undangan Negeri Sarawak, Timbalan Ketua Menteri dengan lantang pernah berkata iaitu rakyat yang tidak menyokong parti Kerajaan semasa pilihanraya akan dipulaukan dari segi projek-projek kepada rakyat. Itu adalah amat bertentangan dengan apa yang terjadi di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar Kerajaan Negeri Sarawak pada masa ini sekiranya tidak dikawal akan menjadi alat penghalang kepada pencapaian Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan di

kalangan rakyat terutamanya orang Dayak seperti orang Iban dan Bidayuh.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dua atau tiga tahun ke belakang ini beberapa penghuni rumah panjang di negeri Sarawak telah dihalau dari rumah panjang mereka dan adanya rumah panjang mereka itu dibakar di atas alasan iaitu mereka menduduki tanah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang yang dihalau itu dari tanah yang dikatakan tanah Kerajaan itu ialah orang yang telah menetap di sesuatu tempat dari berpuluh-puluh tahun yang lalu. Siapakah yang betul-betul mendapat hak di tempat itu, adakah orang yang pertama itu yang meneroka tanah itu atau orang Kerajaan yang baru-baru ini yang mengatakan tanah itu? Tetapi dari pandangan orang Dayak di Negeri Sarawak, orang yang meneroka, orang yang menebang kawasan itu, nenek moyang mereka dahulu orang itulah yang berhak mendapat hakmilik tanah itu. Itulah fikiran orang-orang Dayak semasa selama-lama ini mengenai tanah "native" mereka. Itulah fikiran orang-orang Dayak selama-lamanya ini mengenai tanah natif mereka.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu dasar Kerajaan Negeri Sarawak ialah menyukat tanah untuk menjadikan ladang-ladang yang besar yang melibatkan kawasan beratus-ratus atau beribu-ribu ekar. Langkah itu adalah satu langkah yang baik sekiranya kawasan yang dibuat menjadi ladang itu ialah kawasan kampung luar atau primary forest yang tidak mempunyai tuan punya tanah. Tetapi apa yang terjadi pada masa ini Kerajaan Sarawak di satu-satu tempat telah menyukat tanah yang melingkungi, yang meliputi kawasan native customary land rights, dengan izin, orang-orang Dayak dan mengenyepikan orang-orang Dayak

yang telah mendiami kawasan itu sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu dan mengenyepikan hak mereka dan saya kira ingin menjadikan mereka orang anak kuli sepanjang umur mereka.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan yang begitu rupa adalah satu langkah yang akan membunuh hak, maruah dan hasrat orang-orang Dayak yang ingin memperbaiki keadaan sendiri dan ingin berdikari di atas diri sendiri. Oleh itu sekiranya perkara ini diteruskan, dibiarkan atau perkara ini berpanjangan di tahun-tahun yang akan datang mungkin perkara menyukat tanah yang meliputi tanah kawasan orang natif, orang Iban, akan menimbulkan suasana yang tidak aman dan pada akhirnya ini akan menghalang hasrat Kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat di nagara ini terutama orang-orang Dayak yang masih lebih jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak, satu rancangan yang telah membuktikan ianya telah berjaya meningkatkan pendapatan orang-orang luar bandar, orang-orang pekebun ialah rancangan skim berkelompok iaitu, satu, Skim Kampung Contoh dan, kedua, Skim Berkelompok Pinjaman Kecil. Kedua-kedua rancangan yang saya sebut tadi adalah rancangan yang telah membuktikan bahawa sesuatu rancangan yang akan berjaya. Saya berpendapat itulah rancangan yang sesuai untuk orang-orang Dayak dan orang-orang luar bandar di negeri Sarawak. Dengan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberi banyak lagi peruntukan untuk melaksanakan projek Skim Perkampungan dan juga Skim Pinjaman Berkelompok di negeri Sarawak dan memudahkan orang Sarawak mendapat pinjaman dari Bank Pertanian yang ada di negeri Sarawak.

Dalam pada itu juga, di negeri Sarawak, satu penghalang kepada orang-orang Dayak yang masih ketinggalan, yang masih miskin, ialah kekurangan infrastruktur yang baik di Sarawak. Dengan ini, sekali lagi saya menyarankan supaya Kerajaan memberi banyak lagi peruntukan supaya memperbaiki keadaan di negeri Sarawak untuk membina jalan-jalan kampung di kawasan-kawasan yang terpencil. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Dr Nicholas Munong anak Ibau: Dengan itu saya ucapkan terima kasih dan harap apa yang telah saya katakan diberi pertimbangan yang berpatutan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.44 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana begitu bertimbang rasa menoleh ke Blok C sekali dua.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa berita-berita yang baik bagi pengetahuan kita. PNK, yang sebenarnya yang telah pulih dari pertumbuhan negatif 1% dalam tahun 1985, bertambah dengan positif sebanyak 1.2% dalam tahun 1986, 5.2% dalam tahun 1987 dan 8.7% dalam tahun 1988. Seterusnya ini dijangka bertambah kepada 7.3% pada tahun 1989 dan 6.7% pada tahun 1990. Dalam pada itu kadar kemiskinan sudah menurun. Pemilikan kaum

bumiputera dalam sektor korporat telah menaik, meskipun dalam keadaan ekonomi meleset. Namun berita yang paling baik ialah pelaburan swasta yang mula meningkat. Tahun 1986 terdapat 16.3% penurunan bersih, tetapi dalam tahun berikutnya iaitu 1987, pelaburan mula menaik menunjukkan pertambahan sebanyak 6.5% dan pada tahun 1988 ini naik melonjak kepada 23.5%.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata kenaikan pelaburan swasta ini bukan sahaja dipengaruhi oleh pemulihan eksport tetapi juga pelbagai langkah positif yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki iklim pelaburan. Umpamanya, Akta Peyelarasan Industri dilonggarkan lagi, sementara insentif kepada kewangan ditambah lagi di bawah Akta Galakan Pelaburan.

Memang benar kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Pelaburan swasta yang mencurahkan masuk ke negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Indonesia tidak ingin datang ke Malaysia secara besar-besaran sehingga Kerajaan kita bertindak sebahagiannya melonggarkan peraturan yang membatkan pertumbuhan ekonomi serta menjadikan negara ini lebih menarik seberapa yang boleh berbanding dengan jiran-jiran kita dalam ASEAN kepada pelabur-pelabur swasta.

Tuan Yang di-Pertua, yang baik itu patut dipuji. Maka itu marilah kita memberi kepujian kepada Kerajaan atas usahanya memperbaiki lagi pengurusan ekonomi dalam masa dua, tiga tahun yang lalu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya malahan pergi lebih jauh dari itu memuji tindakan Kerajaan kita. Dengan izin, since deregulation is making the Malaysian economy tick, I wish to urge the Prime Minister to deregulate the

economy further. Semenjak langkah deregulasi itu dijalankan untuk menggerakkan lebih pantas ekonomi negara, saya ingin menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan lanjut melonggarkan lagi peraturan ekonomi. Untuk mengatasi masalah hutang, pengangguran dan kemiskinan, pertumbuhan ekonomi negara mestilah dikekalkan pada kadar yang tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sasaran purata sebanyak 7% setahun bagi tahun-tahun mendatang. Saya yakin ini memang boleh dicapai, bahkan dilampau capai, asalkan sahaja ekonomi negara terus dilonggarkan peraturannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dengan lebih terus terang. Suka saya syorkan kepada Kerajaan supaya mengambil pandangan baru kepada peranan yang perusahaan swasta kaum Cina boleh memainkan dalam perkembangan ekonomi negara kita. Pandanglah mereka sebagai aset negara dan bukan bebanan kepada negara. Berilah mereka segala dorongan dan galakan untuk bekerja bersungguh-sungguh. Janganlah diikat tangan mereka sehingga tak boleh bergerak dengan berkesan. Beri peluang kepada mereka untuk menjalankan enjin pertumbuhan ekonomi. Bila enjin itu berjalan, tenaga elektrik yang dijanakan itu akan memberi manfaat kepada setiap rakyat Malaysia, sama ada Melayu, India, Iban, Kadazan atau orang Cina Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa lalu Kerajaan-kerajaan di negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Indonesia mengkategorikan para penduduknya sebagai peribumi dan bukan peribumi serta meletakkan beberapa sekatan ke atas aktiviti para pedagang bangsa Cina. Kini mereka sedar bahawa kawalan seperti itu hanya melenyapkan inisiatif kaum

Cina. Akhirnya, mereka menghapuskan sama sekali perbezaan peribumi dan bukan peribumi. Kini semua rakyat Thai dianggap sebagai orang Thai dan begitu juga rakyat Indonesia sebagai orang Indonesia, tidak kira asal keturunan mereka. Hasilnya amat cemerlang. Kaum entrepreneur Cina di Thailand dan Indonesia berterima kasih dan bekerja lebih keras lagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memajukan negara mereka masing-masing. Sebenarnya, semakin ramai pelabur Cina dari Malaysia pergi berduyun-duyun ke Thailand dan Indonesia untuk membuat pelaburan di sana oleh sebab mereka merasa di negara-negara itu asal keturunan Cina mereka tidak dijadikan halangan oleh pihak Kerajaan yang berkenaan.

Sebenarnya, Kerajaan Thai dan Indonesia tidak sama sekali rungsing kepada entrepreneur kaum Cina itu menggugatimbangan ekonomi mereka kerana mereka masih mengawal kuasa cukai-mencukai. Mereka bertindak menggunakan kuasa cukai-mencukai itu, mencukai para pedagang Cina yang berjaya dan kemudian membelanjakan perolehan cukai itu ke atas rancangan-rancangan bagi membantu para pedagang peribumi Thai atau peribumi Indonesia supaya berjaya dalam persaingan dunia ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Malaysia berada tidak jauh dari sasaran NIC iaitu Negara Perindustrian Baru. Kalau aliran arah liberalisasi ekonomi yang kini dilaksanakan diteruskan ke arah kesimpulan logiknya dan di pihak para pelabur pula, terutama pelabur Cina tempatan, boleh diyakinkan, maka bolehlah kita menjangkakan pelaburan swasta di negara ini akan berlipatganda dalam tahun-tahun mendatang kelak. Waktu itu impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melihat Malaysia sebagai sebuah negara NIC akan tercapai. Insyallah, dalam masa

hayat beliau ini akan berlaku dan, dengan izin, the Prime Minister will go down in history as the creator of the Malaysian economic miracle, beliau akan dicatat dalam sejarah sebagai pencipta keajaiban ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil sedikit perbahasan berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 yang mana telah pun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berhubung perancangan dan juga pembangunan yang telah berjalan bagi tahun-tahun yang berkenaan.

Kita telah masuk ke Rancangan Malaysia Kelima, mulai Rancangan Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima. Dalam rancangan-rancangan itu kita tidak boleh menafikan telah pun mendapatkan hasil setelah kita mendapat kemerdekaan dan rakyat sedikit sebanyak telah pun mendapat kenikmatan hidup dengan adanya rancangan-rancangan ini dan sentiasa pihak Kerajaan mengatur langkah bagi memperelokkan dan memperbaiki lagi pendapatan dan kehidupan rakyat Malaysia. Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan mulai tahun 1971 yang akan berakhir pada tahun 1990 yang mana DEB ini akan memakan masa lebih kurang 18 bulan lagi menjelang tahun 1990 dan dengan keadaan itu peratusan hak bumiputera di sektor koporat dalam tempoh tersebut tidak berubah, sebagaimana yang disebutkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga ke hari ini masih lagi 19%.

Sungguhpun banyak telah diperkatakan, khasnya bagi pihak yang tidak mahu berterima kasih dengan dasar yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada mereka ini tetapi apabila umpamanya keadaan negara kita meleset beria-ia pihak mereka menuduh pihak Kerajaan tidak tahu menjalankan dasar, itu dan ini, tetapi alhamdulillah dengan keadaan ini Tuhan telah pun memberikan rahmat kepada negara kita semula. Keadaan ekonomi telah pun beransur baik tetapi sehingga hari ini kita tidak pernah, jarang sangat mendengar terima kasih daripada pihak yang berkenaan kepada pihak Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap dengan adanya rancangan-rancangan itu akan dapat kejayaan. Sungguhpun kita telah lihat rancangan ini dalam buku yang begitu tebal bagi kepentingan rakyat dalam negara ini, tetapi dalam keadaan ini saya berpendapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun menyatakan di akhir ucapan beliau iaitu kedudukan ekonomi kita kini semakin kukuh. Ini adalah hasil daripada dasar penyusunan semula ekonomi yang baik dan teratur. Sungguhpun begitu ianya tidak bermakna bahawa kita boleh berdiam diri menunggu pencapaian dalam aspek penyusunan semula masyarakat. Usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan pembangunan negara mustahak dan perlu dipertingkatkan.

Dan soal kemiskinan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita masih ketara lagi. Kita melihatkan sungguhpun banyak Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan, menyuarakan perkara ini, kemiskinar lebih ketara lagi di mana-mana sahaja. Lebih-lebih lagi kaum-kaum di luar bandar sama ada di Semenanjung Malaysia ini dan juga Sabah dan Sarawak. Kita boleh melihat orang-orang Melayu ataupun bumiputera di

dalam negara ini masih lagi berada di tahap kemiskinan. Sebagaimana yang disebutkan di sini, rasa saya tidak menepati kalau kita melihat sendiri bagaimana kemiskinan kaum-kaum bumiputera yang mana mereka ini masih lagi kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang. Umpamanya, tempat tinggal mereka masih lagi 8 kaki persegi ataupun 10 kaki persegi di hitung panjang 100 kaki persegi. Mereka mempunyai anak 4-5 orang. Di situlah mereka duduk dan di situlah mereka tinggal dan di situlah mereka masak nasi dan di situlah mereka makan dan di situlah segala-galanya. Dalam keadaan ini rasa saya pihak Kerajaan atau pihak pemerintah sama ada Kerajaan Pusat dan pihak Kerajaan Negeri berusaha untuk meninggikan taraf bumiputera.

Kita tidak mahu ada yang lain mengatakan kawasan-kawasan kampung baru masih mundur, ada yang ada dan ada yang tidak ada kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya. Tetapi mereka ini tidak pergi melihat keadaan di kampung-kampung pendalaman, di sepanjang-panjang sungai umpamanya Sungai Pahang dan sebagainya. Begitu juga di Sabah dan Sarawak bagaimana keadaan mereka itu. Sebab itu dalam keadaan ini kita harus memikirkan dengan hasil pertanian.

Dalam soal pertanian ini juga, Yang Amat Berhormat telah menyarankan dalam ucapan beliau yang mana di dalam Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini telah mengatakan iaitu telah diperuntukkan lebih kurang \$400 juta. \$400 juta ini adalah untuk penyelidikan oleh MARDI ke atas tanaman, makanan, ternakan dan memproses makanan juga telah diselaraskan dengan MARDI bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, FAMA, FELCRA, DOA, LKIM dan RISDA yang mana wang-wang ini

telah diberi. Saya hairan dan ingin bertanya pihak berkenaan kerana kita telah pun dengar bagaimana penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan. Umpamanya, pada suatu masa kita dengar bagaimana larisnya buah manggis yang mana laku sampai \$3.50 sebutir di Jepun. Apakah kajian yang dibuat oleh pihak Kerajaan kita untuk memperbanyakkan lagi buah-buahan ini. Begitu juga dengan buah-buahan lain seperti mangga yang mana kita lihat di negara-negara jiran kita umpamanya Filipina dan Thailand yang mana buah-buahan mereka itu begitu elok dan dieksport ke negara kita ini, yang mana kita dapat makan, buahnya begitu baik. Tetapi apa yang sudah dibuat oleh pihak kita untuk memperbaiki dasar-dasar ini.

Dengan sebab itu rasa saya, pihak Kerajaan boleh memberi kepada penduduk-penduduk miskin di luar bandar tunjuk ajar kerana masih banyak lagi tanah-tanah di luar bandar supaya dapat diberi kepada mereka ini untuk bercucuk tanam. Dengan keadaan ini rasa saya pengaliran wang kita ke luar negeri untuk membeli buah-buahan dan sayuran-sayuran yang masih banyak lagi kita import daripada luar negeri, yang masih kita makan umpamanya kobis, timun dan sebagainya masih banyak dalam negara kita dan negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita cuaca dan sebagainya sama sahaja. Apa sebab mereka ini boleh menanam buah-buahan yang begitu baik, umpamanya buah mangga, yang sama sahaja saiznya. Kalau kita bandingkan dengan buah mangga kita, ada yang ketot, ada yang kecil dan kadang-kadang berulat dan sebagainya. Buah di luarnya begitu baik tetapi di dalamnya berulat, apa sebab? Jadi, kita kena belajar cara-cara yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik yang ada di luar negeri.

Inilah rasa saya salah satunya yang patut sebagaimana dikatakan \$400 juta

yang disediakan ini supaya kita dapat menjelang tahun 1990 ataupun 2000 nanti bagaimana keadaan negara kita ini dapat menghasilkan buah-buahan ini kerana tanah masih banyak lagi.

Soal yang lain, soal-soal tanah-tanah terbiar yang masih banyak lagi masa ini supaya dapat diberikan kepada kaum-kaum miskin ini. Mereka ini sama ada dipinjamkan buat sementara waktu pada mereka ini. Kita tidak mahu lagi melihatkan keadaan kemiskinan yang begitu ketara kepada mereka ini.

Soal yang lain dalam negara kita masih lagi ada hutan begitu luas dan hutan-hutan ini telah pun sekarang ini banyak yang telah diteroka dan sungguhpun pihak Kerajaan bersedia, berusaha untuk menanam semula tetapi tanaman semula ini bagaimana keadaannya. Kemudian kita lihat keadaan-keadaan ini, kita takut negara kita ini apabila tiba masanya nanti kalau kita tidak jaga betul-betul hutan yang ada pada hari ini kemungkinan pada suatu masa hutan ini akan pupus dan kita hendak menggunakan kayu atau papan besok terpaksa kita mengimport daripada luar negeri. Dalam keadaan ini kita tahu Kerajaan sekarang ini bersedia untuk memajukan lagi negara kita dari segi pertanian, industri dan seterusnya.

Soal sektor swasta, ini saya ingin melihat keadaan ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita melihatkan keadaan ini masih pada suatu masa negara kita ini bergantung kepada pihak-pihak swasta ini yang mana mereka ini kita harap dapat datang ke negara ini untuk melaburkan serta membuka kilang-kilang dan seterusnya. Apa yang kita dapat tahu kilang-kilang ini kadangkala ada di satu-satu tempat sahaja. Tidak ditaburkan. Sungguhpun kita ada di dalam negara kita ini umpama kawasan industri. Ini kadangkala mereka ini datang memilih kawasan-kawasan yang dia suka umpamanya di Lembah

Kelang, di Shah Alam dan seterusnya tetapi mereka tidak mahu pergi ke Beranang, Nilai dan sebagainya sehinggakan banyak lagi kawasan-kawasan perindustrian ini tidak diisi.

Oleh hal yang demikian, kita mengharapkan mereka ini sungguhpun mereka mengatakan kemungkinan kesulitan pengangkutan yang mencukupi, rasa saya ini boleh diatasi jikalau benar-benar mereka ini mahu melabur, dan mereka ini diberi tempat-tempat ini jika mereka mahu—mahu, jika tidak rasa saya tak usah ditempatkan di satu-satu tempat sahaja. Ini kalau kita mahu mengatasi kemiskinan. Kita tidak mahu lagi berlaku banyak pemuda-pemudi datang daripada luar bandar ke bandar ini memenuhi bandar tetapi pekerjaan tidak ada. Oleh itu dengan adanya keadaan ini rasa saya sedikit-sebanyak setakat mengurangkan peratus kemiskinan atau pengangguran di luar bandar supaya mereka ini dapat bekerja.

Soal yang lain kadar pendapatan perkapita yang dikatakan iaitu pada tahun 1974 pendapatan perkapita telah meningkat daripada \$4,037 pada tahun 1986 dan \$5,070 pada tahun 1988. Ini saya berbalik kepada pendapatan perkapita ini keseluruhannya. Tetapi jika kita bandingkan dengan kaum-kaum, bumiputera sebagaimana rasa saya ini tidak dapat hasil yang sebenar. Kaum bumiputera lebih rasa saya \$100 dia akan dapat sebulan. Ataupun kurang daripada \$100 sebulan. Dengan kadar ini saya mengharapkan supaya ini dapat dipertingkatkan lagi. Kita tidak mahulah lagi kaum-kaum lain mengatakan kaum bumiputera dapat lebih sedang ini pendapatan perkapita. Tetapi sebenarnya kaum bumiputera tidak mencapai matlamat yang disebutkan itu.

Kerajaan terus memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan luar bandar serta pembangunan infrastruktur, fizikal dan sosial.

Dalam soal ini saya ada mendengar tadi pihak-pihak yang lain telah pun menyebut juga. Kadang kala dalam soal-soal projek-projek ini kita harus dari segi bumiputera ini dapat diperagih-agihkan, kerana dalam soal ini kita tidak mahu yang kaya lebih kaya yang miskin lebih miskin. Sungguhpun kita ada Dasar Ekonomi Baru, ada kelas khas untuk bumiputera dan seterusnya tetapi mereka ini ada kelas-kelas sahaja tetapi mereka tidak dapat pekerjaan.

Dari segi tender, mereka ini begitu beria-ia untuk memasuki tender tetapi akhir-akhirnya, mereka telah dapat tahu merekalah yang rendah, mereka dapat No. 7 atau No. 8, umpamanya, tetapi apabila telah diberikan kepada mereka yang No. 19 atau No. 20. Ini apa telah terjadi. Kadang-kadang mereka telah dapat dua tiga projek, tetapi orang yang benar-benar ini tidak dapat. Dengan keadaan ini juga perbezaan-perbezaan ini akan menjadikan masalah ini kepada kaum-kaum bumiputera yang berniaga, mereka inilah yang selalu berlaku gulung tikar, yang bankrupsi dan sebagainya. Oleh itu dalam keadaan ini tender-tender ini, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan, umpamanya projek-projek seperti membuat jalan, membuat bekalan air ataupun projek-projek yang kecil-kecil supaya dapat diberi kepada mereka ini. Dengan keadaan ini kita dapat sama rata kepada golongan rendah, golongan tinggi dan golongan menengah. Dengan keadaan ini, masalah yang tidak puas hati lama kelamaan tidak akan dinyatakan secara menyeluruh kepada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain ialah pihak Yang Amat Berhormat telah menyatakan mengharapkan pihak bank di Malaysia ini hendaklah cekap dan sanggup membantu perusahaan-perusahaan yang menggunakan teknologi dan tidak memberi hutang hanya mengikut nilai

cagaran. Dalam soal ini juga kita mengharapkan pihak-pihak bank benar-benar mahu menolong Dasar Ekonomi kepada bumiputera ataupun pihak-pihak peniaga. Kadang kala bank-bank ini, terus terang saya mengatakan, saya sedikit sebanyak tahu hal perniagaan ini, bank-bank ini melihat keadaan yang sebenarnya, ada pegawai-pegawai yang berkenaan di dalam bank itu, jikalau tiada hak untuk mereka, pinjaman tidak akan diluluskan. Ini berlaku. Bagaimana orang Melayu atau bumiputera hendak memberikan hak sedikit sebanyak kepada mereka ini kalau tidak dapat, sedangkan kaum bumiputera baru hendak cuba berniaga, sudah mereka hendak sedikit sebanyak. Kalau tidak, pinjaman bank tidak diluluskan dan jikalau dipinjamkan juga mereka ini akan memberikan berbagai-bagai alasan menghantar saman dan sebagainya supaya mereka ini dijatuhkan bankrup dan seterusnya. Ini berlaku.

Dalam keadaan ini kalau masih lagi perkara-perkara yang saya sebutkan ini bermaharajalela, sehingga manakah kaum bumiputera, sedangkan yang bukan bumiputera menuduh kaum bumiputera begitu banyak mendapat hasil itu ini, peruntukan tanah, peruntukan tender dan seterusnya. Sebenarnya perkara ini tidak berlaku. Hanya di depan sahaja yang boleh dikatakan bumiputera tetapi di belakangnya bukan bumiputera yang berkuasa. Yang selalu bankrap adalah bumiputera, yang menjalankan adalah bukan bumiputera. Saya juga mengharapkan kepada pihak Kerajaan supaya berhati-hati memberikan tender-tender atau anugerah tender ini kepada mereka yang benar-benar, bukan Ali-Baba. Sekarang ini masih lagi berlaku Ali-Baba ini. Dengan keadaan ini pihak yang tidak puas hati menuduh orang Melayu itu dapat, orang Melayu ini dapat. Sebenarnya orang Melayu tiada apa yang dapat. Orang Melayu, bumiputera yang dapat

hutang sahaja. Ini benar-benar dan saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh itu pihak-pihak yang di sebelah sana atau yang di sebelah sini yang menganggap kaum bumiputera mendapat keutamaan begitu baik dan seterusnya, itu semuanya angan-angan. 19% yang dikatakan inipun belum sampai lagi. Belum sampai kepada tahap yang sebenarnya 19%. Hanya kemungkinan satu atau dua orang sahaja yang dapat tetapi kaum bumiputera yang lainnya masih kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Keadaan inilah yang dikatakan, dalam rancangan-rancangan ini supaya dapat dikaji dan pegawai-pegawai Kerajaan sepatutnya bersama-sama dengan pihak Menteri-menteri, pihak-pihak Wakil-wakil Rakyat dan seterusnya Penghulu-penghulu di kampung-kampung umpamanya, supaya dapat bekerjasama menunjukajar kepada kaum-kaum miskin di kampung-kampung supaya kaum miskin ini jangan ditindas begitu sahaja, disuruh itu tetapi tanpa ajaran diberi kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih, sedikit lagi, satu minit lagi, Yang Berhormat.

Supaya mereka ini diberi tunjukajar, jangan hanya subsidi, subsidi, lepas subsidi baja entah ke mana pergi, benih entah ke mana pergi, selepas itu pihak yang bertanggungjawab membiarkan mereka begitu sahaja. Berapa banyak yang telah berlaku? Ternakan ayam, ternakan itek, ternakan lembu, kerbau dan seterusnya, semuanya lingkup. Kenapa berlaku seperti ini? Kita hendak marahkan pegawai-pegawai Kerajaan, marahkan Perdana Menteri, marahkan Menteri-menteri, saya rasa

ini bukan tanggungjawab Menteri, tetapi tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan yang kita tugaskan, supaya mereka ini sama-sama bekerjasama, ini yang berlaku, tetapi bukan berlaku kepada pegawai-pegawai yang ada di dalam ini, saya minta maaf, bukan semuanya, ada segelintir manusia yang berbuat begini yang tidak jujur kepada pihak Kerajaan dalam segi parti dan seumpamanya. Mereka ini tidak usah campur politik, kalau mereka ini pegawai Kerajaan, terus jalankan kerja, jangan kira parti A, B, C dan sebagainya. Mereka ini makan gaji dengan Kerajaan, terus jalankan tugas. Jangan ada deskriminasi antara satu dengan yang lain.

Itulah sahaja pandangan saya, oleh kerana tiada masa, saya minta supaya rancangan-rancangan yang akan datang dapat dikaji sebenar-benarnya supaya rancangan ini dapat menyeluruh kepada rakyat sebanyak 17 juta manusia yang ada di negara kita ini supaya dapat sama rasa sedikit sebanyak, seperti saya katakan tadi, orang-orang Melayu atau bumiputera ini tidak lagi duduk di tepi-tepi sungai, di tepi lombong dan ditepi jalan keretapi dan di ulu-ulu hanya dengan keadaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Keadaan ini kita hendakkan sama rasa, sama rata mudah-mudahan ini akan dapat kemakmuran kepada negara kita di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.16 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, apabila Rancangan Malaysia Kelima dibentangkan di Parlimen, saya dan rakan-rakan saya dalam DAP melahirkan harapan bahawa Rancangan Malaysia Kelima

akan menjadi satu pelan perpaduan untuk menyatupadukan berbagai kaum dan menyalurkan tenaga dan kebolehan mereka ke arah membina sebuah negara yang maju dan kuat yang mana kita boleh berasa bangga.

Untuk menjadikan Rancangan Malaysia Kelima sebagai pelan perpaduan yang boleh menyatupadukan berbagai kaum di Malaysia, Kerajaan mesti membuktikan sendiri bukan dengan perkataan tetapi menerusi keazaman dan tekad:

- (1) Ia berazam menjadi sebuah Kerajaan yang komited kepada semua kaum dan golongan;
- (2) Ia benar-benar berazam dan dedikasi untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum;
- (3) usaha-usaha menyusun semula masyarakat oleh Kerajaan bagi menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi-fungsi ekonomi bukanlah satu usaha penyusunan semula yang selective yang memberi faedah kepada satu golongan; dan
- (4) Ia benar-benar mengambil berat terhadap masalah dan aspirasi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengulas beberapa aspek kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelima, saya ingin menegaskan bahawa saya tidak menafikan bahawa Kerajaan telah membuat beberapa pencapaian ekonomi. Tetapi dipandang dari perspektif pembinaan bangsa dan mewujudkan perpaduan negara, Kerajaan gagal setakat ini dalam mempergunakan RML untuk mencapai objektif utama yang dikehendaki.

Adalah sering menjadi pandangan DAP bahawa tanpa perpaduan negara bagaimana besar sekalipun pencapaian

ekonomi perbelanjaan untuk ketenteraan dan pertahanan tidak boleh mempertahankan dan menyelamatkan Malaysia. Inilah sebab mengapa tugas utama Malaysia ialah mewujudkan perpaduan dan ini boleh dilakukan menerusi penghapusan ketidakadilan politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan yang kelihatan lebih merbahaya kepada kedaulatan negara dan integrasi nasional daripada menghadapi serangan luar.

Dalam sebuah negara majmuk seperti negara kita adalah penting bahawa hak asasi semua kumpulan ethnik dan kaum mesti dilindungi sepenuhnya dan mana-mana percubaan untuk menafikan hak-hak ini sama ada dalam lingkungan politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama akan hanya menyebabkan pertelingkahan dan perpecahan dan menghancurkan semua pencapaian ekonomi di negara kita.

Semua rakyat Malaysia terutamanya pemimpin-pemimpin politik dalam Barisan Nasional mesti memahami bahawa perlindungan hak-hak asasi berbagai kumpulan kaum di Malaysia tidak boleh dipisahkan dari mengutamakan kepentingan negara, kalau tidak kita akan terperangkap dalam usaha-usaha yang kontra produktif yang tidak sahaja akan memburukkan lagi perhubungan kaum di negara ini tetapi pada akhirnya akan memusnahkan program pembinaan bangsa dan pemulihan ekonomi.

Saya ingin menyentuh perkara pembasmian kemiskinan yang menjadi salah satu objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru. Kami menyokong program pembasmian kemiskinan dan adalah kepercayaan kami bahawa objektif membasmi kemiskinan patutlah dicapai tanpa melibatkan kira-kira dan kuota kaum. Dalam perkataan lain, ia mesti dilaksanakan tanpa mengira kaum.

Ditimbang dari usaha-usaha anti-kemiskinan oleh Kerajaan selama ini, kami belum dapat diyakini bahawa semua golongan miskin dalam negara ini telah menerima faedah dari program-program anti-kemiskinan Kerajaan. Kemiskinan dalam apa juga bentuk dan sektor tidak boleh ditolak ansur. Ia tidak dapat dijadikan isu perkauman kerana kemiskinan merentasi semua kumpulan kaum.

Kajian Separuh Penggal telah juga menyentuh hal pembasmian kemiskinan. Menurut Kajian Separuh Penggal, pendapatan garis kemiskinan ialah \$350 sebulan untuk sebuah isirumah yang terdiri daripada 5.14 orang di Semenanjung Malaysia, \$429 sebulan untuk sebuah isirumah yang mengandungi 5.24 orang di Sarawak dan \$533 sebulan untuk sebuah isirumah yang mengandungi 5.36 orang di Sabah.

Pendapatan garis kemiskinan ini tidak ada perbezaan antara isirumah bandar dan luar bandar. Isirumah bandar menanggung kos sara hidup yang tinggi dan kurang peluang untuk menambah hasil di rumah melalui penanaman yang boleh menokok-tambah pendapatan isirumah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima pendapatan miskin di Kuala Lumpur sekurang-kurangnya ialah \$500 sebulan.

Kajian Separuh Penggal patut mempunyai satu pendapatan garis kemiskinan isirumah yang berbeza bagi bandar dan luar bandar. Pada masa kini, dengan memakai definisi \$350, kadar kemiskinan bandar di Semenanjung Malaysia ialah hanya 8.1% berbanding 22.4% untuk kawasan luar bandar; di Sabah pula, kemiskinan bandar ialah 16.4% berbanding dengan 39.9% untuk luar bandar; manakala di Sarawak, ialah 7.5% berbanding dengan 29% untuk luar bandar.

Angka-angka ini tidak memberi satu gambaran yang tepat berhubung dengan kemiskinan bandar kerana garis kemiskinan yang digunakan menyamai pendapatan garis kemiskinan untuk isirumah luar bandar dan bandar. Dalam hal yang serupa, berhubung garis kemiskinan di kalangan orang-orang Cina, yang sebahagian besar mereka tinggal dalam kawasan-kawasan bandar, oleh itu terdapat gambaran bahawa kemiskinan di kalangan orang Cina ialah hanya 7.1% di Semenanjung Malaysia berbanding dengan 23.8% untuk bumiputera dan 9.7% untuk orang India sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3-7 Kajian Separuh Penggal. Menurut Kajian, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia di kalangan pelbagai kumpulan etnik menurun semasa tempoh 1984 ke 1987 tetapi bilangan isirumah miskin bertambah sedikit semasa tempoh tersebut.

Walaupun Kerajaan telah membuat beberapa kemajuan dalam mengurangkan kemiskinan di Semenanjung Malaysia, tetapi banyak yang perlu dilakukan secara adil dan saksama untuk semua kaum bagi bekerja ke arah pembasmian kemiskinan dalam negara.

Yang mendapat perhatian berat kami ialah kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak yang sangat tinggi. Di Sabah ialah 35.3%, di Sarawak 24.7% berbanding dengan 17.3% di Semenanjung Malaysia. Memandangkan masalah kemiskinan masih serius baik di Sabah ataupun di Sarawak, usaha-usaha khusus mestilah dibuat untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kedua-dua negeri, terutamanya di kalangan kaum-kaum Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain penduduk desa di Sarawak dan Sabah.

Bercakap mengenai kemiskinan, saya ingin menegaskan di sini bahawa

ketidakmilikan tanah masih merupakan satu isu sosial yang serius dalam kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir desa. Adalah juga merupakan satu masalah serius yang dihadapi oleh penanam haram di negara kita.

Walaupun benar bahawa isu tidak mempunyai tanah adalah serius di kalangan petani Melayu dan ini merupakan satu sebab untuk kemiskinan luar bandar, adalah silap untuk melupakan bahawa masih ramai bukan Melayu yang sama menghendaki tanah untuk bercucuk tanam. Akibat kesusahan dalam mendapatkan tanah untuk bercucuk tanam oleh penanam-penanam yang tidak mempunyai tanah, ramai mereka terpaksa bercucuk tanam secara haram.

Menurut Kajian Separuh Penggal, sejumlah 133,000 hektar tanah baru dibangunkan oleh agensi-agensi sektor awam yang mengandungi FELDA, RISDA, PKPN dan Lembaga Pembangunan Wilayah dan ini merupakan 46.4% dalam keseluruhan matlamat Rancangan Malaysia Kelima 286,700 hektar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6-3.

Mereka yang diambil ke dalam skim pembangunan tanah ini secara kasar terdiri dari satu kaum sahaja. Menurut bancian FELDA tahun 1976, sebanyak 96% peneroka-peneroka FELDA adalah terdiri dari orang-orang Melayu, manakala baki 4% adalah terdiri dari orang-orang Cina dan India. Ini tidak adil dan bertentangan dengan prinsip membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Rancangan tanah FELDA atau skim tanah pertanian yang lain patut mempunyai satu pembahagian yang mencerminkan pelbagai kaum yang menduduki negara ini.

Memandangkan bahawa ketidakmilikan tanah ialah sebab utama

kemiskinan, kami rasa Kerajaan patutlah mempunyai satu dasar pembahagian tanah untuk golongan miskin yang tidak mempunyai tanah. Di bawah dasar ini, petani-petani Melayu yang tidak mempunyai tanah dan golongan miskin bukan bumiputera yang tidak mempunyai tanah patut diberikan tanah untuk bercucuk tanam. Jika tanah dibahagikan kepada golongan miskin untuk bercucuk tanam dan mengeluarkan bahan makanan, ia akan menambah pengeluaran makanan kita, dan kita berupaya menyelamatkan pertukaran asing yang berpatutan yang mana kita sekarang mengimport lebih kurang \$3 billion makanan setiap tahun.

Kajian Separuh Penggal telah menyentuh kegiatan pembaharuan bandar, penyediaan rumah-rumah kos rendah dan membaiki atau meningkatkan pengangkutan antara dan dalam bandar untuk memberi manfaat kepada golongan miskin bandar.

Sebagai seorang wakil rakyat Kuala Lumpur, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk membantu golongan miskin bandar dalam ibunegara kita adalah memangnya tidak mencukupi. Kita ambil sebagai contoh. Golongan miskin bandar bermakna mereka yang mempunyai pendapatan lebih kurang \$500 sebulan dan terpaksa menanggung keluarga adalah tidak berupaya mempunyai rumah sendiri walaupun seunit rumahpangsa atau kos rendah.

Satu-satu harapan mereka ialah menyewa rumah-rumah awam kos rendah atau rumah pangsa tetapi dalam bandaraya Kuala Lumpur, pada hari ini, adalah sangat sukar dan mustahil untuk berbuat demikian kerana rumahpangsa-rumahpangsa untuk disewakan sangat berkurangan.

Sebagai sebuah Kerajaan yang mengambil perhatian berat mengenai

kesusahan golongan miskin dalam Kuala Lumpur patut sekali membina lebih banyak rumahpangsa kos rendah untuk disewa oleh mereka yang tidak berupaya memiliki rumah sendiri.

Memandangkan betapa seriusnya masalah pengangguran dalam kawasan-kawasan bandar, ramai orang miskin bandar terpaksa membuat pekerjaan sendiri. Ramai di antara mereka hendak menjadi peniaga kecil. Dalam hubungan ini, saya menyeru pihak berkuasa berkenaan supaya melonggarkan lagi serta menyegerakan pemrosesan dan kelulusan permohonan lesen untuk perniagaan jenis kecil. Ia tidak patut menyulitkan lagi pengeluaran sesuatu lesen. Semua peniaga haram mestilah diberikan lesen secara mudah. Semua bentuk gangguan terhadap peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen patutlah dihentikan.

Kajian Separuh Penggal mencatatkan bahawa peruntukan asal rancangan \$15.8 billion untuk keseluruhan program pembasmian kemiskinan telah dikurangkan sebanyak 13.7% kepada \$13.7 billion. Pengurangan ini amat mendukacitakan kerana pada pandangan saya pembasmian kemiskinan patutlah diberikan perhatian yang tertinggi dan utama oleh Kerajaan.

Walaupun Kerajaan mendakwa bahawa pengurangan tidak akan memberi kesan ke atas rancangan anti-kemiskinan, tidak boleh dinafikan bahawa dengan kekurangan wang untuk membasmi kemiskinan, maka banyak golongan atau kumpulan yang miskin dan daif tidak boleh menerima faedah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara pembangunan sumber manusia untuk memastikan keperluan tenaga pekerja bagi pembangunan negara, saya ingin membuat cadangan-cadangan yang berikht. Yang pertama. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung selama 5 minit pada petang hari Isnin.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

RAPAT UMUM—LARANGAN

6.31 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, tajuk Ucapan Penangguhan saya adalah satu perkara mustahak, satu perkara bagi kepentingan orang ramai dalam negeri ini.

Tuan Speaker, mengikut Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk "Kebebasan Bercakap, Berhimpun dan Menubuh Persatuan", isi kandungan Perkara 10 berbunyi:

"(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) (a). . . ."

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Speaker, kuorum.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tak boleh kacau hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila bilang.

(Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak cukup kuorum. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.